

**ADAPTASI NOVEL KE FILEM *DILAN 1990* KARYA PIDI BAIQ: SATU
PENELITIAN PRINSIP PARALEL DAN MODIFIKASI MENERUSI TEORI
INTERTEKSTUALITI**

MUHAMMAD ASYRAF FIRDAUS BIN DHALIM

C20A1539

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN
(KESUSASTERAAN WARISAN)**

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**ADAPTASI NOVEL KE FILEM *DILAN 1990* KARYA PIDI BAIQ: SATU
PENELITIAN PRINSIP PARALEL DAN MODIFIKASI MENERUSI TEORI
INTERTEKSTUALITI**

OLEH

**MUHAMMAD ASYRAF FIRDAUS BIN DHALIM
C20A1539**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebagian daripada syarat memperoleh Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

(KESUSASTERAAN WARISAN)

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Muhammad Asyraf
Firdaus bin Dhalim

No. Matriks: C20A1539

Tarikh: 22/02/2024



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Ts. Dr. Mohd
Saipuddin bin Suliman

Tarikh: 25 Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke atas Ilahi dengan limpah rahmat serta masa, nyawa dan tenaga yang telah dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Dengan rasa rendah diri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan tugas ini terutamanya pensyarah saya sendiri iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman yang telah banyak memberikan ilmu dan tunjuk ajar serta maklumat yang berkaitan dengan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan membimbing saya dalam menyiapkan tugas ini selama dua semester.

Saya ingin juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberikan kerjasama kepada saya bagi menyiapkan tesis ini. Dengan bantuan dan maklumat ini dapatlah saya menyiapkan tesis ini.

Selain itu juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberikan nasihat dan semangat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Dengan doa dan kewangan mereka, dapatlah saya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan dorongan secara langsung dan tidak langsung semasa saya menyiapkan tesis ini. Tanpa mereka mungkin tidak akan saya dapat menyiapkan tugas ini. Sekian, terima kasih diucapkan untuk semua.

Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim

Lot 906, Kampung Gelugor Haji Tahir,

20050 Kuala Terengganu,

Terengganu Darul Iman.

014-607 5494

c20a1539@siswa.umk.edu.my

Adaptasi Novel ke Filem *Dilan 1990* Karya Pidi Baiq: Satu Penelitian Prinsip Paralel dan Modifikasi Teori Intertekstualiti

ABSTRAK

Penelitian ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq. Kaedah analisis kajian yang digunakan adalah kualitatif iaitu pencarian maklumat berpandukan penelitian teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem *Dilan 1990*. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam konten analisis berdasarkan kandungan konten iaitu persamaan dan perbezaan jalan cerita, elemen yang telah diubah dan persamaan dan perbezaan jalan cerita dari teks ke visual. Seterusnya, kajian dijalankan menggunakan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi menerusi teori Intertekstualiti. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*.

Kata Kunci: *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*, *Dilan 1990*, Intertekstualiti, Modifikasi, Paralel

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Adaptation of the Novel "Dilan 1990" By Pidi Baiq Into The Film: A Study of The Principles of Parallel and Modification Through Intertextuality Theory

ABSTRACT

This research aims to identify the similarities and differences in the narrative of the adaptation of the novel "Dilan 1990" by Pidi Baiq into the film adaptation. The study also applies the theory of Intertextuality based on the aspects of Parallel and Modification in adapting the novel "Dilan 1990" by Pidi Baiq into the film. The research analysis method used is qualitative, involving information retrieval based on the study of the novel text "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990" and the script of the film "Dilan 1990." The findings of this study reveal both similarities and differences in the content analysis, focusing on the narrative elements, modifications made, and the comparison of the storyline from text to visual representation. Furthermore, the study employs the principles of Parallel and Modification through Intertextuality theory. Therefore, this research aims to analyze the similarities and differences in the storyline between the novel "Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990" and the film "Dilan 1990."

Key words: *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990, Dilan 1990, Intertextuality, Modification, Parallel*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	11
1.8.1 Adaptasi	12
1.8.2 Teori Intertekstualiti	13
1.9 Organisasi Kajian	14
1.9.1 Bab Satu	14
1.9.2. Bab Dua	14
1.9.3 Bab Tiga	14
1.9.4 Bab Empat	15
1.9.5 Bab Lima	15
1.10 Kesimpulan	16
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Pengkajian berkaitan dengan tokoh	17
2.3 Pengkajian berkaitan dengan karya-karya Pidi Baiq	24

2.4 Pengkajian berkaitan dengan teori Intertekstualiti	29
2.5 Kajian berkaitan dengan filem dan adaptasi	35
2.6 Kesimpulan	42
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	43
3.2 Rekabentuk kajian	43
3.3 Kaedah kajian	45
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	46
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	46
3.3.3 Sumber Internet	48
3.4 Teori Intertekstualiti	49
3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Intertekstualiti	50
3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Intertekstualiti	52
3.4.2.1 Prinsip Transformasi	52
3.4.2.2 Prinsip Modifikasi	53
3.4.2.3 Prinsip Demitefikasi	53
3.4.2.4 Prinsip Ekserp	53
3.4.2.5 Prinsip Haplologi	54
3.4.2.6 Prinsip Paralel	54
3.4.2.7 Prinsip Eksistensi	54
3.4.2.8 Prinsip Konversi	55
3.4.2.9 Prinsip Demifamiliarisasi	55
3.4.2.10 Prinsip Ekspansi	55
3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori	56
3.5 Kerangka Teoritik	57
3.6 Kesimpulan	58
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	59
4.2 Persamaan dan perbezaan dalam konten analisis berdasarkan kandungan konten	60
4.2.1 Persamaan dan perbezaan jalan cerita	61

4.2.2 Elemen yang diubah	69
4.2.2.1 Elemen perubahan dialog watak	70
4.2.1.2 Perubahan elemen watak dan isi kandungan surat	77
4.2.3 Persamaan dan perbezaan jalan cerita dari teks ke visual	80
4.3 Analisis teori Intertekstualiti berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi	82
4.3.1 Prinsip Paralel dalam novel <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i>	83
4.3.1.1 Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	84
4.3.1.2 Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem	95
4.4 Dapatan kajian	105
4.4.1 Dapatan kajian objektif 1	106
4.4.2 Dapatan kajian objektif 2	107
4.5 Kesimpulan	108
BAB 5: KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	108
5.2 Rumusan	108
5.3 Implikasi Kajian	110
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian	112
5.4.1 Kementerian Malaysia	112
5.4.2 Orang Awam	114
5.4.3 Peranan industri tempatan	115
5.4.4 Peranan pengkaji lain	116
5.5 Kesimpulan	117
RUJUKAN	118
LAMPIRAN	124

SENARAI RAJAH

KANDUNGAN	HALAMAN
Rajah 3.1: Kaedah Analisis Tekstual	48
Rajah 3.2: Prinsip Teori Intertekstualiti	52
Rajah 3.3 Kerangka Teoritikal merupakan gambaran keseluruhan mengenai kaedah di dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian	57
Rajah 4.1: Kerangka Teori Intertekstuali yang akan digunakan pada bab 4	59
Rajah 4.2: Dapatan kajian persamaan, perbezaan dan elemen yang diubah	105
Rajah 4.3: Dapatan Kajian Objektif 2	106

SENARAI JADUAL

KANDUNGAN	HALAMAN
Jadual 4.1: Persamaan dan perbezaan jalan cerita	61
Jadual 4.2: Persamaan dan perbezaan jalan cerita	64
Jadual 4.3: Persamaan dan perbezaan jalan cerita	67
Jadual 4.4: Elemen perubahan dialog watak Milea	70
Jadual 4.5: Perubahan dialog watak Dilan, Milea, Si Bibi dan Piyan	72
Jadual 4.6: Perubahan elemen dan dialog Dilan dan Pak Suprito	75
Jadual 4.7: Perubahan elemen watak dan ini kandungan surat	77
Jadual 4.8: Persamaan dan perbezaan jalan cerita dari teks ke visual	81
Jadual 4.9: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	86
Jadual 4.10: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	88
Jadual 4.11: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	90
Jadual 4.12 : Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	91
Jadual 4.13: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem <i>Dilan 1990</i>	93
Jadual 4.14: Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem	97
Jadual 4.15: Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem	100
Jadual 4.16: Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem	102

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Adaptasi merupakan perkataan yang bersinonim dengan perkataan penyesuaian, modifikasi dan ubahsuai yang berkaitan dengan keadaan di dalam konteks orang atau benda. Secara etimologi perkataan adaptasi berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *adaptation* yang membawa maksud penyesuaian dengan keadaan yang baru dan berbeza. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyatakan bahawa beradaptasi membuat penyesuaian struktur biologi yang berbeza secara fungsinya dengan jenis-jenis persekitaran yang berbeza untuk mengadaptasikan sesuatu.

Perkataan ini secara terbitan beradaptasi merupakan membuat penyesuaian dan sebutan Pandangan Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat (2005) menyatakan bahawa cara penyebutan adaptasi dengan a·dap·ta·si. Di dalam konteks ini adaptasi merupakan pengubahsuaian sesuatu media kepada media yang lain seperti memodifikasikan sebuah karya novel kepada sebuah filem. Pandangan Eneste (1991), di dalam kajian Isnaniah, S. (2015) filem yang diangkat dari sebuah novel merupakan sumber penelitian persepsi terhadap teks yang menjadi sandaran dalam media lain. Proses adaptasi karya novel boleh disebut sebagai ekranisasi.

Teori Intertekstualiti adalah sebuah teori yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin (1926). Menurut pandangan Bakhtin (1926), di dalam setiap karya itu akan berlaku dialog antara teks dalaman dan teks luaran. Unsur dalaman adalah hal yang berkaitan dengan aspek yang membina sebuah karya seperti tema, watak, perwatakan, plot, latar dan sebagainya manakala unsur luaran pula adalah hal yang berkaitan dengan kehidupan seorang penulis sama ada daripada pengalaman hidup atau peristiwa-

peristiwa yang mempunyai kaitan dengan pengarang tersebut, pembacaan, pengetahuan dan pemerhatian seorang pengarang. Pendapat Bakhtin (1926), untuk menghasilkan karya itu adalah dengan gabungan antara dua unsur iaitu dalaman dan luaran. Hubungan-hubungan tersebut akhirnya berlakunya Intertekstualiti. Teori Intertekstualiti mengkaji tentang kewujudan hubungan antara teks dengan teks yang lain. Berdasarkan Kristeva (1996), setiap teks lahir hasil daripada kutipan, pengubahsuaian, transformasi dan resapan daripada teks-teks lain. Teori Intertekstualiti ini mempunyai 10 prinsip iaitu Transformasi, Modifikasi, Demitefikasi, Haplologi, Ekserp, Ekspansi, Konversi, Eksistensi, Paralel, Defamiliarisasi. Justeru itu, kajian ini akan mengaplikasikan prinsip Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*.

Novel mula diperkenalkan di negara Indonesia sejak zaman penjajahan Belanda dan pengaruh sastera barat mula tersebar ke seluruh wilayah Indonesia sejak abad ke-19 seperti novel, puisi dan cerita pendek telah dibawa oleh orang eropah yang datang ke negara Indonesia pada masa itu. Menurut Alvanov Zpalanzani dan Agus Sachari (2013), perkembangan novel di Indonesia bermula adanya mesin cetak yang dibawa oleh Belanda dan pada awalnya masyarakat menggunakan hasil penulisan tangan dalam menghasilkan novel. Justeru itu, pengeluaran novel di negara Indonesia sangat terbatas. Oleh itu, kewujudan mesin cetak telah menyebabkan karya-karya novel di Indonesia berkembang ke seluruh wilayah di Indonesia.

Novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* (2014) merupakan salah satu karya Pidi Baiq yang berjaya diadaptasikan menjadi sebuah filem *Dilan 1990* (2018) arahan Fajar Bustomi yang berdurasi selama 1 jam 5 minit. Novel dan filem ini mengisahkan tentang kehidupan remaja pada zaman persekolahan di Kota Bandung berlatarkan tahun 1990. Hal ini dikatakan demikian kerana karya yang dihasilkan oleh beliau memberikan gambaran tentang kehidupan remaja yang bersekolah di Bandung,

Indonesia pada tahun 1990. Oleh hal yang sedemikian karya Pidi Baiq telah diangkat oleh golongan remaja kerana memenuhi citasa remaja dan orang dewasa di Indonesia dan juga di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti dan menganalisis terhadap persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* (2014) dan filem *Dilan 1990* (2018) arahan Fajar Bustomi dan pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi. Berpandukan hasil sorotan kajian lepas pengkaji mendapati tajuk kajian ini kurang dikaji oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Kesusasteraan mempunyai pelbagai aliran dalam penulisan untuk mengemukakan pemikiran dalam hasil karya. Justeru itu, adaptasi filem *Dilan 1990* (2018) ini akan meneliti persamaan dan perbezaan jalan cerita adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*.

Menurut Mohd Shahremy (2021), teori Intertekstualiti merupakan sebuah teori yang tidak asing lagi di dalam dunia kesusasteraan. Di Asia Tenggara, Partini Sardjono (1986) adalah individu yang bertanggungjawab yang mengembangkan teori Intertekstualiti yang sedia ada oleh Kristeva (1966). Beliau memperkenalkan prinsip baru bagi teori ini iaitu prinsip ekserp. Di Malaysia dan Singapura pula, kajian berdasarkan teori Intertekstualiti dilakukan oleh Abdul Rahman Napiah atau Mana Sikana (1994) yang membincangkan kajian tesis Phd-nya yang bertajuk *Tuah Jebat Dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* pada tahun 1989. Namun demikian, kesemua kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik masih berasaskan daripada prinsip teori intertekstual oleh Kristeva (1966) dan prinsip teori Intertekstualiti terdapat sepuluh iaitu Transformasi, Modifikasi, Ekspansi, Demitefikasi, Haplologi, Ekserp, Paralel, Konversi, dan Eksistensi. Justeru itu, kajian ini akan mengaplikasikan prinsip

Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* (2018) arahan Fajar Bustomi.

Pandangan Rahman Asri (2020) filem adalah medium yang boleh menjadi cerminan realiti sosial dalam masyarakat dan sekali gus sebagai sumber untuk menghidupkan realiti. Hal ini kerana sesebuah filem akan menggambarkan situasi yang sebenar yang berlaku pada seorang penulis sama ada berkaitan dengan kerjaya, latar belakang dan pengalaman seseorang penulis. Filem juga sebagai boleh dikatakan sebagai wacana antara pembuat filem dan masyarakat serta persekitaran umum. Filem dibuat melalui teks (text) yang dihasilkan melalui karya novel yang dijadikan sebagai dialog, plot, babak dan sebagainya. Dengan ini jelaslah teks memainkan peranan dalam pembuatan filem yang menjadi tarikan kepada golongan muda untuk meminati karya-karya sastera yang telah dihasilkan oleh sasterawan seperti *The Lord of the Rings* (2004) dan *Harry Potter and the Deathly Hallows – Part 1* (2010) serta catatan sejarah seperti *Hikayat Hang Tuah* yang diadaptasikan menjadi sebuah filem seperti *Puteri Gunung Ledang* (2004), *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022) dan sebagainya.

Menurut Rebekka Rismayanti (2021), filem *Dilan 1990* merupakan filem remaja yang berlatarkan tahun 1990 diterbitkan pada tahun 2018. Filem ini merupakan salah satu adaptasi daripada *Novel Dilan: Dia Adalah Dilanku tahun 1990* yang merupakan karya yang dihasilkan oleh Pidi Baiq pada tahun 2014. Filem ini menceritakan kehidupan seorang remaja Sekolah Menengah Atas (SMA) di Bandung yang berkaitan dengan cinta antara Dilan dan Milea.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengaplikasian prinsip Paralel dan Modifikasi berdasarkan teori Intertekstualiti oleh Kristeva (1966) di dalam Filem *Dilan 1990* dan Novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq dengan teori Intertekstualiti kurang dikaji oleh pengkaji sebelum ini sama ada di Indonesia mahupun Malaysia. Kajian-kajian yang banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum ini berkaitan dengan remaja merupakan peminat dan penonton yang mengalami psikologi tempoh ingin tahu yang lebih mendalam sebagai bentuk mencari identiti yang mudah terpengaruh dengan role model mengikut keperluan remaja seperti watak Dilan tidak ubah seperti kanak-kanak. Menurut Rohma (2021), yang mengkaji berkaitan dengan konsep di dalam filem *Dilan 1990* yang terdapat di dalam filem novel *Dilan 1990* ialah filem ini berlatarkan pada tahun 1990 di kota Bandung dan mengaplikasikan bahawa sebuah karya novel atau filem adalah sebuah wadah yang dapat membendung sesuatu yang dapat diambil daripada wadah seperti kotak. Jadi kajian ini akan lebih memfokuskan kepada persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* dan mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi dalam kajian ini.

Pandangan Sumirhati & Nila Kastari (2021), novel merupakan karya sastera yang banyak diminati oleh semua golongan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, novel merupakan salah satu bentuk hiburan bagi golongan yang meminati buku atau ulat buku. Pembaca novel ini dapat mengambil perkara yang positif yang terdapat yang ada pada sebuah novel tersebut. Novel juga merupakan karya sastera yang menceritakan masalah-masalah yang berkaitan dengan kehidupan seseorang sehingga dapat menarik minat para pembaca terhadap novel tersebut. Novel juga boleh dijadikan sebagai karya fiksi yang bersifat imajinasi melalui unsur intrinsik seperti tema, watak-perwatakan, jalan cerita, latar belakang, sudut pandangan dan gaya bahasa yang

digunakan di dalam sesuatu novel untuk menarik minat kepada pembaca terhadap novel tersebut.

Pengkaji juga berpendapat bahawa persamaan dan perbezaan jalan cerita yang diketengahkan oleh Pidi Baiq dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Justeru itu, pengkaji ingin melihat persamaan dan perbezaan jalan cerita berdasarkan novel *Dilan 1990: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* yang dihasilkan oleh Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi . Oleh itu, pengkaji ingin merungkai segala persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi serta pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi.

Kajian mengenai novel dan filem *Dilan 1990* Pidi Baiq sememangnya telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Walaubagaimanapun, kajian lepas yang berkaitan dengan persamaan dan perbezaan jalan cerita adaptasi dalam novel ke filem *Dilan 1990* kurang dikaji oleh pengkaji sebelum ini. Justeru, ini merupakan permasalahan kajian utama yang ingin dikaji oleh pengkaji. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan dengan pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi ke dalam kajian ini dan persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat di dalam novel dan filem *Dilan 1990* yang diterapkan oleh Pidi Baiq di dalam karyanya.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang telah menjadi tanda tanya dalam pemikiran pengkaji untuk melakukan kajian ini adalah berikut:-

- 1.4.1 Apakah persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq?
- 1.4.2 Bagaimanakah pengaplikasian teori Intertekstualiti dapat dilakukan berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama yang menyebabkan pengkaji merasa perlu untuk melakukan kajian ini adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut:-

- 1.5.1 Mengenal pasti persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.
- 1.5.2 Mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini bertujuan untuk menarik minat masyarakat kepada karya-karya sastera dengan mengubah dari suatu media kepada media yang lain dengan secara adaptasi sesebuah novel menjadi sebuah filem secara tidak langsung akan mengubah persepsi masyarakat terhadap karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebahagian besar masyarakat pada hari ini mempunyai persepsi bahawa sastera hanya melalui pembacaan, bersajak, berpuisi dan sebagainya. Dengan adanya adaptasi karya sebuah novel akan membuka mata masyarakat terhadap evolusi karya sastera kepada media lain seperti karya sastera yang telah berjaya diadaptasikan menjadi sebuah filem iaitu *The Lord of the Rings* (1949) karya John Ronald Reuel Tolkien yang diangkat menjadi sebuah filem *The Lord of the Rings: The Fellowship of the Ring* (2001) dan filem ini mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat antarabangsa dengan berjaya mendapat kutipan 898.2 juta usd pada masa itu. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap karya-karya sastera seperti novel akan diangkat menjadi sebuah filem pada masa akan datang.

Selain itu, kajian dalam ilmu bidang sastera bukan sahaja untuk mengembangkan ilmu sastera akan tetapi ia juga dapat mengembangkan cabang ilmu yang lain. Hal ini kerana 6 karya sastera bukan sahaja dapat memberikan ilmu berkaitan dengan sastera malahan memberikan ilmu yang berkaitan dengan sejarah, sains, matematik, budaya, lukisan dan sebagainya yang turut dimasukkan di dalam karya-karya sastera secara tidak langsung dapat melahirkan Masyarakat Madani yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 iaitu masyarakat yang maju dari segi pemikiran dan berpengetahuan. Oleh itu, seiring dengan perkembangan ilmu sastera dapat memberikan manfaat kepada perkembangan ilmu yang lain.

Kajian ini juga akan memberikan penekanan terhadap kehidupan remaja. Ini adalah kerana filem novel ini berkaitan dengan kehidupan remaja di semasa waktu persekolahan. Sebahagian besar remaja di zaman sekolah akan mengalami cinta monyet atau di dalam bahasa Inggeris *puppy love* kerana wujudnya perasan jatuh cinta sesama sendiri. Di dalam kajian ini juga wujud nilai persahabatan yang terdapat kedua-dua media tersebut. Hal ini di zaman persekolahan, remaja mempunyai ramai kawan yang rapat.

1.7 Batasan Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, beberapa batasan kajian akan ditetapkan bagi tidak meninggalkan bahagian-bahagian tertentu dalam melakukan kajian. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tentang persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat daripada adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi dan kajian ini turut menekankan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi oleh Kristeva (1966). Kajian ini terbatas hanya kepada teks *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* (2014) dan filem *Dilan 1990* (2018) dan turut membataskan jalan cerita yang diketengahkan oleh pengarang dan pengarah berkaitan dengan kehidupan remaja di Kota Bandung, Indonesia pada tahun 1990. Teks tersebut ditulis oleh Pidi Baiq dan arahan filem juga oleh Pidi Baiq. Teks *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dicetak oleh Pastel Book pada tahun 2014 dan mempunyai 364 halaman. Filem *Dilan 1990* merupakan filem yang diterbitkan oleh syarikat Max Pictures pada tahun 2018 dan berdurasi 1 jam 50 minit.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif terbatas kepada novel dan filem serta hasil karya Pidi Baiq iaitu *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* tanpa melibatkan pengkarya dan sasterawan yang lain. Kajian ini juga akan

membataskan ruang lingkup teori Intertekstualiti iaitu hanya menilai dan menganalisis teks yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* berdasarkan novel *Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990* yang merupakan karya Pidi Baiq. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini hanya menganalisis tentang kehidupan remaja yang wujud di dalam filem *Dilan 1990* dan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Pengkaji akan menggunakan beberapa buah buku dan artikel untuk membantu pengkaji menyelesaikan kajian yang berkaitan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Kajian ini akan melihat secara mendalam berkaitan pengaplikasian prinsip Paralel dan Modifikasi berdasarkan teori Intertekstualiti oleh Kristeva (1966) yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq yang diadaptasikan menjadi sebuah filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Oleh itu, analisis prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi dalam karya ini dilihat mampu memberi pengetahuan tentang jalan cerita yang terkandung di dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* sama ada mengalami perubahan atau masih mengekalkan teks yang sedia ada di dalam novel tersebut. Batasan kajian ini juga dapat menjadi hujahan kepada pengkaji dalam menyelesaikan masalah ini dengan baik berkaitan dengan penerapan prinsip Paralel dan Modifikasi berdasarkan teori Intertekstualiti Kristeva (1966) dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* untuk menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya berkaitan dengan prinsip Paralel dan Modifikasi yang diterapkan di dalam adaptasi novel ke filem.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep adalah kunci untuk memberikan gambaran tentang kajian utama sebuah kajian yang dijalankan supaya lebih teratur dan kemas serta tidak lari daripada tujuan asas kajian. Pendapat Abdullah Haji Abdul Ghani (2002), penyelidikan

merupakan suatu proses untuk mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah setelah melakukan sesuatu analisis dan penelitian terhadap sesuatu perkara-pekerja yang berkaitan dengan kajian. Oleh yang demikian proses penyelidikan haruslah dilakukan dengan teliti, tersusun dan sistematik bagi seseorang penyelidik. Definisi istilah dan konsep juga menyatakan istilah penting yang terdapat dalam kajian ini seperti:

1.8.1 Adaptasi

Hani Salwani Yaakup (2018), industri perfileman Malaysia pada asalnya mengambil daripada naskhah-naskhah bangsawan yang telah diadaptasikan menjadi sebuah filem seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Filem yang pertama daripada naskah bangsawan pertama yang telah diadaptasikan kepada filem di Malaysia adalah filem *Laila Majnun* (1934). Bermula daripada ini, telah banyak naskhah bangsawan yang pada asalnya terdiri daripada cerita rakyat, epik, syair, hikayat dan sastera tradisional yang lain dijadikan sebagai bahan cerita utama dalam penghasilan filem. Antara filem yang dihasilkan melalui hikayat atau cerita rakyat adalah *Batu Belah Batu Bertangkup* (1950), *Bawang Putih dan Bawang Merah* (1959) dan *Musang Berjanggut* (1959) yang merupakan hasil daripada naskhah-naskhah sastera tradisional kepada media baru seperti filem.

Pandangan Sudirman Kiffli & Nurul Afini Roslin (2021), pengadaptasian sesebuah karya sastera ke bentuk filem bukanlah suatu perkara yang asing di dalam dunia kreatif pada hari ini. Terdapat banyak filem yang dihasilkan melalui adaptasi sesebuah karya sastera seperti cerita rakyat, dongeng, mitos, lagenda dan juga daripada novel. Fenomena ini telah berlaku berpuluh-puluh tahun yang lalu di negara barat seperti Perancis. Proses pengadaptasian ini adalah sebahagian daripada perubahan daripada kaedah penceritaan kepada bentuk yang baru seperti filem. Kebanyakan filem

pada masa kini banyak diadaptasikan melalui novel-novel. Hal ini dikatakan demikian kerana, pusat penghasilan filem terbesar di dunia pada hari adalah Hollywood memperlihatkan banyak filem yang dihasilkan melalui karya sastera. Contohnya *Harry Potter* yang merupakan karya J.K Rowling serta banyak lagi karya-karya sastera lain yang dijadikan sebagai filem.

1.8.2 Teori Intertekstualiti

Menurut M. Shahremy (2021), teori Intertekstualiti merupakan sebuah kajian yang menerangkan sesuatu perkara dengan terperinci mengenai pemindahan teks yang dirujuk melalui sesuatu karya kepada media lain, sumber yang dibaca daripada sumber yang lain ke dalam hasil penulisan sendiri. Pendapat Allen (2000) dalam kajian M. Shahremy (2021) teori Intertekstualiti merupakan sebuah kajian makna pada teks. Kajian berkaitan dengan teori Intertekstualiti ini telah diperkenalkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1966 yang silam. Dalam kajian beliau lakukan telah melihat fenomena kewujudan teks dalam sebuah teks dan dialog yang digunakan berasaskan teks dari suatu sumber pada sumber yang lain. Teori intertekstualiti ini bermula daripada dialogik Mikhail Mikhailovich dan juga dalam sistem tanda oleh Ferdinand de Saussure dan teori ini diteruskan lagi dengan perkembangan kajiannya oleh Roland Barthes, Gerard Genette dan Harold Bloom.

Menurut Izra Inna et al (2020) intertekstualiti merupakan bacaan Intertekstualiti pada awalnya dikenali sebagai *dialogic* atau dialogik yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin pada tahun 1926. Mikhail Mikhailovich Bakhtin (1895-1975) merupakan seorang ahli falsafah yang berasal daripada negara Rusia dan beliau juga dikenali sebagai pengkritik sastera. Tujuan utama Mikhail Bakhtin adalah untuk memberikan gambaran kepada pembaca dan mentafsirkan karya sastera Rusia yang sukar untuk

difahami pada masa itu. Definisi Intertekstualiti ini membawa maksud setiap satu teks terbina daripada pencantuman pernyataan yang setiap satunya merupakan penyerapan dan penjelmaan daripada teks yang lain.

1.9 Organisasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan membahagikan kajian kepada lima bab. Pembahagian organisasi kajian dilakukan agar proses penyelidikan berjalan dengan lancar secara sistematik, tersusun dan kemas.

1.9.1 Bab Satu

Bab ini merangkumi pendahuluan yang membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, batasan kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi, istilah dan konsep, organisasi kajian yang bakal dilakukan serta kesimpulan.

1.9.2 Bab Dua

Dalam bab ini akan membincangkan tentang kajian berkaitan dengan literatur yang merangkumi pandangan atau tinjauan sorotan kajian lepas dari pelbagai sumber yang jelas seperti pengkajian berkaitan dengan teks dalam kesusasteraan melayu, pengkajian berkaitan dengan penulisan Pidi Baiq dan novel serta filem *Dilan 1990*, pengkajian tentang teori Intertekstualiti dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.9.3 Bab Tiga

Dalam bab ini pula akan menyatakan kaedah metodologi kajian seperti cara menggunakan kaedah untuk melakukan kajian. Teknik yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan mengumpul data dari sumber internet. Kaedah analisis pula akan menggunakan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan

filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq. Teori Intertekstualiti pandangan Kristeva (1966) berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi juga digunakan untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

1.9.4 Bab Empat

Dalam bab ini terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian. Secara khususnya bab empat ini mengandungi analisis berkaitan persamaan dan perbezaan jalan cerita terdapat dalam novel dan filem. Seterusnya, pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel dan Modifikasi ke dalam adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* kepada filem *Dilan 1990*.

1.9.5 Bab Lima

Bab lima merupakan bab penutup yang mengandungi rumusan perbincangan serta dapatan kajian bagi menjawab segala persoalan yang telah dibangkitkan. Kesan kajian dan saranan serta cadangan kajian juga terdapat dalam bab ini.

1.10 Kesimpulan

Kajian ini merupakan sebuah kajian penting iaitu persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq serta pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel dan Modifikasi. Pengkaji juga akan menjelaskan tentang tujuan dan sebab utama kajian ini perlu disokong untuk dihasilkan. Jika dilihat melalui kajian ini masalah kajian ini banyak timbul persoalan tentang persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat di dalam adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq serta pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan Modifikasi. Pengkaji berasa terpenggil untuk meneruskan kajian ini bagi memenuhi keperluan kepada semua pihak pada masa yang akan datang untuk meneruskan kajian ini. Pelbagai persoalan yang wujud menyebabkan timbulnya objektif untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq serta penggunaan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel dan Modifikasi. Setiap perkara yang berkaitan dengan kajian ini telah pun diwujudkan untuk mengisi kekosongan sorotan kajian lepas iaitu dengan beberapa-beberapa artikel, tesis, buku, novel dan filem namun tajuk kajian ini belum ada pemerhatian oleh mana-mana penyelidik sebelum ini. Oleh hal yang demikian, dengan adanya kesemua keperluan kajian ini diharapkan dapat dijalankan dengan baik dan mendalam serta memenuhi kehendak penyelidikan pada masa yang akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur adalah suatu kajian sistematik untuk mengkaji permasalahan kajian yang sedang dijalankan. Di dalam prosedur ini pengkaji akan mempertimbangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh orang lain serta mencari kumpulan sesebuah kajian itu untuk diisi agar sesebuah perkara yang dikaji dapat dinyatakan dengan baik. Menurut pandangan Amani Dahman (2011), kajian literatur adalah analisis sorotan kajian lepas melalui bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, buku, tesis untuk mengumpul sebanyak mana maklumat penyelidikan tentang permasalahan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian literatur juga adalah proses mengumpul, meninjau, dan menganalisis literatur yang relevan dalam suatu bidang atau topik tertentu. Dalam kajian literatur, peneliti membaca dan menganalisis berbagai sumber seperti jurnal ilmiah, buku, artikel, dan tesis terkait dengan topik yang sedang diteliti. Kajian-kajian lepas merupakan kajian mengenai teori Intertekstualiti, *Dilan 1990*, Pidi Baiq, Mikhail Bakhtin, filem dan novel. Semua kajian lepas yang diambil adalah dari dalam dan luar negara. Setelah pengumpulan data dan sorotan kajian hampir sama telah dibuat sebelum ini. Namun demikian, masih ada ruang skop kajian iaitu unsur teks berdasarkan teori Intertekstualiti yang belum dikaji dalam karya Pidi Baiq iaitu *Dilan 1990*.

2.2 Pengkajian berkaitan dengan tokoh

Nadhilatus Safitri dan Setya Yuwana Sudikan menulis artikel pada tahun 2015, yang bertajuk Novel Men Cobleng karya Oka Rusmini: kajian teori Dialogis Mikhail

Bakhtin. Objektif kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendedahkan dialog novel Men Cobleng dengan melalui tiga konsep teori Dialog iaitu kronotop, polifonik, dan karnival. Kaedah kajian ini dilakukan secara kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah beliau dapat menerapkan tiga konsep teori Dialogis Mikhail Bakhtin yang terdapat dalam novel Men Cobleng iaitu krotop, polifonik dan karnival di dalam kajian beliau lakukan. Di dalam kajian beliau lakukan terdapat perbezaan dengan pengkaji lakukan iaitu beliau telah menerapkan teori Dialogis di dalam kajian beliau lakukan manakala pengkaji pula menerapkan teori Intertekstualiti di dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian beliau ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian ini.

Muh.Bakri menulis artikel jurnal pada tahun 2018, yang bertajuk *Dialog polifonik dalam novel Ziarah karya Iwan Simatupang (Tinjauan Dialogis Mikhail Bakhtin)*. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan *unfinalizability*, the *Self and Others* dan karnivalisasi dalam novel Ziarah. Metodologi kajian ini dilakukan dengan kaedah deskriptif kualitatif untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah beliau dapat menemukan *unfinalizability* di dalam novel Ziarah seperti perkahwinan pelukis dan isterinya, Opster mengurung diri di dalam biliknya dan kematian datuk bandar atau *walikota*. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah beliau menggunakan novel Ziarah di dalam kajian lakukan manakala pengkaji menggunakan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* untuk kajian ini. Oleh dengan itu, kajian beliau ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian ini.

Deni Hadiansah et al. menulis jurnal ini pada tahun 2021 yang bertajuk *The Value of character education in the novel of Dilan 1990 written by Pidi Baiq: Sociology Study*. Objektif kajian ini menghuraikan nilai pendidikan watak dalam novel *Dilan 1990*

dan menggunakan pendekatan sastera sosiologi. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah dapat membentuk nilai pendidikan karakter remaja yang meliputi agama, nasionalisme, gotong-royong dan persahabatan di dalam filem *Dilan 1990*. Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Deni Hadiansah et al. pada tahun 2021 adalah beliau memberikan fokus kepada sosiologi terhadap filem *Dilan 1990* manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap teori Intertekstualiti terhadap adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Oleh yang demikian, kajian ini juga membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian dan objektif kajian ini.

Yanti et al. menulis jurnal ini pada tahun 2021 yang bertajuk *Analisis gaya bahasa pada filem Dilan 1990 karya Pidi Baiq*. Objektif kajian ini adalah penelitian terhadap jenis gaya bahasa yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* iaitu perbandingan gaya bahasa, gaya bahasa sindiran, gaya bahasa penegasan atau pengulangan dan gaya bahasa konflik. Metodologi kajian ini dilakukan secara deskriptif kualitatif. Berdasarkan dapatan kajian ini beliau dapat mengesan jenis gaya bahasa yang digunakan di dalam filem *Dilan 1990* sebanyak 85 secara keseluruhan berdasarkan dialog yang terdapat filem *Dilan 1990*, selain itu juga beliau dapat mengesan 5 gaya bahasa konflik yang terdapat di dalam filem tersebut dan akhir sekali 28 dialog berkaitan dengan gaya bahasa sindiran yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990*. Dalam kajian Yanti et al. pada tahun 2021 terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau melakukan kajian penggunaan gaya bahasa yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* manakala pengkaji memberikan fokus kepada teori Intertekstualiti untuk menyelesaikan permasalahan kajian dan objektif kajian. Oleh itu, kajian yang beliau lakukan sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan tugas ini berdasarkan tajuk di atas.

Raja Azillah telah menulis artikel ini pada tahun 2017 yang bertajuk Analisis psikologi tokoh utama novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq. Kajian ini adalah untuk mendapatkan Sarjana Pendidikan (S.Pd.) di Universitas Maritim Raja Ali Haji Tanjungpinang. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk penyelidikan psikologi sastera yang mempunyai peranan penting dalam memberikan maklum balas terhadap watak dan perwatakan yang dibangunkan dalam menganalisis karya sastera yang penuh dengan permasalahan psikologi. Kaedah kajian ini dilakukan secara deskriptif kualitatif iaitu dengan cara analisis data dalam bentuk pengurangan data, pembentangan data dan kesimpulan. Melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh Raja Azillah pada tahun 2017 adalah beliau dapat mengenal pasti unsur *id*, *ego* dan *superego*. Unsur *id* yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* adalah keinginan watak *Milea* seperti menggambarkan perasaan ingin tahu Milea tentang sesuatu, menahan rasa tidak selesa memenuhi keperluan biologi. Di dalam kajian yang dilakukan oleh Raja Azillah pada tahun 2017 terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau mengkaji hanya novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* manakala pengkaji pula mengkaji filem *Dilan 1990*. Kajian ini sedikit sebanyak telah membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian ini.

Siti Nurhilmah et al. menulis kajian pada tahun 2021 yang bertajuk tindak tutur ilokusi dalam dialog tokoh Dilan pada film *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan jenis-jenis tingkah laku ilokusi dan fungsi tingkah laku ilokusi dalam dialog Dilan yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Kaedah kajian dilakukan secara deskriptif kualitatif iaitu berdasarkan sumber data penyelidikan berdasarkan pada filem *Dilan 1990*. Hasil dapatan kajian ini beliau berjaya menyelesaikan permasalahan kajian iaitu beliau berjaya mengesan dan mengenal pasti lima jenis tingkah laku ilokusi dalam

dialog watak Dilan di dalam filem *Dilan 1990* iaitu tingkah laku ilokusi tegas, tingkah laku arahan, tingkah laku komisif, tingkah laku ekspresif dan tingkah laku deklaratif. Melalui kajian yang Siti Nurhilmah et al. pada tahun 2021 terdapat perbezaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu kajian beliau lakukan memberikan fokus kepada tingkah laku yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap penggunaan teori Intertekstualiti di dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, kajian beliau ini akan dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian ini.

Akbar Rezki et al. menulis artikel jurnal pada tahun 2021 yang bertajuk *critical spiritualism in a collection of short stories "Markesot Bertutur Lagi" by Emha Ainun Nadjib: Dialogical Analysis of Mikhail Bakhtin*. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti karnavalisasi dan spritualisme kritis yang terdapat dalam koleksi cerpen *Markesot Bertutur Lagi* menggunakan dialog Mikhail Bakhtin. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis data melalui kajian kaedah kajian literatur. Melalui dapatan kajian ini, beliau dapat mengenal pasti karnavalisasi dan spiritualisme yang terdapat di dalam cerpen *Markesot Bertutur Lagi* iaitu watak dan kedudukan pengarang. Melalui kajian ini juga beliau mendapati bahawa watak di dalam cerpen *Markesot Bertutur Lagi* tidak menjamin dirinya sepenuhnya polifonik dan dialogis berdasarkan dialog Mikhail Bakhtin. Di dalam kajian Akbar Rezki et al. pada tahun 2021 terdapat perbezaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu beliau mengkaji cerpen *Markesot Bertutur Lagi* berdasarkan dialog analisis Mikhail Bakhin manakala pengkaji pula mengkaji novel dan filem *Dilan 1990* berdasarkan teori Intertekstualiti Mikhail Bakhtin. Oleh yang demikian, kajian ini telah memberikan membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan kajian serta objektif kajian ini berdasarkan tajuk di atas.

Dila Nazila Turrahmah menulis jurnal pada tahun 2019 yang bertajuk ekranisasi novel *Dilan 1990* karya Pidi Baiq ke dalam filem *Dilan 1990* karya Fajar Bustomi. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menggambarkan struktur naratif filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi dan proses ekranisasi yang berlaku dalam novel *Dilan 1990* karya Pidi Baiq ke dalam filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi. Kaedah kajian ini adalah kualitatif iaitu mengumpul data yang berkaitan dengan kajian melalui perpustakaan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa filem *Dilan 1990* mempunyai struktur naratif yang terdiri daripada 87 *kernels* dan *satellite* iaitu *kernels* merupakan adegan teras tidak dapat dialihkan daripada filem jika berlaku maka filem *Dilan 1990* akan mengalami kecacatan manakala *satellite* pula merupakan blok bangunan plot dan peristiwa untuk mencari struktur dalam filem. Kajian ini terdapat perbezaan diantara pengkaji dengan Dila Nazila Turrahmah pada tahun 2019 iaitu beliau mengkaji tentang struktur naratif di dalam novel dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq manakala pengkaji pula mengkaji adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* dengan menggunakan teori Intertekstualiti.

Rudi Karma dan Lilis Muspitasari Irwan menulis jurnal pada tahun 2022 yang bertajuk interaksi sosial dalam film *Mariposa* Sutradara Fajar Bustomi. Objektif kajian ini adalah Penyelidikan ini bermotifkan hubungan antara individu atau lebih di mana tingkah laku individu mempengaruhi, mengubah atau memperbaiki tingkah laku individu lain atau sebaliknya. Metodologi kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu penyelidikan berkaitan dengan analisis konten (*content analysis*) yang menggunakan data penelitian temubual. Dapatan kajian ini adalah daripada hasil penelitian dan perbincangan menunjukkan bahawa bentuk interaksi sosial yang terkandung dalam filem *Mariposa Sutradara* arahan Fajar Bustomi terdiri daripada interaksi sosial asosiatif dalam bentuk koperatif iaitu kerjasama antara watak sedia ada, sosialisasi iaitu terbuka dan tertutup. sikap watak, dan pertukaran, iaitu satu watak memberi lebih

banyak maklumat kepada watak lain. Melalui kajian ini terdapat perbezaan antara pengkaji dengan beliau adalah pengkaji memberikan tumpuan kepada filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi manakala beliau memberikan tumpuan kepada filem *Mariposa Sutradara* karya Fajar Bustomi.

Elisabeth Yohana Paulin Ngada menulis jurnal pada tahun 2022 yang bertajuk perbandingan novel *Mariposa* karya Luluk HF dengan film *Mariposa* yang disutradarai oleh Fajar Bustomi. Objektif kajian ini adalah membandingkan novel dan filem berdasarkan novel *Mariposa* karya Luluk HF, yang kemudiannya dijadikan filem dengan tajuk yang sama arahan Fajar Bustomi dan perbandingan, objektif lain kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara novel *Mariposa* karya Luluk HF dan filem *Mariposa* arahan Fajar Bustomi. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah deskriptif berbentuk perkataan yang bertujuan untuk memahami perbandingan, hubungan, dan kesannya terhadap kedua-dua karya sastera tersebut. Dapatan kajian yang diperoleh daripada perbandingan struktur, teknik yang digunakan dalam pengumpulan data adalah teknik mencatat nota, iaitu segala hasil daripada pembacaan novel atau menonton filem akan direkodkan. Dalam kajian ini, didapati persamaan, klimaks dan kesudahan cerita filem dan novel adalah watak Iqbal yang sudah mula membuka hati kepada Acha. Melalui kajian ini terdapat perbezaan diantara pengkaji dengan Elisabeth Yohana iaitu pengkaji mengkaji novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi manakala Elisabeth Yohana pula mengkaji tentang novel *Mariposa* karya Luluk HF dan filem *Mariposa yang Disutradarai* oleh Fajar Bustomi.

2.3 Pengkajian berkaitan dengan karya-karya Pidi Baiq

Berdasarkan kajian Pipit Novita et al. pada tahun 2021, yang bertajuk analisis tindak tutur ekspresif *Dilan* dalam filem *Dilan 1990*. Kajian ini dilakukan bertujuan mendapatkan Ijazah Sarjana Muda di Universitas Negeri Semarang, Jawa Tengah, Indonesia. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai tindakan *Dilan* di dalam filem *Dilan 1990*. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian deskriptif dan kualitatif. Di dalam kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan data pada penelitian dengan menggunakan teknik semak dan mencatat. Sumber data penelitian ini adalah keseluruhan tingkah laku Dilan kepada Milea dalam filem *Dilan 1990*. Dapatan kajian berkenaan tindakan *Dilan* menunjukkan, Dilan mempunyai beberapa kelakuan yang telah dikenal pasti iaitu tindakan *Dilan* kepada *Milea* iaitu berkelakuan memuji, meminta maaf dan mengkritik. Di dalam kajian ini terdapat perbezaan dari segi tajuk utama dalam kajian ini yang dikaji oleh pengkaji iaitu kajian ini menggunakan teori Intertekstualiti manakala kajian yang dilakukan oleh Pipit Novita et al. pada tahun 2021 tidak menggunakan sebarang teori dalam kajian yang beliau lakukan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori Intertekstualiti berdasarkan pandangan Mikhail Bakhtin.

Lathifah Khairani menulis artikel pada tahun 2022 dengan tajuk visualisasi ekspresi emosi melalui akting tokoh utama sebagai penguat setting suasana dalam film *Dilan 1991*. Objektif kajian ini adalah memberikan tumpuan kepada masalah yang berkaitan dengan visualisasi pelakon utama sebagai penggalak *setting* suasana berlatarkan tahun 1991 di dalam filem *Dilan 1991*. Metodologi kajian ini dilakukan secara kualitatif deskriptif. Dapatan kajian ini beliau dapat menyelesaikan permasalahan kajian itu meneliti terhadap visualisasi ungkapan perasaan melalui gambaran lakonan pelakon utama filem *Dilan 1991* iaitu Iqbaal Ramadhan yang

merupakan *Dilan* dan Vanesha Prescilla yang merupakan *Milea* seperti ekspresi muka, dialog dan intonasi yang berbeza di setiap adegan. Di dalam kajian Lathifah Khairani terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau mengkaji filem *Dilan 1991* manakala pengkaji pula mengkaji filem *Dilan 1990*. Oleh yang demikian, kajian yang beliau lakukan akan menjadi rujukkan kepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian berdasarkan tajuk di atas.

Kurnia et al. menulis artikel jurnal ini pada tahun 2023 yang bertajuk *analysis of the main character's inner conflict in the novel Milea Suara Dari Dilan by Pidi Baiq*. Objektif kajian ini bertujuan untuk menghuraikan bentuk konflik dalaman, sebab terjadinya konflik dalaman dan bentuk penyelesaian konflik dalaman watak utama dalam novel *Milea Suara Dari Dilan* karya Pidi Baiq. Metodologi kajian ini adalah kaedah deskriptif kualitatif iaitu mengumpul data maklumat dan penerangan secara bertulis. Dapatan kajian ini dapat disimpulkan adalah bentuk konflik dalaman yang dihadapi oleh watak utama meliputi perselisihan faham antara pilihan yang tidak diingini, kekeliruan dalam menghadapi masalah dan keinginan yang tidak sesuai dengan realiti. Punca utama berlakunya konflik dalaman watak utama adalah dua sebab iaitu eksternal dan internal. Selain itu juga, bentuk penyelesaian konflik dalaman watak utama dalam novel adalah penyelesaian secara pemejalwapan, penindasan, rasionalisasi dan unjukan. Melalui kajian beliau lakukan terdapat persamaan di dalam kajian ini dengan pengkaji iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan karya Pidi Baiq. Namun demikian, kajian ini juga terdapat perbezaan iaitu kajian ini memberikan tumpuan kepada novel *Milea Suara Dari Dilan* manakala pengkaji pula mengkaji novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990*.

Faradelia Ramadhani menulis artikel pada tahun 2021 yang bertajuk perbandingan representasi romantisme remaja dalam trilogi film *Dilan*. Objektif kajian

ini adalah mengkaji unsur romantisisme yang terdapat di dalam kategori filem romantisisme yang mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990*, *Dilan 1991* dan *Milea Suara Dari Dilan* yang merupakan sebuah *trilogy* filem. Metodologi kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan analisis semiotik John Fiske “*the code of television*” yang merangkumi kod kepada tiga peringkat iaitu realiti, perwakilan dan ideologi. Dapatan kajian yang diperolehi adalah pada perwakilan, romantisme remaja yang ditunjukkan oleh *Dilan* dan *Milea* dalam ketiga-tiga filem tersebut yang terdapat perbezaan yang terletak pada sudut pandangan dan jalan cerita dari filem-filem tersebut. Melalui kajian ini terdapat persamaan dengan pengkaji iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan karya Pidi Baiq dan terdapat perbezaan antara kedua-dua kajian ini adalah kajian yang dilakukan oleh Faradelia Ramadhani memberikan tumpuan kepada ketiga-tiga filem *Dilan* dengan unsur romantisme dan manakala pengkaji pula memberikan tumpuan kepada filem *Dilan 1990* dengan menggunakan teori Intertekstualiti.

Idawati et al. pada tahun 2018, yang bertajuk kajian Intertekstual novel *Dilan* karya Pidi Baiq dengan novel *Milea* karya Pidi Baiq. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana hubungan Intertekstualiti dalam hal berkaitan dengan tema, latar, jalan cerita, watak-perwatakan, gaya bahasa, sudut pandangan dan mandat. Melalui dapatan kajian ini bahawa terdapat hubung kait dengan Intertekstualiti di antara novel *Dilan: Dia adalah Dilanku 1990*, novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1991* dan novel *Milea: Suara Dari Dilan* dalam hal yang berkaitan dengan tema, sudut pandangan, latar yang diguna pakai di dalam ketiga-tiga novel tersebut. Di dalam kajian yang beliau lakukan terdapat persamaan iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan menggunakan teori Intertekstualiti. Namun, kajian ini terdapat juga perbezaan iaitu Idawati et al. mengkaji ketiga-tiga novel Pidi

Baiq manakala pengkaji pula mengkaji filem *Dilan 1990* dan novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990*.

Meika Tyara et al. menulis jurnal pada tahun 2020 yang bertajuk kajian Intertekstual antara novel *Dilan 1991* karya Pidi Baiq dengan novel *Delusi* karya Sirhayani. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui persamaan dan perbezaan dari segi tema, perwatakan, plot dan sudut pandangan yang terkandung dalam kedua buah novel tersebut. Kaedah kajian ini adalah kualitatif yang menggunakan prosedur analisis tiada statistik. Dapatan kajian ini adalah bahawa antara novel *Dilan 1991* karya Pidi Baiq dan novel *Delusi* karya Sirhayani mempunyai tema yang sama ada perbezaan jalan cerita ada persamaan perwatakan ada perbezaan sudut pandangan. Melalui kajian ini terdapat perbezaan diantara kedua-dua kajian ini iaitu Meika Tyara et al. pada tahun 2020 mengkaji tentang Intertekstual antara novel *Dilan 1991* karya Pidi Baiq dengan novel *Delusi* karya Sirhayani manakala pengkaji pula mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dengan teori Intertekstualiti.

Aceng Abdullah dan Rangga Saptia Mohamad Permana menulis jurnal pada tahun 2020 yang bertajuk Pembingkaihan media mengenai “Sudut Dilan” yang terinspirasi Film *Dilan 1990* dan *1991*. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan pembingkaihan berita berkenaan pembinaan *Dilan Corner* di HU Minda Rakyat dan Tribun Jawa Barat. Kaedah kajian ini adalah kualitatif. Dapatan kajian adalah mentakrifkan pemikiran rakyat di Jawa Barat tentang agenda ahli politik untuk lima tahun akan datang, manakala Tribun Jabar mentakrifkannya masalah pembinaan *Angle Dilan*. Melalui kajian ini terdapat perbezaan antara beliau dengan pengkaji iaitu beliau mengkaji kedua-dua novel *Dilan 1990* dan *1991* manakala pengkaji memberikan tumpuan kepada novel dan filem *Dilan 1990*.

Karninik et al. menulis jurnal pada tahun 2019 yang bertajuk psikologi tokoh utama dalam novel *Dilan, Dia adalah Dilanku tahun 1991* karya Pidi Baiq. Objektif kajian ini adalah Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan unsur psikologi id, ego dan superego dalam watak utama dalam novel *Dilan, Dia Adalah Dilanku pada tahun 1991* karya Pidi Baiq. Metodologi kajian ini adalah deskriptif kualitatif iaitu kaedah pengumpulan data melalui pembacaan. Dapatan kajian ini adalah mendapati unsur id, ego dan superego. Unsur psikologi watak id *Milea* ialah id *Milea* memenuhi kepuasan, memenuhi kesenangan, menolak ketidakselesaian iaitu berbohong, id *Milea* menangis kerana memutuskan hubungannya dengan *Dilan*, id *Milea* memenuhi rasa mengantuk, id *Milea* menolak ketidakselesaian. Di dalam kajian ini terdapat perbezaan diantara pengkaji dengan Karninik et al. 2020 iaitu beliau mengkaji tentang psikologi watak utama di dalam *Dilan 1991* karya Pidi Baiq manakala pengkaji pula mengkaji tentang mengkaji tentang Intertekstualiti dalam novel dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada tahun 2018.

Tegar Armada Nur dan Shinta Kristanty menulis jurnal pada tahun 2022 yang bertajuk pemaknaan remaja tentang sikap tanggung jawab dalam tayangan film *Milea: Suara dari Dilan*. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana makna-makna yang dihasilkan oleh remaja terhadap sikap *Dilan* yang bertanggungjawab dalam filem *MILEA: Suara Dari Dilan* karya Pidi Baiq. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan analisis penerimaan Stuart Hall. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa maksud informan terhadap sikap tanggung jawab Dilan dalam filem *MILEA: Suara Dari Dilan* dan menunjukkan bahawa setiap informasi tentang makna yang berbeza dalam mentafsir sikap tanggungjawab Dilan dalam filem tersebut. Melalui kajian ini terdapat perbezaan diantara pengkaji dengan Tegar Armada Nur dan Shinta Kristanty pada tahun 2022 iaitu beliau mengkaji tentang sikap tanggungjawab di

dalam filem *Milea: Suara dari Dilan* karya Pidi Baiq manakala pengkaji pula mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dengan menggunakan teori Intertekstual.

Joshua Eka Saputra menulis kajian pada tahun 2019 yang bertajuk konsep acuan bauran oleh Max Pictures dalam melakukan strategi promosi film *Dilan 1991*. Kajian ini dilakukan bertujuan memenuhi syarat untuk mendapatkan Sarjana Televisi dan Film di Universitas Jember. Objektif kajian ini adalah semua bahan yang berkaitan dengan promosi film *Dilan 1991* baik dilakukan melalui media *offline* mahupun *online*. Metodologi kajian ini dilakukan melalui kaedah kualitatif. Dapatan kajian ini adalah gambaran umum berkaitan dengan filem *Dilan 1991* iaitu dari segi tema, latar, dan tempat filem tersebut iaitu tema yang digunakan di dalam filem *Dilan 1991* adalah romantik, latar filem tersebut adalah tahun 1991, tempat adalah di Kota Bandung. Melalui kajian ini terdapat perbezaan diantara pengkaji dengan Joshua Eka Saputra pada tahun 2019 iaitu beliau mengkaji filem *Dilan 1991* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dari segi promosi filem tersebut manakala pengkaji pula mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Bustomi Fajar dengan menggunakan teori Intertekstualiti berdasarkan pandangan Mikhail Bakhtin.

2.4 Pengkajian tentang Teori Intertekstualiti

Mohd Shahremy telah menulis artikel ini pada tahun 2021 dengan bertajuk Intertekstualiti Kiriman Blog dalam Kalangan Remaja berdasarkan Gender. Tujuan kajian oleh Mohd Shahremy dilakukan untuk melihat Intertekstualiti teks antara kedua-dua remaja yang berlainan gender. Kaedah kajian ini dilakukan secara kualitatif. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat penggunaan teks dalam blog kiriman blog dan proses pemaknaan melalui pendekatan teori Intertekstualiti di dalam penulisan blog

remaja berlainan gender. Melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh beliau didapati bahawa kiriman blog dua orang remaja sepanjang tahun 2012. Analisis kajian ini dilakukan secara empat rumus Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva iaitu terdiri daripada hipoteks secara tradisional, hipoteks adalah pengarang sendiri, hipoteks pengarang lain dan hipoteks bukan kreatif. Di dalam kajian ini membuktikan bahawa yang pemaknaan teks yang ada adalah mempunyai pengaruh dalam pemaknaan suatu teks. Di dalam kajian ini terdapat perbezaan antara kajian yang dilakukan oleh Mohd Shahremy pada tahun 2021 iaitu beliau mengkaji berkaitan dengan kiriman blog manakala pengkaji pula mengkaji adaptasi filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq pada tahun 2018. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Shahremy pada tahun 2021 adalah merupakan rujukan kepada pengkaji untuk menambah maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk di atas.

Abdul Halim Ali dan Ariff Mohamad menulis artikel jurnal pada tahun 2015 yang bertajuk novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* dalam bacaan Intertekstualiti. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur Intertekstualiti dalam novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* karya Amaruszati Noor Rahim. Kaedah kajian ini adalah kaedah deskriptif kualitatif. Melalui dapatan kajian ini, beliau dapat mengesan terdapat teks-teks sejarah dan elemen-elemen sejarah di dalam novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* karya Amaruszati Noor Rahim seperti teks yang terdapat di dalam novel *Leftenan Adenan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Taip, teks *Memoir Samsiah Fakeh* dan pengalaman benar dalam masyarakat kini. Beliau mendapati bahawa novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* ini bukan sahaja terhasil daripada kapasiti keunggulan satu idea sahaja, namun dibantu oleh kehadiran teks-teks lain yang berjaya menghasilkan jalan cerita yang menarik. Di dalam kajian beliau lakukan terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau memberikan fokus kepada novel *Episod Cinta*

di Tanah Hijrah berdasarkan bacaan Intertekstualiti manakala pengkaji pula memberikan tumpuan kepada novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Oleh itu, kajian ini telah membantu pengkaji untuk mencari maklumat berkaitan dengan tajuk di atas.

Nursham Abdul Aziz telah menulis tesis ini pada tahun 2015 yang bertajuk novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: kajian Intertekstualiti. Tujuan kajian ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi ijazah doktor falsafah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Objektif kajian ini adalah menganalisis tiga buah novel terpilih iaitu *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Beruk* (2010) karya Azizi Hj Abdullah. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif. Dapatan kajian ini adalah melihat penulisan Azizi Hj Abdullah berdasarkan hipoteks yang melalui proses seperti kerja pemindahan atau penambahan episod tertentu bagi memperkukuh makna hipoteks dan terdapat juga proses-proses lain seperti penukaran, pengembangan, serapan, persamaan atau pembaikan daripada teks asal membolehkan teks asal berubah kepada bentuk baharu sama ada dari aspek kandungan ataupun sisi plot penceritaan. Di dalam kajian ini terdapat persamaan iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan teori Intertekstualiti di dalam kajian ini dan kajian ini juga terdapat perbezaan iaitu beliau mengkaji karya-karya Azizi Hj Abdullah manakala pengkaji pula mengkaji karya-karya Pidi Baiq.

Habiburrahman menulis tesis ini pada tahun 2016 yang bertajuk analisis Intertekstualiti dalam puisi dinyanyikan karya Taufiq Ismail. Tujuan kajian ini adalah memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Islam) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tujuan kajian ini adalah bertujuan untuk memfokuskan puisi-puisi keagamaan *Nyanyian Puisi, Puisi Yang Dinyanyikan* oleh Taufiq Ismail yang terhimpun dalam buku *Mengakar ke bumi Menggapai ke langit 1*

(1953-2008). Objektif kajian ini adalah mengenal pasti hubungan puisi-puisi tersebut dengan teks al-Quran dan Hadis, menghurai lapisan makna yang tersirat, serta mengkaji prinsip intertekstualiti yang terdapat dalam kumpulan puisi berkenaan. Kaedah metodologi kajian ini adalah pendekatan kualitatif iaitu kajian diimplimentasi menerusi kajian kepustakaan. Dapatan kajian ini adalah hampir kesemua puisi keagamaan Taufiq Ismail memiliki pengaruh al-Quran dan al-Hadis. Persamaan kajian ini adalah kedua-dua kajian ini menggunakan teori Intertekstualiti di dalam kajian dan manakala perbezaan kajian ini adalah beliau mengkaji puisi keagamaan Taufiq Ismail dan pengkaji pula mengkaji karya novel dan filem Pidi Baiq.

M. Riyan Hidayat pada tahun 2021, bertajuk kisah Yajuj Majuj dalam tafsir *Al-Azhar*: analisis Intertekstualitas Julia Kristeva. Objektif kajian ini adalah mencari hubungan antara Tafsir *Al-Azhar* Buya Hamka dan tafsir *Fi Dzilali Al-Qur'an* Sayyid Qutb. Kaedah kajian ini adalah secara deskriptif kualitatif iaitu kajian ini menggunakan kaedah Kajian perpustakaan (*library research*) iaitu pengumpulan data-data melalui pembacaan buku, artikel, dan penulisan berkaitan dengan kajian. Melalui dapatan kajian ini adalah mendapati bahawa tafsir *Al-Azhar* mempunyai transposisi hubungan teks dengan tafsir *Fi Dzilali Al-Qur'an* yang termasuk dalam kategori pengubahsuaian, kewujudan dan selari. Melalui kajian ini terdapat persamaan antara pengkaji dengan M. Riyan Hidayat iaitu kedua-duanya menggunakan teori Intertekstualiti dalam penelitian ini. Namun kajian ini terdapat perbezaan iaitu kajian beliau tertumpu pada tafsir *Al-Azhar* Buya Hamka dan tafsir *Fi Dzilali Al-Qur'an* Sayyid Qutb manakala pengkaji pula memberikan tumpuan kepada novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

Mawar Safei dan Tuan Rusmawati menulis jurnal pada tahun 2016 bertajuk politik Intertekstualiti dalam juara. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk

menumpukan pemerhatian terhadap hubungan dan proses antara teks dalam penghasilan novel Melayu. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu pengumpulan data maklumat melalui pembacaan. Dapatan kajian ini adalah beliau dapat menemukan dalam kerangka Intertekstualiti di dalam kepengarangan S. Othman Kelantan iaitu memperagakan daripada cerpen *Pahlawan Lembu*. Melalui kajian ini terdapat persamaan antara pengkaji dengan Mawar Safei dan Tuan Rusmawati pada tahun 2016 iaitu kedua-duanya menggunakan teori Intertekstualiti. Namun, kajian ini terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau memberikan tumpuan terhadap novel *Juara* manakala pengkaji memberikan tumpuan kepada novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990*.

Umami Anisa menulis kajian pada tahun 2019 bertajuk hubungan Intertekstualitas antara komik *Wayang Purwa* karya Saleh Ardisoma dengan novel *Grafis Serat Tripama: Gugur Cinta Di Maespati* karya Sujiwo Tejo. Tujuan kajian ini untuk mendapatkan Sarjana Sastera di Universitas Negeri Jakarta. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan Intertekstualiti diantara komik *Wayang Purwa* karya Saleh Ardisoma dengan novel *Grafis Serat Tripama: Gugur Cinta Di Maespati* karya Sujiwo Tejo berdasarkan teori Dialogisme. Metodologi kajian ini adalah deskriptif kualitatif iaitu analisis teks dan gambar. Melalui dapatan kajian ini adalah bahawa, kajian ini dapat mengenal pasti tiga bentuk dialogisme iaitu dominan, berunding dan pembangkang yang terdapat di dalam karya Saleh Ardisoma dan Sujiwo Tejo. Persamaan kajian ini adalah kedua-duanya menggunakan kaedah Intertekstualiti di dalam kajian. Namun, terdapat juga perbezaan di dalam kajian ini iaitu kajian yang dilakukan oleh Umami Anisa adalah memberikan tumpuan kepada komik dan novel manakala pengkaji pula memberikan tumpuan kepada filem dan novel.

Mona Sari menulis kajian pada tahun 2017 yang bertajuk analisis intertektualitas cerpen *Surat Dari Emak* karya Yulhasni dengan cerpen *Perempuan Perkasa* karya Nasib TS. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan Sarjana Pendidikan (S.Pd.) di Universitas Muhammadiyah Sumatra Utara Medan. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti Intertekstualiti diantara cerpen *Surat dari Emak* karya Yulhasni dengan cerpen *Perempuan Perkasa* karya Nasib TS. Kaedah kajian ini adalah deskriptif kualitatif. Hasil daripada kajian ini, terdapat maklumat yang diperolehi adalah struktur cerpen *Suara dari Emak* karya Yulhasni dengan cerpen *Perempuan Perkasa* karya Nasib TS yang merangkumi tema, watak-perwatakan, latar dan plot. Persamaan kajian ini adalah penggunaan Intertekstualiti di dalam kajian ini. Namun, terdapat juga perbezaan antara kajian yang dilakukan oleh Mona Sari adalah beliau mengkaji cerpen manakala pengkaji pula mengkaji novel dan filem.

Nugroho Pamungkas menulis kajian pada tahun 2016 yang bertajuk perbandingan dalam novel *Pulang* karya Leila S. Chudori dengan novel *Pulang* karya Toha Mohtar serta implikasinya terhadap pembelajaran sastra Indonesia di sekolah menengah atas. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan Sarjana Pendidikan di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. Tujuan kajian ini adalah menghuraikan perbandingan Cinta Tanah Air dengan ulasan Intertekstual yang terdapat dalam novel *Pulang* karya Leila S. Chudori dan novel *Pulang* karya Toha Mohta. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan pendekatan Intertekstual yang bertujuan untuk mengetahui perbandingan antara novel *Pulang* karya Leila S. Chudori dengan novel *Pulang* karya Toha Mohtar. Dapatan kajian ini adalah kedua-dua novel tersebut, diketahui bahawa kedua-dua novel ini mempunyai hubung kait dengan Intertekstual iaitu novel tersebut bertemakan kerinduan dan cinta akan tanah air yang dialami oleh watak utama yang sama iaitu lelaki dewasa. Di dalam kajian ini terdapat

persamaan iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan Intertekstual di dalam kajian ini. Namun, terdapat perbezaan diantara kedua-dua kajian tersebut iaitu beliau mengkaji tentang novel *Pulang* karya Leila S. Chudori dan *Pulang* karya Toha Mohtar manakala pengkaji pula, mengkaji novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Bustomi Fajar.

Romel Noverino menulis jurnal pada tahun 2015 yang bertajuk kajian wacana kritis Intertekstual (Interdiskursivitas) pada terjemahan yang menggunakan bahasa gaul. Objektif kajian ini adalah menganalisis wacana kritikal yang berhubung kait dengan Intertekstualiti dalam terjemahan yang menggunakan slanga sebagai setara dengan teks sumber bahasa Inggeris dan bahasa baku. Kaedah kajian ini adalah deskriptif kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes tunggal dan analisis kandungan menggunakan sumber data daripada novel *Pretty Little Liars* pada tahun 2006 dan terjemahannya. Dapatan kajian ini adalah hubungan Intertekstualiti dengan hubungan diantara teks yang mengandungi makna sosial dan budaya masyarakat. Di dalam kajian ini terdapat persamaan iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan Intertekstualiti. Namun di dalam kajian ini terdapat juga perbezaan iaitu, kajian beliau meneliti kritikal Intertekstualiti manakala pengkaji pula mengkaji novel dan filem dengan menggunakan teori Intertekstualiti berdasarkan pandangan Mikhail Bakhtin.

2.5 Kajian berkaitan dengan filem dan adaptasi

Kajian yang dilakukan oleh Ubong Imang pada tahun 2015 yang bertajuk sifat dan motivasi dan penontonon filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengetahui dan mengambil kira sifat dan motivasi penontonan filem dalam kalangan penonton. Oleh itu, kajian ini akan dilakukan

berdasarkan sifat dan motivasi penontonan filem di Malaysia dengan memberi fokus kepada perbezaan dan persamaannya diantara penonton filem tegar dan penonton filem tidak tegar. Dapatan data kajian diperolehi dalam kajian ini adalah wujud perbezaan kecenderungan sifat dan motivasi penontonan di antara kumpulan responden yang dikaji. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat implikasi kepada pemasaran industri filem tempatan. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik telah diedarkan sebanyak 1337 borang dalam kalangan pengunjung pawagam yang dipilih secara rawak di tujuh bandar iaitu Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru, Kuala Lumpur, Klang, Kuantan dan Alor Setar. Melalui kajian ini terdapat perbezaan antara pengkaji dengan Ubong Imang pada tahun 2015 iaitu Ubong Imang mengkaji motivasi dan penontonan filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia manakala pengkaji mengkaji adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dengan menggunakan teori Intertekstualiti.

Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma pada tahun 2019 yang bertajuk penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: satu analisis pragmatic. Objektif kajian ini adalah menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik menggunakan pendekatan pragmatik. Metodologi kajian ini adalah kualitatif. Hasil dapatan kajian ini bahawa bahasa kiasan digunakan dalam plot konflik bagi menyatakan kekecewaan, perkelahian dan ketidakpuasan hati. Melalui kajian ini telah membuktikan bahawa pengukapan bahasa kiasan dapat difahami oleh komunikator berdasarkan pendekatan teori Pragmatik. Terdapat persamaan di kajian yang dilakukan oleh Aminuddin Saimon dan Zaiton Azma adalah kedua-dua kajian ini mengkaji berkaitan dengan filem. Namun, terdapat juga perbezaan di dalam kajian ini adalah dari segi penggunaan teori iaitu pengkaji menggunakan teori Intertekstualiti manakala beliau menggunakan teori Pragmatik di dalam kajian beliau.

Hani Salwani menulis jurnal pada tahun 2018 yang bertajuk *Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat*. Objektif kajian ini adalah meneliti representasi budaya menerusi filem dalam sesebuah jangka masa dapat menjelaskan bukan semata-mata mengenai gambaran seram tetapi, juga struktur sosio-ekonomi masyarakat dalam sesebuah fasa penyelidikan. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif diaplikasikan dengan membandingkan elemen naratif dan watak perwatakan yang dihidangkan menerusi novel dan filem yang menyentuh berkenaan representasi kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun. Dapatan kajian ini dapat dilihat kepelbagaian media turut mempengaruhi sesebuah representasi budaya masyarakat setempat diperlihatkan kepada masyarakat. Melalui kajian ini terdapat perbezaan iaitu kajian ini mengkaji adaptasi novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid manakala pengkaji pula mengkaji adaptasi novel dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

Nur Yuhanis et al. menulis jurnal pada tahun 2021 yang bertajuk *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan*. Objektif kajian ini adalah membincangkan kerja pembangunan animasi dua dimensi (2D) ala persembahan Bangsawan. Metodologi kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor peribadi seperti umur, minat, jantina serta latar belakang pendidikan mempengaruhi persepsi individu terhadap adaptasi dan kajian ini juga menunjukkan bahawa animasi merupakan satu medium adaptasi yang bagus untuk menampilkan teks lama atau bahan sejarah untuk dihayati oleh generasi kini. Di dalam kajian ini terdapat perbezaan iaitu kajian ini menumpukan kajian animasi *Bangsawan Puteri Saadong* yang merupakan adaptasi daripada teks lama ke animasi, manakala pengkaji pula memberikan tumpuan kepada adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

Sudirman Kiffli dan Afni Roslin menulis jurnal pada tahun 2021 yang bertajuk Elemen-elemen adaptasi dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (TPR). Objektif kajian ini adalah penelitian terhadap aspek-aspek adaptasi yang terdapat dalam penghasilan filem Ramlee Awang Murshid. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan melaksanakan beberapa tinjauan terhadap kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dan beberapa kaedah lain seperti kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa menunjukkan keempat-empat elemen adaptasi yang diterapkan di dalam TPR oleh pembuat filem iaitu sumber dan cara adaptasi, tujuan adaptasi, kumpulan atau penonton dan konteks. Melalui kajian yang beliau lakukan terdapat perbezaan dengan pengkaji iaitu beliau menumpukan adaptasi novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Murshid manakala pengkaji pula memfokuskan kajian ini kepada adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

Mizan Qistina menulis kajian pada tahun 2021 yang bertajuk kajian adaptasi hikayat ke filem: analisis berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini dilakukan adalah syarat untuk memperoleh ijazah sarjana muda (Pengajian Warisan) dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan. Objektif kajian ini adalah mengkaji faktor-faktor proses pengadaptasian *Hikayat Merong Mahawangsa* ke dalam filem, membincangkan perkaitan teori adaptasi yang digunakan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dan mengenalpasti kepentingan proses adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* ke filem. Kaedah kajian ini adalah kualitatif iaitu proses analisis data untuk mendapatkan maklumat melalui perpustakaan, kaedah laman sesawang dan pemerhatian terhadap filem adaptasi dan juga kaedah analisis data telah dilakukan iaitu berdasarkan kaedah analisis tektual. Dapatan kajian mendapati bahawa dengan adanya adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* ke filem ini dapat memberikan pendedahan

tentang cerita rakyat kepada masyarakat. Di dalam kajian ini terdapat perbezaan iaitu Mizan Qistina mengkaji adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* ke filem manakala pengkaji pula mengkaji adaptasi novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* yang menjadi sebuah filem *Dilan 1990*.

Ahmad Adam menulis kajian pada tahun 2022 yang bertajuk analisis penulisan skrip dalam filem adaptasi terpilih berdasarkan pendekatan estetika bersepadu. Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi ijazah sarjana muda (Pengajian Warisan) dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti unsur-unsur estetika yang terdapat dalam filem adaptasi terpilih dan menganalisis hubungan antara skrip dan teks novel dalam filem adaptasi. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif kualitatif iaitu menggunakan maklumat-maklumat ataupun data-data daripada filem adaptasi, skrip, bahan-bahan ilmiah dan sebagainya. Dapatan kajian ini adalah dapat memberikan satu pandangan baru mengenai lanskap arena filem adaptasi dan penulisan skrip di Malaysia. Perbezaan kajian ini adalah Ahmad Adam mengkaji tentang analisis penulisan skrip dalam filem adaptasi terpilih berdasarkan pendekatan estetika bersepadu manakala pengkaji pula mengkaji adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* dengan menggunakan teori Intertekstualiti.

Fairuladlan et al. menulis jurnal pada tahun 2020 yang bertajuk representasi stailistik filem *Hang Tuan (1956)*. Objektif kajian adalah melihat kepada aspek stilistik yang merupakan salah satu elemen penting dalam pembuatan filem seperti sinematografi, *mise en scene* dan penyuntingan. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif. Dapatan kajian ini adalah filem ini memaparkan stailistik Melayu, India dan Hollywood. Stilistik Melayu dalam *Hang Tuah (1956)* mampu dilihat melalui aspek pemakaian seperti Baju Kurung. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat

perbezaan antara Fairuladlan et al. dengan pengkaji adalah beliau mengkaji filem *Hang Tuah (1956)* manakala pengkaji mengkaji filem *Dilan 1990*.

Nur Azliza dan Nur Afifah menulis jurnal pada tahun 2020 yang bertajuk kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu. Objektif kajian ini adalah meneliti pemaparan wanita dalam filem melayu. Metodologi kajian ini adalah berbentuk asas penyelidikan kualitatif iaitu melalui perpustakaan dan rujukan atas talian (*online*) dengan memuat turun penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kajian ini dipilih untuk mengumpul segala maklumat yang relevan dengan topik yang dibincangkan. Dapatan kajian ini adalah terdapat 10 kerangka kajian yang diaplikasikan untuk meneliti pelbagai permasalahan tentang filem-filem *U-Wei* yang berprotagonis wanita iaitu kerangka yang diaplikasikan adalah teori feminisme, semiotik, psikologi, budaya, psikoanalisis Lacanian, nasionalisme, performative, fasisme, *paradigma three act structure*, model peletakan produk, elemen *mise-en-scene*, *self-construal* dan pendekatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Melalui kajian ini terdapat perbezaan antara pengkaji dengan Nur Azliza dan Nur Afifah pada tahun 2020 dengan pengkaji iaitu beliau mengkaji tentang kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu manakala pengkaji pula mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* berdasarkan teori Intertekstualiti Mikhail Bakhtin.

Sohaimi Abdul Aziz menulis jurnal pada tahun 2011 yang bertajuk *Laskar Pelangi*: satu penelitian adaptasi novel ke filem. Objektif kajian ini adalah menjelaskan secara kritis hubungan antara novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata dengan filem yang memakai tajuk yang sama arahan Riri Riza dengan meneliti konteks adaptasi. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian melalui perpustakaan dan laman sesawang. Melalui dapatan kajian ini

mendapati bahawa wujud sinergi yang kuat di antara pengarang novel dengan pengarah, penulis skrip dengan penerbit filem *Laskar Pelangi*. Melalui kajian ini terdapat perbezaan iaitu beliau mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata manakala pengkaji pula mengkaji tentang adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.



2.6 Kesimpulan

Tuntanya, dari penyelidikan ini adalah, teori Intertekstualiti sangat sesuai untuk mengkaji tentang sesebuah adaptasi sebuah karya novel, teks sejarah, hikayat kepada sesebuah filem. Penggunaan teori ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan tentang unsur adaptasi yang terdapat di dalam kajian ini melalui penggunaan teks asal atau diubah dari novel tersebut yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Karya yang dihasilkan oleh Pidi Baiq ini telah membuka mata masyarakat untuk mengambil tentang masalah hidup remaja melalui novel dan filem beliau hasilkan dan filem beliau mendapat sambutan di Indonesia khususnya dan Malaysia secara amnya. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa masih ada ruang-ruang dan kekosongan kajian berkaitan dengan tajuk yang dapat diisi berkaitan dengan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* dengan menggunakan teori Intertekstualiti berdasarkan pandangan Mikhail Bakhtin.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga membincangkan tentang kaedah dan cara yang diguna pakai untuk menganalisis teori Intertekstualiti. Bahagian ini juga menjelaskan tentang struktur kajian, kaedah kajian dan cara menganalisis teks. Menurut Ang Kean Hua (2016), kajian penyelidikan adalah kaedah atau metodologi yang diterapkan ke dalam dunia yang sebenar bertujuan untuk memecahkan suatu persoalan atau permasalahan yang berkait rapat dengan masyarakat atau populasi manusia. Kaedah pengumpulan data juga digunakan untuk menganalisis dan kaedah ini akan membahagikan kepada beberapa langkah iaitu pembacaan data merujuk kepada novel *Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990* dan menonton filem *Dilan 1990*. Selepas itu, pemilihan data akan dilakukan untuk menilai sesuatu data yang diperoleh sesuai ataupun tidak dan langkah seterusnya akan membahagikan data mengikut objektif kajian yang telah dikenal pasti. Cara penggunaan teori Intertekstualiti juga akan diterangkan melalui prinsip Paralel dan Modifikasi yang terdapat di dalam novel dan filem *Dilan 1990*.

3.2 Rekabentuk kajian

Reka bentuk kajian dibuat bertujuan untuk menganalisis hala tuju kajian ini supaya dapat menjalankan kajian ini dengan mengikut skop kajian yang tersusun. Melalui pandangan Roslieza Rosli et al. (2020), reka bentuk kajian merupakan pengaturcaraan yang disusun oleh pengkaji untuk menjalankan kaedah kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengumpul maklumat, meneliti serta menganalisis sesebuah maklumat dan data yang didapati oleh pengkaji melalui pembacaan dan menonton

filem. Reka bentuk kajian ini juga menggambarkan secara ringkas struktur yang akan dilakukan semasa melakukan kajian ini. Struktur kajian ini menumpukan kepada objektif kajian yang hendak dicapai serta menjadi hala tuju untuk menganalisis Intertekstualiti di dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Kehadiran struktur ini juga menjadi inti pati dan hasil kajian mudah difahami serta dapat disampaikan dengan jelas dalam penelitian kajian ini. Teori Intertekstualiti ini menjadi asas untuk meneliti persamaan dan perbezaan teks yang terdapat di dalam filem dan novel *Dilan 1990*. Teori Intertekstualiti ini diasaskan oleh Mikhail Bakhtin (1926) melalui pendekatan prinsip Paralel iaitu mengkaji proses persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan sebuah teks yang lain dan juga prinsip Modifikasi iaitu kebolehan pengarang untuk menghasilkan idea-idea baru ke dalam plot penceritaan dan gaya bahasa yang terdapat di dalam karya baharu. Teori ini juga dapat membantu dalam mengenal pasti pengguguran, peninggalan, penghilangan atau pembuangan bahagian-bahagian tertentu dalam sesebuah teks di dalam filem dan novel *Dilan 1990*.

Reka bentuk kajian yang dilakukan dalam penyelidikan ini lebih tertumpu kepada solusi serta cara untuk memperoleh hasil analisis bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan. Perkara ini juga merupakan kaedah untuk mencapai objektif-objektif yang hendak dicapai oleh penyelidik. Objektif-objektif kajian tersebut adalah:-

- 1) Mengetahui persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.
- 2) Mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq.

Seterusnya, untuk mencapai objektif tersebut pengkaji berusaha semampu mungkin untuk membuat dan solusi untuk merealisasikan tujuan asal kajian ini, telah berlaku beberapa pengkajian sebelum ini bagi mengelakkan sebarang masalah pertindihan tajuk

dengan pengkaji lepas. Setelah melalui proses pemilihan tajuk, pengkaji mula menganalisis filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dan novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada pembacaan teks dan menonton filem bagi menganalisis prinsip Paralel dan Modifikasi yang terdapat di dalam kedua-dua sumber iaitu novel dan filem. Setiap data yang diperolehi akan dianalisis sebelum dijadikan sebagai hujah dalam dapatan kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian teks novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* yang ditulis oleh Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi. Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif iaitu melalui pembacaan novel dan menonton filem dilakukan untuk mengetahui inti pati serta maklumat yang dipaparkan dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Berdasarkan pembacaan dan menonton filem, pengkaji dapat mengetahui prinsip Paralel dan Modifikasi yang diketengahkan oleh pengarang dan pengarah serta menganalisis prinsip Paralel pada filem dan Modifikasi yang diterapkan dalam kedua-dua karya tersebut. Kaedah ini juga semua gambaran dan peristiwa yang berlaku akan dicatat dan menyenaraikan perkara-perkara yang wujud dalam novel dan filem seperti digambarkan oleh penulis dan pengarah.

Kajian kepustakaan dan Internet juga dilakukan untuk menguatkan lagi hujah yang dilakukan berdasarkan kajian novel dan filem. Novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* yang berkisahkan tentang kehidupan remaja pada tahun 1990 dan kajian ini akan memberi fokus kepada prinsip Paralel dan Modifikasi yang diwujudkan oleh penulis dan pengarah di dalam filem *Dilan 1990*. Kajian ini juga akan menjadikan teori Intertekstualiti sebagai asas prinsip Paralel dan Modifikasi yang

diterapkan dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Secara jelasnya, prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi merujuk kepada adaptasi novel ke filem berkenaan untuk meneliti persamaan dan perbezaan teks yang terdapat filem berkenaan.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini akan memberi fokus kepada pencarian bahan di perpustakaan, termasuk Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Perpustakaan Negeri Terengganu. Semua dokumen yang diperoleh akan dianalisis dan diselidik keabsahannya sebelum digunakan dalam kajian ini. Menurut Nur Farhanim dan Nur Farakhanna (2022), kaedah kepustakaan ini dilakukan dengan merujuk sumber yang bertulis seperti buku akademik, jurnal, artikel, disertasi dan sebagainya yang berkaitan dengan skop kajian bertujuan untuk membantu pembinaan pernyataan masalah, objektif serta memberikan justifikasi terhadap dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji akan mengumpulkan bahan kajian dari sumber-sumber seperti tesis, jurnal, buku, artikel, majalah dan dokumen bertulis lain yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Melalui kajian ini juga, pengkaji perlu menjalankan analisis terhadap semua dokumen yang berkaitan. Berdasarkan analisis dokumen, pengkaji dapat memperoleh maklumat dan data yang diperlukan untuk melengkapkan argumen dalam kajian ini. Mohamed Nazreen dan Saiful Ghazali (2021), berpendapat bahawa untuk dianalisis dari segi tekstual dan juga dari konteks kepentingan dan cabaran yang dihadapi. Hal ini kerana, penting untuk memberikan perhatian yang baik dan mematuhi etika penulisan kajian dalam melakukan analisis dokumen. Tujuannya adalah untuk memperoleh maklumat yang berkualiti dan sahih. Maklumat yang diperoleh melalui analisis dokumen ini dapat

disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti tulisan, rajah, gambar, simbol, dan lain-lain. Penggunaan kaedah analisis teks juga memungkinkan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat yang relevan mengenai isu atau masalah yang sedang dikaji. Selain itu, penggunaan kaedah ini juga memastikan bahawa sumber-sumber maklumat yang digunakan dalam penyelidikan adalah tepat dan sah.

Berdasarkan kajian ini juga, terdapat beberapa jenis dokumen yang dapat digunakan sebagai rujukan, antaranya adalah novel *Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* dan buku rujukan. Ketika melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen ini, pengkaji akan menganalisis objektif kajian, tujuan kajian, dan hasil penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya. Maklumat seperti ini sangat berharga dalam memperkuat hujah dan memperkaya rujukan yang berkaitan dengan prinsip Paralel, prinsip Modifikasi, *Dilan 1990*, dan teori Intertekstualiti.

PEMILIHAN TEKS

- ❖ Pengkaji telah memilih filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi dan novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* karya Pidi Baiq.
- ❖ Pemilihan filem dan novel *Dilan 1990* mengambil masa yang amat panjang.

PENKATEGORIAN BERDASARKAN TEMA

- ❖ Meneliti secara terperinci mengenai persamaan dan perbezaan teks yang terdapat di dalam filem dan novel *Dilan 1990*.
- ❖ Mengkaji prinsip Paralel dan Modifikasi yang terdapat kedua-dua media tersebut.

PENKATEGORIAN BERDASARKAN TEMA

- ❖ Merungkai persamaan dan perbezaan yang ada di dalam novel dan filem.
- ❖ Menilai prinsip Paralel dan Modifikasi yang terdapat di dalam novel dan filem *Dilan 1990* berdasarkan teori Intertekstualiti.

Rajah 3.1 Kaedah Analisis Tekstual

3.3.3 Sumber Internet

Pendekatan sumber Internet ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada prinsip-prinsip Intertekstualiti di dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* dengan menggunakan teori Intertekstualiti. Menurut Nooraizzati (2023), pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada masalah yang dikaji. Pengkaji juga menapis dan menganalisis sumber sebelum dijadikan bahan rujukan kajian. Pelbagai laman sesawang yang dirujuk seperti Academia, Google Scholar, Consensus, Scribd, Dewan Bahasa dan Pustaka. Banyak maklumat dan hasil penyelidikan terdahulu yang diperolehi dengan laman sesawang tersebut. Pengkaji juga berhati-hati dan beretika

semasa mengambil data daripada kajian lepas bagi menjamin ketulenan dan kesahihan sebuah maklumat.

3.4 Teori Intertekstualiti

Teori Intertekstualiti merupakan teori yang diasaskan oleh Mikhail Bakthin (1926). Menurut pandangan Bakthin (1926), di dalam setiap karya harus mempunyai dialog antara teks sama ada dalaman atau luaran teks. Unsur dalaman yang dimaksudkan oleh beliau adalah berkaitan dengan hal-hal yang berkait rapat dengan aspek-aspek yang membina sesebuah karya seperti tema, watak, perwatakan, plot, latar dan sebagainya manakala unsur dalaman yang dimasukkan oleh beliau adalah pengalaman atau perkara yang berkait rapat dengan kehidupan seorang penulis. Pendapat Mohd Shahremy (2021), Intertekstualiti ini merupakan sebuah kajian yang menerang secara lebih detail mengenai pemindahan teks yang dirujuk melalui pembacaan daripada sumber lain ke sumber lain ke dalam penulisan karya sendiri.

Pandangan Latifah Kholifah (2020), teori Intertekstualiti ini dicetuskan oleh wanita bernama Julia Kristeva (1980), Kristeva berpendapat bahawa Intertekstualiti ini bermula dari andaian bahawa setiap teks adalah mozek petikan (Any text is made up of a variety of quotations), seperti menulis sesebuah karya, seorang pengarang atau penulis akan mengambil sedikit hasil penulisan orang lain atau karya yang terdahulu untuk diterapkan ke dalam karya penulisannya dan menambah, mengurangkan dan menguatkan karyanya dengan melalui kreativitinya sama ada secara sedar atau tidak sedar. Contohnya teks yang terdapat di dalam filem Dilan 1990 yang diadaptasikan melalui novel Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990 yang mempunyai penambahan dan pengurangan yang ada di dalam filem tersebut.

Menurut Habiburrahman (2016), Intertekstualiti merupakan sebuah teori sastera yang menjelaskan hubungan sesuatu teks dengan teks yang lain. Sebuah teks pada dasarnya adalah sebuah mozaik kutipan-kutipan teks lain yang sudah ada sebelumnya dan istilah intertekstualiti ini telah dikenalkan secara meluas oleh Julia Kristeva pada tahun 1960-an. Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada filem dan novel *Dilan 1990* untuk menganalisis teks yang terdapat pada kedua-dua media tersebut.

Teori Intertekstualiti sebenarnya dapat menganalisis struktur dan fungsi yang wujud dalam adaptasi teks yang terdapat di dalam filem. Hal ini dikatakan demikian kerana teori Intertekstualiti dapat menganalisis penambahan dan pengurangan teks yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990* serta mengesan persamaan dan perbezaan teks yang terdapat di dalam filem tersebut. Justeru itu, dalam kajian ini juga menggunakan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian.


3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Intertekstualiti

Sejarah kemunculan teori Intertekstualiti ini bermula daripada teori Dialogika yang diasaskan oleh Mikhail Bakthin pada tahun 1926. Bakthin pada awalnya menggunakan perkataan *Dialogika* di dalam bukunya yang berjudul *The Dialogic Imaginations* (1996). Bakthin atau nama sebenar beliau adalah Mikhail Mikhailovich Bakthin lahir pada tanggal 17 November 1895 di Rusia. Beliau mula mempunyai pemikiran falsafah semasa menjadi seorang guru di sebuah kota kecil di bahagian barat negara Rusia. Bermula daripada itu, secara tidak sengaja muncul idea dan pemikiran dalam bidang kritikan, sastera, sejarah, antropologi dan psikologi. Dengan itu, beliau telah dikaitkan dengan ahli formalis Rusia kerana banyak melibatkan diri dalam bidang berkaitan dengan kesusasteraan. Oleh itu, penulisan beliau bukan sahaja dibahas oleh para sarjana malah diperkatakan oleh *Soviet Puppet Theatre*.

Kebanyakan karya sastra di Rusia lahir tetapi sukar untuk difahami oleh masyarakat pada masa itu sehinggalah muncul teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Mikhail Bakthin yang bertujuan untuk memudahkan khayalak pembaca untuk memahami karya yang sukar itu. Bakthin berpendapat bahawa kebanyakan karya sastra terhasil daripada dialog antara teks asal dengan teks-teks di dalam karya lain. Teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Bakthin (1926) dapat melihat kewujudan hubungan diantara teks dengan teks yang lain. Bakthin telah menggunakan asas teori dialogika semasa mengkaji karya-karya Fyodor Mikhailovich Dostoevsky yang berjudul *Problem of Dostoevsky Poetic* (1973) seperti *The Gambler*, *The Idiot* dan *The Brother's Karamazov*. Karya-karya ini sudah untuk difahami oleh masyarakat walaupun pada masa itu telah ada teori-teori sastra seperti teori Formalisme yang berkembang pada masa itu. Perkembangan teori Formalisme pada masa itu masih tidak dapat menolong masyarakat untuk memahami karya Dostoevsky. Oleh itu, kemunculan teori Intertekstualiti ini telah diterima baik oleh masyarakat pada masa itu dan teori ini juga dapat membuktikan bahawa setiap karya yang telah dihasilkan adalah berdasarkan dialog antara teks asal dengan teks-teks karya lain. Erti kata lain, teori Intertekstualiti ini menekankan bahawa suatu teks ini tidak dapat mengenal pasti dipengaruhi oleh teks-teks lain. Menurut Josue V. Harari (1979), "*Every text, as the intertext of another text, belongs to the intertextual, which must not be confused with the origins of a text.*"

3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Intertekstualiti

Menurut Maka Sikana (1994), sepuluh prinsip teori Intertekstualiti telah dikemukakan oleh Bakthin dan Kristeva. Prinsip-prinsip ini termasuk elemen sastera dan manifestasi yang boleh dilihat dalam cara pengarang menulis. Proses Intertekstualiti, seperti yang digambarkan oleh Bakthin dan Kristeva, berlaku dalam karya yang ditulis oleh pengarang berdasarkan sepuluh prinsip Intertekstualiti (Rajah 3.4.2). Senarai sepuluh prinsip ialah Modifikasi, Transformasi, Ekspansi, Demitefikasi, Haplogi, Ekserp, Paralel, Konvensi, Eksistensi dan Defamiliarisasi.



Rajah 3.2 Prinsip Teori Intertekstualiti

3.4.2.1 Prinsip Transformasi

Prinsip Transformasi adalah proses pemindahan, pejelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Menurut Teeuw (1988), sesebuah teks mesti ada berlaku unsur-unsur transformasi, penyimpangan atau penolakan daripada teks-teks asal. Oleh sebab itu, pemahaman teks yang baharu perlu latar belakang pengetahuan yang mendalam tentang teks-teks asal. Tujuannya adalah supaya penyerapan dan transformasi yang berlaku akan berkait rapat dengan makna yang baharu.

3.4.2.2 Prinsip Modifikasi

Prinsip Modifikasi adalah proses yang melibatkan usaha-usaha pemahaman seorang pengarang terhadap teks yang asal dan mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan terhadap teks tersebut. Menurut Nursham Abdul Aziz (2015), kebolehan pengarang untuk menghasilkan idea-idea baru ke dalam plot penceritaan dan gaya bahasa yang terdapat di dalam karya baharu.

3.4.2.3 Prinsip Demitefikasi

Prinsip Demitefikasi adalah merupakan usaha-usaha seorang pengarang untuk memahami sesebuah teks yang asal atau asli dan mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan terhadap teks tersebut. Penentangan teks ini berlaku terhadap pengertian karya asal kerana membawa pengertian ketinggalan zaman atau tidak selari dengan keadaan semasa. Menurut Mana Sikana (2005), proses ini sangat berbeza dengan susunan-susunan yang lain. Hal ini kerana usaha-usaha yang digunakan untuk menentang pengertian sesebuah teks itu mempunyai ciri-ciri tertentu dan lebih radikal.

3.4.2.4 Prinsip Ekserp

Prinsip Ekserp adalah teks yang digunakan adalah sama atau mungkin sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek dari hipogram atau tipa induknya. Menurut Mana Sikana (1994), melalui proses ini, teks yang digunakan itu merupakan teks yang sama atau mungkin sama dengan inti sari sebahagian, suatu episod atau aspek daripada hipogram atau jenis induknya.

3.4.2.5 Prinsip Haplologi

Prinsip Haplologi adalah berlaku penguguran, peninggalan, penghilangan atau pembuangan daripada bahagian-bahagian teks tertentu di dalam sesebuah teks. Melalui prinsip ini seseorang pengarang tidak mengambil isi teks asal secara keseluruhan untuk diresapkan ke dalam teks karya baru yang ingin dihasilkannya. Menurut Mana Sikana (2005), fenomena ini berlaku kerana dalam proses pembacaan itu tentu berlaku pertentangan dan kecelaruan pemikiran pembaca. Justeru itu, pembaca boleh melakukan perbandingan dan pemilihan terhadap bahan bacaan itu.

3.4.2.6 Prinsip Paralel

Prinsip Paralel bermaksud berlaku proses persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan sebuah teks yang lain. Perkara ini dapat dilihat melalui cerita, filem, tema dan sebagainya. Menurut Abdul Rahman Napiah (1994), paralel adalah berkaitan dengan teks yang digunakan terdapat persamaan atau kesejajaran yang kerat dikaitkan dengan konsep sastera yang mempunyai unsur universal.

3.4.2.7 Prinsip Eksistensi

Prinsip Eksistensi adalah unsur yang terdapat dalam karya sastera atau teks baharu dan telah digunakan oleh Elaim dalam kajiannya terhadap drama. Genre drama amat kaya dengan unsur Intertekstualiti. Dramatisnya melakukan pelbagai prinsip bertujuan untuk melahirkan pandangan baru. Menurut Mana Sikana (1998), telah menggariskan bahawa aspek intertekstualiti dalam penciptaan karya juga dapat dilihat dari sudut hubungan pengarang dengan fahaman pemikiran atau ideologi yang dianutinya.

3.4.2.8 Prinsip Konversi

Prinsip Konversi adalah penentangan terhadap teks yang diambil guna atau pemutarbalikan jenis induk ataupun hipogram. Menurut Siti Hawa Salleh (2005), *travesti* adalah memutarbelitkan sesuatu fakta atau maklumat iaitu dengan mempermainkan fakta tersebut. Kebanyakkan maklumat yang diputarbelitkan adalah maklumat yang dimuliakan, yang dipercayai dan diterima oleh semua lapisan masyarakat sebagai suatu perkara yang benar.

3.4.2.9 Prinsip Demifamiliarisasi

Prinsip Demifamiliarisasi adalah unsur teks yang asal telah diubah menjadi luar biasa untuk menghasilkan pengertian yang baru dan pengertian itu sangat jauh berbeza dengan yang asal. Menurut Mana Sikana (2005), perubahan dalam demifamiliarisasi adalah perubahan-perubahan yang menimbulkan kelainan watak daripada teks asal yang bertujuan untuk memberikan penekanan atau pengertian baru.

3.4.2.10 Prinsip Ekspansi


Prinsip Ekspansi adalah prinsip yang memperluaskan atau pengembangan terhadap suatu teks asal. Prinsip ini telah digunakan oleh Kristeva dan seterusnya dilanjutkan oleh Riffaterre semasa meneliti puisi moden Perancis. Perkembangan ekspansi ini melibatkan elemen pengembangan yang dilakukan oleh pengarang seperti membahayakan watak, dan latar peristiwa atau pengalaman yang dilalui oleh seorang pengarang atau sama ada melalui pembacaan ke dalam karyanya secara sedar atau tidak sedar.

3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori

Proses pengaplikasian teori Intertekstualiti berperanan bagi menjadikan kajian berada di landasan yang jelas dan tepat. Kaedah pengaplikasian ini sangat penting supaya kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji mempunyai matlamat dalam mengaitkan teori ketika menganalisis kajian. Pendekatan yang dikemukakan dan digunakan dalam setiap kajian yang dilakukan harus mempunyai hala tuju yang tersendiri serta objektif yang jelas untuk mencapai matlamat kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji juga menggunakan kaedah pengaplikasian teori iaitu menggunakan pendekatan analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan alat kajian yang diterapkan untuk menentukan persamaan dan perbezaan teks atau dialog yang membenarkan pengkaji mengukur sejauhmana penerapan prinsip Paralel dan Modifikasi ke dalam adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah melihat dan menganalisis persamaan dan perbezaan teks serta pengaplikasian prinsip Paralel dan Modifikasi. Oleh itu, penerapan teori Intertekstualiti ini amatlah penting bagi menjalankan kajian ini dan sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan dan objektif kajian ini berdasarkan teks dan dialog yang terdapat di dalam filem *Dilan 1990*.

3.5 Kerangka Teoritik

Kerangka teoritik dapat memberi gambaran keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang.



Rajah 3.3 Kerangka Teoritik merupakan gambaran keseluruhan mengenai kaedah di dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

3.6 Kesimpulan


Tuntasnya, kaedah kajian memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kajian. Hasil kajian yang baik juga terhasil daripada kaedah kajian yang tepat. Setiap hasil kajian yang baik diperolehi melalui kaedah kajian yang teratur dan mempunyai struktur yang jelas serta tersusun. Kaedah kajian ini juga dapat meneliti data serta mencipta hujah dengan fakta yang sahih dan tulen. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber untuk penelitian telah disaring dan dikenal pasti kesahihan melalui metodologi kajian. Metodologi kajian adalah untuk menjelaskan fungsi dan cara menggunakan kaedah tertentu dan juga menggunakan teori Intertekstualiti untuk menganalisis adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Setelah mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan fungsi teori dalam kajian secara tidak langsung dapat membantu proses menganalisis data untuk mendapatkan hasil kajian yang baik. Oleh itu, metodologi kajian adalah perkara asas yang perlu ada dalam kajian sebelum memperolehi hasil kajian yang ditimbulkan dalam persoalan kajian oleh pengkaji.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini dilakukan bertujuan meneliti persamaan dan perbezaan jalan cerita adaptasi novel ke filem *Dilan 1990*. Penelitian dan analisis dibataskan dengan hanya menggunakan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi. Kajian ini juga mengaplikasikan teori Intertekstualiti yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin (1926) melalui prinsip Paralel dan Modifikasi.



Rajah 4.1: Kerangka Teori Intertekstuali yang akan digunakan pada bab 4

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

4.2 Persamaan dan perbezaan dalam konten analisis berdasarkan kandungan konten

Kajian ini akan memberikan penekanan terhadap persamaan dan perbezaan jalan cerita adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq. Menurut Mohammed Nazreen (2015), penulis skrip dan pengarah filem harus mengambil keputusan untuk mengugurkan beberapa jalan cerita bagi menampakkan cerita tersebut menjadi lebih menarik dan boleh diterima melalui logik akal. Melalui pendapat Arrie Widhayani dan Retno Winarni (2018), setiap masyarakat harus mempunyai pengetahuan berkaitan dengan sesuatu perubahan yang berlaku daripada media cetakkan kepada media lain dan bentuk ekranisasi data ini mempunyai perbezaan dan persamaan prinsip penyampaian. Perubahan ini berlaku kerana ada proses perundingan antara penulis novel dan pengarah filem proses bertujuan bagi menarik minat orang muda untuk menonton filem tersebut.

4.2.1 Persamaan dan perbezaan jalan cerita

Jadual 4.1: Persamaan dan perbezaan jalan cerita

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 15)</p> <p>Namaku Milea. Milea Adnan Hussain. Jenis kelamin perempuan, dan tadi baru selesai makan jeruk. Nama belakangku diambil dari nama ayahku. Se-seorang yang aku kagumi dan dia adalah prajurit TNI Angkatan Darat. Dia lahir di Batusangkar, Kabupaten Tanah Datar, Sumatra Barat. Ibuku, namanya Marissa Kusumarini. Oleh teman-temannya biasa dipanggil Icha. Dia mojang Bandung yang lahir di Buah Batu. Sebelum dinikah dan dibayong ke Jakarta oleh ayahku, Ibuku seorang vocalist band yang lumayan dikenal di masyarakat Bandung pada Masanya.</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit 0:00:05-0:00:33)</p> <p>“Namaku Milea. Milea Adnan Hussein. Dilahirkan di Jakarta. Ibu saya orang Bandung, dan dia vokalis satu kugiran. Ayah seorang pegawai tentera dia dari Sumatra Barat.”</p> <p>(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Persamaan/Pebezaan	
<p>Persamaan Permulaan jalan cerita:</p> <p>a) Namaku Milea. Milea Adnan Hussain.</p> <p>Perbezaan naratif:</p> <p>a) Jenis kelamin perempuan dan tadi baru selesai makan jeruk diubah kepada Dilahirkan di Jakarta. Ibu saya orang Bandung, dan dia vokalis satu kugiran.</p> <p>b) Nama belakangku diambil dari nama ayahku. Se-seorang yang aku kagumi dan dia adalah prajurit TNI Angkatan Darat diubah kepada Ayah seorang pegawai tentera dia dari Sumatra Barat.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Persamaan dan perbezaan jalan cerita ini dapat dilihat melalui jadual diatas yang telah disenaraikan oleh pengkaji. Melalui jadual tersebut persamaan yang dapat dilihat adalah petikan “*Namaku Milea. Milea Adnan Hussain*” pengkalan ini bertujuan bagi memulakan jalan cerita filem *Dilan 1990* dan merupakan proses adaptasi dari novel ke filem. Kebanyakan cerita adaptasi masih mengekalkan permulaan jalan cerita bagi

memperkenalkan latar belakang jalan cerita dan watak utama dalam filem tersebut iaitu Dilan dan Milea. Pengekalan ini adalah cabaran bagi seorang pengarah filem dan memerlukan pertimbangan yang kreatif dan idea untuk mengembangkan lagi jalan cerita. Cabaran mengekalkan jalan cerita seperti masa yang diambil oleh pengarah filem untuk menghasilkan filem yang mengekalkan keaslian jalan cerita berpandukan kepada novel. Justeru itu, Pidi Baiq dan Fajar Bustomi mengambil pertimbangan masa bagi menghasilkan filem adaptasi *Dilan 1990* (2018).

Seterusnya, terdapat juga perbezaan jalan cerita yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dapat dilihat pada jadual 4.2.1 iaitu “*Jenis kelamin perempuan dan tadi baru sahaja selesai makan jeruk*” ditukar kepada “*Dilahirkan di Jakarta. Ibu saya orang Bandung, dan dia vokalis satu kugiran.*” Perubahan ini adalah merupakan proses *loose adaptation* yang merubah sebahagian teks asal atas persetujuan penulis novel dan pengarah filem. Menurut Michael Klein dan Gillian Parker (1981) *loose adaptation* adalah filem yang membuang sebagian besar daripada unsur cerita yang terdapat pada teks asal dan pelbagai unsur naratif telah digantikan dan ditambah dalam filem tersebut. Perubahan tersebut hasil perbincangan antara penulis novel (Pidi Baiq) dan pengarang filem (Fajar Bustomi dan Pidi Baiq).

Selain itu juga terdapat perbezaan jalan cerita yang diubah oleh Fajar Bustomi dan Pidi Baiq adalah seperti dalam jadual diatas iaitu “*Nama belakangku diambil dari nama ayahku. Se-seorang yang aku kagumi dan dia adalah prajurit TNI Angkatan Darat*” diubah kepada “*Ayah seorang pegawai tentera dia dari Sumatra Barat.*” Pengarang ini juga merupakan proses *loose adaptation* iaitu mengubah sebahagian naratif dalam novel. Melalui *loose adaptation* pengarah filem atau penulis skrip boleh memilih untuk menambah jalan cerita melalui persetujuan penulis novel tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi halaman 5 yang berlaku proses penguguran teks novel “*Nama*

*belakangku diambil daripada nama ayahku” yang ada pada novel dan digantikan dalam filem iaitu “Ayah seorang pegawai tentera dia dari Sumatra Barat.” pada minit ke 0:00:05-0:00:33. Proses loose adaptation ini masih terikat dengan teks asal yang dikekalkan oleh Fajar Bustomi dan Pidi Baiq bertujuan mengekalkan identiti keaslian teks asal kedua-dua sumber berkenaan masih mengekalkan sedikit naratif jalan cerita yang menceritakan latar belakang Adnan Hussain sebagai seorang pegawai tentera pada filem dan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Darat (TNI). Justeru itu, perbezaan jalan cerita ini adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi idea dan masih mengekalkan sebahagian idea asal daripada teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*.*

Daripada keseluruhan jadual di atas terdapat satu persamaan yang dikekalkan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi bertujuan mengekalkan keaslian jalan cerita berpandukan teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Selain itu juga, terdapat dua perbezaan jalan cerita yang dikembangkan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dan masih mengekalkan idea asal teks.

Jadual 4.2: Persamaan dan perbezaan jalan cerita

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: : <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 20)</p> <p>“Aku benar-benar tidak pernah berfikir bahwa dia akan menyapaku kemudian: “Selamat pagi,” Katanya.” “Sebenarnya aku bingung bagaimana harus memahami situasi macam itu. Aku mencoba menyembunyikan diriku yang gugup. Kulihat wajahnya sebentar, dia tersenyum. Aku menjawab sambil mendorong helaiian rambutku ke belakang telinga: “Pagi”, “Kamu Milea ya?” tanya dia kemudian, mencoba membuat percakapan” “Eh?” Aku terserentak. Kutoleh lagi darinya, memastikan barangkali aku kenal, nyatanya tidak. Dia menatapku dan tersenyum. “Iya.” Alasan utamaku menjawab adalah sekadar untuk bisa bersikap ramah. “Boleh gak aku ramal?” dia tanya lagi. “Ramal?”</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:01:08-0:01:40)</p> <p>Dilan: Selamat pagi. Milea: pagi Dilan: Kamu Milea ya? Milea: Iya. Dilan: Boleh aku ramal? Milea: Meramal? Dilan: Iya... aku meramal kita akan bertemu di kantin... mau ikut? Milea: gak, terima kasih. Dilan: Tapi suatu hari nanti pasti kamu mahu ikut... Percayalah... Duluan ya. (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Persamaan/Pebezaan	
<p>Persamaan dialog jalan cerita:</p> <p>a) Selamat pagi, pagi, kamu Milea ya?, Iya, boleh aku ramal?, Ramal? yang masih dikekalkan oleh pengarah filem.</p> <p>Perbezaan jalan cerita monolog Milea:</p> <p>a) Melalui novel terdapat monolog Milea namum sebaliknya dalam filem monolog itu di hilangkan oleh Fajar Bustomi dan Pidi Baiq.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Persamaan dan perbezaan jalan cerita pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* (2014) karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* (2018) arahan Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dapat dilihat melalui jadual 4.2. Melalui jadual tersebut terdapat persamaan yang dikekalkan dalam filem *Dilan 1990* tanpa mengalami sebarang

perubahan teks asal daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Menurut Morris Beja (1979), terdapat dua kaedah proses adaptasi novel ke filem antaranya adalah mengekalkan kewibawaan karya asal tanpa mengubah sebarang kandungan yang terdapat dalam novel dan penambahan serta pengembangan naratif. Petikan novel dan skrip filem dalam jadual di atas mengekalkan dialog antara Dilan dan Milea seperti “Selamat Pagi”, “Pagi”, “Kamu Milea ya?”, “Iya”, “boleh aku ramal?”, “Ramal?” yang masih dikekalkan oleh pengarah filem. Pengekalan ini bertujuan untuk menjaga keaslian teks asal sebelum diadaptasikan menjadi sebuah filem. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pengarah filem ingin mengekalkan teks asal dan memberikan penghormatan kepada penulis novel seperti yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi.

Selain itu, terdapat perbezaan dalam jalan cerita *Dilan 1990* iaitu pengarah filem menghilangkan monolog watak Milea seperti yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Perkara ini dapat dilihat pada filem *Dilan 1990* pada minit 0:01:08-0:01:40 yang hanya terdapat dialog antara Dilan dan Milea semasa menuju ke sekolah. Perubahan ini merupakan *loose adaptation* yang mengurangkan atau pengurangan pada teks asal bertujuan memberikan kebebasan kepada pengarah filem untuk menentukan skrip yang akan digunakan dalam filem dengan persetujuan daripada penulis novel. Menurut Hazrul Mazran dan Abdul Aziz (2020), kaedah *loose adaptation* merupakan teknik adaptasi yang mengambil sebahagian kecil daripada bahan asal dan mengubah sebahagian besar dengan unsur atau olahan yang baru. Justeru itu, pengarah filem mengambil langkah *loose adaptation* untuk menghasilkan filem *Dilan 1990* bertujuan untuk menjimatkan masa semasa penggambaran filem. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengarah filem diberikan pilihan untuk memilih elemen jalan cerita

yang penting untuk dimasukkan ke dalam filem bertujuan melebihi durasi yang ditetapkan.

Secara keseluruhan jadual 4.2 di atas terdapat persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* bertujuan mengekalkan naratif penyampaian jalan cerita berpandukan teks novel dan jalan cerita mengalami perubahan atas persetujuan antara penulis novel dan pengarah filem bagi memilih jalan cerita yang terdapat dalam novel sebelum proses adaptasi filem berlaku.

Jadual 4.3: Persamaan dan perbezaan jalan cerita

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: : <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 20)</p> <p>Di kelas, sebelum pelajaran dimulai, aku ceritakan ke Rani dan Nandan (Teman sekelasku yang sudah agak akrab denganku) tentang ada seorang anak SMA bermotor yang tadi bilang mau meramalku.</p> <p>“Siapa?” tanya Rani</p> <p>“Gak kenal,” kujawab bersama dengan guru masuk memulai pelajaran.</p> <p>Waktu istirahat, tadinya aku mau ke kantin, tapi sama sekali bukan untuk memenuhi ramalan anak itu.</p> <p>Boro-boro, kepikiran juga enggak.</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:01:08-0:01:40)</p> <p>Suasana dalam kelas</p> <p>Milea: eh kamu tahu? Masa tadi pagi aku diramal sama anak yang pakai motor.</p> <p>Rani: diramal gimana?</p> <p>Milea: katanya, bakal bertemu dia dikantin.</p> <p>Rani: Siapa?</p> <p>Milea: Gak kenal.</p> <p>Rani: jadi ke kantin gak nih?</p> <p>Milea: enggak ah.</p> <p>Rani: Lia, enggak kerasa yah... udah dua minggu kamu di sini... hehehe</p> <p>Milea: Iya.</p> <p>(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Persamaan dialog dan latar tempat jalan cerita:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Pengekalan dialog antara Rani dan Milea. b) Di dalam kelas. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.3 di atas terdapat persamaan dan perbezaan jalan cerita yang dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Fajar Bustomi dan Pidi Baiq. Persamaan jalan cerita pada jadual di atas adalah dialog antara Milea dan Rani serta latar tempat.

Persamaan jalan cerita yang terdapat dalam filem *Dilan 1990* adalah latar tempat dan dialog antara Milea dan Rani yang selari dengan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Persamaan ini dapat dilihat melalui halaman 20 pada novel dan minit ke 0:01:08 hingga 0:01:40 pada filem. Pengarah masih mengekalkan keaslian teks dan hal ini terbukti apabila dialog Milea dan Rani dikekalkan seperti “Siapa?” yang merupakan

dialog Rani dan dialog Milea “Gak kenal.” Pengekalan ini merupakan kaedah adaptasi yang dikemukakan oleh Morris Beja pada tahun 1979 iaitu mengekalkan kewibawaan karya asal tanpa ada unsur penambahan daripada pengarah filem. Justeru itu, pengekalannya bertujuan untuk menjaga keaslian teks yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*.

Selain itu juga, terdapat persamaan pada latar tempat di dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Pengekalan latar ini adalah bertujuan untuk mengekalkan kea’ daripada teks asal. Proses ini juga merupakan *close adaptation* yang mengekalkan unsur asal teks yang berkaitan dengan watak, latar tempat, dan masa. Justeru itu, pengarah mengekalkan latar tempat bertujuan kesesuaian dengan tema yang terdapat dalam novel iaitu berlatarkan sekolah pada tahun 1990 di Bandung. Latar tempat sekolah dipilih kerana Dilan dan Milea masih lagi remaja dan mereka juga masih sekolah. Oleh itu, latar tempat amat memainkan peranan dalam filem *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*.

Seterusnya, terdapat perbezaan jalan cerita pada filem *Dilan 1990* iaitu penambahan dialog antara Milea dan Rani semasa berada di dalam kelas. Penambahan ini adalah bertujuan untuk memulakan babak di dalam kelas iaitu Milea memulakan perbualan dengan Rani. Perbualan ini di mulakan dengan “*eh kamu tahu? Masa tadi pagi aku diramal sama anak yang pakai motor.*” oleh Milea dan seterusnya diikuti oleh Rani iaitu “*diramal gimana?*” dan yang terakhir adalah “*katanya, bakal bertemu dia dikantin.*” Penambahan ini adalah proses *close adaptation* iaitu mengubah sedikit jalan cerita asal yang terdapat dalam filem. Menurut Geoffrey Wagner (1975), adaptasi mempunyai tiga kaedah antaranya adalah *Transposition* iaitu mengangkat sesebuah karya asal secara langsung ke media gambaran audio dengan mengubah sedikit jalan cerita atau secara minimum. Justeru, perbezaan ini dapat dilihat melalui pengubahsuaian

dialog yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi bertujuan untuk memulakan *scene* tersebut.

Secara keseluruhan jadual di atas, terdapat persamaan dan perbezaan dari segi dialog, latar tempat dan penambahan dialog oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Persamaan yang dapat dilihat adalah dari segi dialog Milea dan Rani serta latar tempat yang dikekalkan oleh pengarah. Perbezaan yang dapat dikesan melalui jadual di atas adalah penambahan dialog awal *scene* tersebut bagi memulakan percakapan antara Milea dan Rani.

4.1.2 Elemen yang diubah

Filem Dilan 1990 ini telah mengalami perubahan daripada rangka cerita asal, mengubah sedikit jalan cerita dan pengurangan watak di dalam cerita iaitu Bang Fariz serta latar dan skop dan ruang relevan bagi penerbit filem. Menurut Nia Amelia dan Dian Hartiti (2022), pengurangan latar tertentu boleh disebabkan oleh pengurangan jalan cerita yang ada di dalam sesebuah novel. Pengurangan ini terjadi kerana tidak semua jalan cerita perlu diangkat ke dalam filem. Seperti di dalam jadual tersebut:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.2.1 Elemen perubahan dialog watak

Jadual 4.4: Elemen perubahan dialog watak Milea

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 15)</p> <p>Sejak kecil, aku tinggal di Jakarta, yaitu di daerah kawasan Slipi. Tahun 1990, Ayahku dipindah tugas ke Bandung, sehingga ibuku, adik bungsuku, pembantuku, dan semua barang-barang di rumah pun jadi pada ikut pindah.</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit: 0:00:28-0:00:41)</p> <p>Selepas menikah, mereka berpindah ke daerah Slipi di Jakarta. Pada tahun 1990, ayahku pindah tugas ke Bandung. Di Bandung, Aku sekolah dekat sekolah menengah di Buahbatu, Bandung. Disilah bermula kisahku.</p> <p>(Pidi Baiq, 2018)</p>
Elemen yang diubah	
<p>Perubahan monolog Milea dan jalan cerita:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Perubahan monolog dalam filem <i>Dilan 1990</i>. b) Melalui novel penceritaan lebih terperinci berbanding dengan filem. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.4 di atas terdapat elemen yang diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi yang terdiri daripada monolog Milea dan jalan cerita. Pengubahsuaian ini dapat dilihat melalui monolog Milea pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* pada halaman ke-15 telah diubah oleh pengarang filem pada minit 0:00:28 hingga 0:00:41 iaitu pada novel “*sejak kecil, aku tinggal di Jakarta*” telah diubah kepada “*Selepas menikah, mereka berpindah ke daerah Slipi di Jakarta.*” Proses ini merupakan salah satu bentuk modifikasi ke dalam filem iaitu terdapat pengguguran, pembaikan atau pindaan terhadap sesebuah teks ke dalam sesebuah media lain dan proses ini merupakan *loose adaptation* yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Hal ini berlaku kerana, monolog dalam novel *Dilan: Dia adalah Dilanku tahun 1990* sangat terperinci berbanding dengan filem *Dilan 1990*.

Melalui novel, latar belakang Milea, Ibu Milea, Ayah Milea dan Adik Milea diceritakan secara terperinci dari segi nama, latar belakang, pekerjaan, tempat tinggal dan sebelum menikah. Namun dalam filem *Dilan 1990* terdapat banyak elemen teks asal yang digugurkan oleh penulis dalam filem adalah “*adik bungsuku*” dan “*pembantuku*” telah di hilangkan dalam filem. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk mengambil kira peruntukan masa yang telah ditetapkan oleh pengarah filem bagi menghasilkan sesebuah filem.

Oleh yang demikian, terdapat perubahan pada teks asal dalam filem *Dilan 1990* antaranya adalah monolog Milea yang telah diringkaskan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi seperti yang terdapat dalam jadual 4.4 di atas dan melalui monolog Milea menceritakan tentang keluarganya iaitu nama ayah, ibunya, adiknya dan datuknya. Berbeza pula dalam filem *Dilan 1990* hanya fokus kepada nama ayahnya sahaja iaitu Adnan Hussain dan ibunya iaitu Marissa Kusumarini serta pekerjaan ibu bapanya iaitu tentera darat dan *vocalist*. Tuntasnya, elemen perubahan dialog watak Milea telah mengalami pengubahsuaian dialog oleh pengarah filem untuk menghasilkan filem *Dilan 1990*.

Jadual 4.5: Perubahan dialog watak Dilan, Milea, Si Bibi dan Piyan

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 25-26)</p> <p>Si Bibi bergegas nemui tamu itu, lalu kembali menemuiku: “Tamu,” katanya. “Mau ke Lia.” Lia itu nama panggilanku di rumah. Ya Tuhan, aku kaget, ternyata tamunya adalah sang peramal. “Hei,” kusapa dia.” “Ada undangan,” dia langsung bilang gitu, seraya menyodorkan sebuah amplop dan berdiri, di depan pintu. “Undangan apa?” kupandangi amplop itu sedikit agak bingung. “Bacalah,” katanya. “Tapi nanti.” “Oke,” kataku memandangnya. “Bacalah bahasa Arabnya apa, Yan?” Dia nanya ke Piyan yang saat itu datang bersamanya. “Apa, ya?” Piyan balik nanya. “Oh! Iqra,” katanya menjawab pertanyaan sendiri. “Iqra, Milea!” kata dia lagi kepadaku. Aku ketawa tapi sedikit. Entah mengapa, hanya bisa sesekali saja kupandang matanya. “Aku langsung, ya?” katanya permisi untuk pergi. “Kok, tahu rumahku?” kutanya. “Aku juga akan tahu kapan ulang tahunmu.” “He he he.” Aku juga tahu siapa tuhanmu.” “Allah,” kujawab sendiri. “Iya, kan?” Aku menjawab hanya dengan senyum. “Aku pergi dulu, ya?” kata dia. “Iya,” kujawab. “Assalamu’alaikum jangan?!” dia nanya. “Assalamu’alaikum” “Alaikum salam,” katanya. (Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: Dilan 1990 (0:03:22-0:04:16)</p> <p>Si Bibi: Non, ada tamu. Milea: Cari saya? Si Bibi: Iya, Laki-Laki. Milea:??? Dilan: Ada undangan. Milea: Undangan apa? Dilan: Bacalah, tapi nanti. Milea: oke. Dilan: Piyan, bahasa Arabnya teh naon? Piyan: Naon? Dilan: Oh... Iqra... Milea... Duluan yah. Milea: Kok kamu tahu rumahku? Dilan: Aku juga tahu kapan ulang tahunmu... Aku juga tahu tuhanmu. Milea: Allah. Dilan: Sama... Pamit yah... Assalamualaikum atau jangan? Milea: Assalamualaikum. Dilan: Walaikumusalam... (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Elemen yang diubah	

Perubahan elemen perbualan:

- a) Perubahan dialog Si Bibi dan Milea
- b) Perubahan dialog Milea dan Dilan
- c) Perubahan dialog Piyan dan Dilan.

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.5 terdapat tiga elemen perbualan yang telah diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu dialog perbualan antara Si Bibi dan Milea, dialog perbualan Dilan dan Milea dan dialog perbualan Piyan dan Dilan.

Perubahan dialog antara Si Bibi dan Milea dapat dilihat pada minit 0:03:20 hingga minit 0:03:27 pada filem *Dilan 1990* iaitu ada penambahan “Non, ada tamu” manakala dalam novel *Dilan 1990* pada halaman 25 hanya menyatakan bahawa “Tamu”. Perubahan ini adalah merupakan proses *close adaptation* yang mengalami sedikit perubahan daripada teks asal novel. Menurut Imas Juidah (2018), penambahan ini akan terjadi pada proses adaptasi filem sebagai perluasan idea. Melalui konteks ini, perkataan “Non” membawa maksud anak gadis dalam bahasa Indonesia dan pemilihan kata ini adalah bersesuaian dengan watak. Hal ini bertempatan kerana Milea masih lagi remaja pada masa itu. Justeru itu perubahan ini adalah sangat bersesuaian dengan watak remaja wanita.

Seterusnya, terdapat perubahan dialog antara watak Milea dan Dilan pada 0:03:32 hingga 0:03:45 pada filem *Dilan 1990* iaitu pengurangan dialog asal novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* halaman 25 iaitu “Hei” telah diubah kepada dialog “Ada undangan.” Melalui novel tersebut Milea yang memulakan perbualan, namun sebaliknya pada filem tersebut diperlihatkan watak Dilan yang memulakan perbualan antara mereka berdua. Perkara ini memperlihatkan proses *loose Adaptation* yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu melakukan pengurangan teks asal ke dalam filem *Dilan 1990*. Menurut Imas Juidah (2018), pasti akan ada dialog akan

digugurkan oleh pengarah filem bertujuan menyampaikan mesej secara terus. Pengurangan ini adalah bertujuan menyampaikan terus kepada penonton hasrat watak tersebut dengan menghapuskan dialog asal pada novel. Teeuw (1994), berpandangan bahawa kadang-kadang pembinaan ayat harus dipermudahkan atau dipendekkan dan perubahan ini mencerminkan peraturan bahasa atau pemilihan bahasa oleh pihak editor. Oleh itu, perubahan ini dilakukan oleh editor bagi memilih ketempatan dialog untuk menghasilkan sebuah filem.

Di samping itu, pengarah filem telah membuat perbualan dialog antara watak Piyan dan Dilan pada minit 0:03:45 hingga 0:03:49 dalam filem *Dilan 1990*. Perubahan ini berlaku pada akhir ayat dialog Dilan iaitu “*teh naon*” kepada “apa, Yan” dan “Naon” merupakan bahasa sunda yang membawa makna “Apa”. Perubahan ini diambil kira oleh pengarah filem kerana di Indonesia mempunyai pelbagai etnik dan bangsa. Perubahan ini mengalami *close adaptation* yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa elemen dalam dialog tersebut telah diubah secara minimal dan masih mengekalkan sumber teks asal iaitu pertanyaan Dilan kepada Piyan dapat dilihat pada permulaan dialog Dilan iaitu “*Bacalah bahasa Arabnya.*”

Secara keseluruhan jadual di atas, pengarah filem telah mengubahsuai elemen dialog perbualan antara Si Bibi dan Milea pada minit 0:03:20 hingga minit 0:03:27, dialog perbualan antara Milea dan Dilan pada minit pada 0:03:32 hingga 0:03:45 dan dialog perbualan Piyan dan Dilan pada minit ke 0:03:45 hingga 0:03:49 yang telah diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dan berlaku proses *loose adaptation* dan *close adaptation*.

Jadual 4.6: Perubahan elemen dan dialog Dilan dan Pak Suprito

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 31)</p> <p>“Kupandang ke depan karena ingin tahu soal apa gerangan, tapi justru di saat itulah aku bisa melihat dirinya.”</p> <p>“Sang peramal itu ada di sana, berdiri di depan, menghadap ke arah kami, bersama dua kawannya.”</p> <p>“Dia berdiri diri disana karena dibawa oleh guru BP (Bimbingan Penyuluhan), setelah berhasil ditemukan dari tempat sembunyi, untuk menghindar ikut cara upacara benda.”</p> <p>“Dia dan dua orang temannya disebut PKI oleh guru BP itu. Aku tidak mengerti apa sebabnya seseorang sampai disebut sebagai PKI hanya gara-gara tidak ikut upacara bendera. Entahlag. Apakah karena saat itu aku hidup di jaman ORBA (Orde Baru)?</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:05:29-0:06:45)</p> <p>Pak Suprito: Baris! Baris! Eh ini yang rapi!</p> <p>Rani: Dia lagi.</p> <p>Milea: Siapa dia?</p> <p>Rani: Dilan.</p> <p>Pak Suprito:Upacara bendera adalah salah satu cara kita menghormati Pahlawan yang telah gugur. Negara ini butuh siswa siswi yang disiplin. Teman kalian yang ada di depan ini... Adalah cerminan kehancuran bangsa ini.</p> <p>“Pagi itu akhirnya aku tahu namanya sang peramal itu adalah... Dilan.” Monolog Milea.</p> <p>Pak Suprito: Upacara malah enggak masuk, Heh!</p> <p>“Kata Rani, Dilan anak kelas 2 fisikal 1. Anggota geng motor terkenal di Bandung. Jabatannya di geng motor cukup serem. Panglima tempur. “Monolog Milea.</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Elemen yang diubah	
<p>Perubahan elemen watak dan dialog</p> <p>a) Perubahan dialog Pak Suprito.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.6 elemen yang diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dapat dilihat melalui pertukaran perubahan dialog Pak Suprito dalam filem *Dilan 1990*. elemen perubahan yang terdapat dalam filem *Dilan 1990* adalah perubahan dialog Pak Suprito. Hal ini dapat dilihat pada halaman 31 pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* iaitu Pak Suprito memanggil Dilan dan rakannya sebagai Partai Komunis Indonesia (PKI) kerana tidak hadir ke perhimpunan menaikkan bendera di sekolahnya telah diubah kepada “*Adalah cerminan kehancuran bangsa ini*” pada minit 0:05:29

hingga 0:06:45. Perubahan ini adalah merupakan proses *loose adaptation* kerana ada perubahan dari segi skrip dialog watak Pak Suprito secara bebas. Menurut Fanni Mardhotillah (2018), *loose adaptation* adalah pendekatan yang hanya mengambil sebahagian jalan cerita yang akan diadaptasi mengikut situasi dan watak untuk dikembangkan secara bebas. Perubahan ini adalah mengikut situasi negara Indonesia yang sangat sensitif terhadap Partai Komunis Indonesia. Oleh yang demikian, pengarah mengambil langkah dengan mengubah skrip kepada penghancuran bangsa kerana ada segelintir masyarakat tidak menghormati lagu kebangsaan. Justeru, pendekatan ini adalah wajar untuk memberikan kesedaran kepada penonton filem *Dilan 1990* menghormati lagu kebangsaan.

Secara keseluruhan jadual di atas terdapat beberapa elemen yang telah diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu perubahan nama watak Guru BP kepada Pak Suprito proses ini adalah proses adaptasi tertutup dan perubahan skrip dialog Pak Suprito merupakan proses adaptasi longgar.

4.2.1.2 Perubahan elemen watak dan isi kandungan surat

Jadual 4.7: Perubahan elemen watak dan isi kandungan surat

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 23-24)</p> <p>Pada waktu kami ngobrol, muncul seorang yang bilang permisi, lalu masuk ke kelas. Nandan, Rani dan Agus tahu siapa dia. Orang itu namanya Piyan, siswa dari kelas 2 Fisikal 1, datang memberi aku surat, katanya itu titipan dari kawannya, tapi dia tidak menyebut nama kawannya itu. Dengan sedikit berasa heran, setelah Piyan berlalu, kubaca surat itu:</p> <p>“Milea, Ramalanku, kita bertemu di kantin, Ternyata salah. Maaf. Tapi, aku mau meramal lagi: Besok, kita akan ketemu.”</p> <p>Habis itu, aku langsung bisa tahu siapa yang ngirim surat. Pasti dia, orang yang tadi pagi naik motor dan bilang mau meramal. Nandan nanya ingin tahu surat apa it, kubilang itu surat biasa saja.</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:02:33-0:03:12)</p> <p>Piyan: Ada surat. Milea: Surat? Piyan: Dari kawanku. Wati mana? Rani: Udah duluan ke kantin. Piya: Ya udah deh, Aku pamit dulu yah. Nandan: Itu Piyan anak 2 Fisikal 1. Rani: Kamu kenal gak? Milea: Enggak. Surat: “Milea, ramalanku kita akan bertemu di kantin itu ternyata itu salah. Maaf tapi aku mau meramal lagi. Besok kita pasti ketemu. Besok itu bukannya hari minggu yah?” Nandan: Kenapa Lia? Milea: Hah? Enggak, Enggak apa-apa. Jadi tugas ku sebagai sekretaris apa aja? (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Elemen yang diubah	
<p>Perubahan elemen watak dan isi kandungan surat</p> <ol style="list-style-type: none"> Semasa dalam kelas perbualan di dalam novel mempunyai empat orang watak iaitu Milea, Rani, Nandan dan Agus manakala dalam filem hanya terdapat tiga orang sahaja iaitu Milea, Rani dan Nandan. Perubahan ini kandungan surat Dilan kepada Milea. Nandan ingin melihat isi kandungan surat. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.6 di atas, jelas dilihat bahawa elemen yang diubah pada filem tersebut iaitu terdapat empat orang dalam kelas yang terdiri daripada Milea, Rani, Nandan dan Agus tetapi sebaliknya pada filem hanya memaparkan tiga orang sahaja iaitu Milea, Rani dan Nandan. Hal ini terjadi kerana berlakunya proses *close adaptation* iaitu sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah*

Dilanku Tahun 1990 (2014). Pengarah filem mengugurkan sebahagian naratif dalam novel (*Dilan: Dia adalah Dilanku Tahun 1990*) tetapi membuat penambahan pada filem *Dilan 1990* (2018). Misalnya, surat Dilan kepada Milea mengalami perubahan daripada teks asal iaitu “*Besok itu bukannya hari minggu yah?*” pada asalnya tiada dalam teks novel. Menurut Mohamed Nazreen dan Salleh Yaapar (2015), adaptasi tertutup merupakan sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam teks sastera dikekalkan dan beberapa elemen sahaja yang dibuang serta tidak terlalu banyak unsur lain ditambah.

Pengubahsuaian ini berlaku kerana teks di dalam novel terlalu panjang untuk dimasukkan ke dalam filem *Dilan 1990*. Sehubungan dengan itu, penulis novel dan pengarah filem bersetuju untuk mengurangi teks yang terdapat di dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* kepada filem *Dilan 1990*. Menurut Wan Hasmah (2014), proses pemotongan, pengekalan dan pengubahsuaian terhadap adegan, tema, watak dan latar haruslah dipersetujui oleh pengarang dan penulis untuk ditampilkan ke dalam filem tersebut. Oleh yang demikian, pengubahsuaian ini perlu mendapatkan persetujuan daripada kedua belah pihak bagi mengelakkan perselisihan antara penulis novel dan pengarah filem.

Seterusnya, terdapat elemen yang diubah dalam *Dilan 1990* iaitu tindakan watak Nandan ingin melihat isi kandungan surat Dilan. Perkara ini dapat dilihat di dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* pada halaman 24 yang menyatakan bahawa “*Nandan nanya ingin tahu surat apa itu, kubilang itu surat biasa saja*” dan digantikan dengan “*Kenapa Lia?*” oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada minit 0:02:33-0:03:12. Perubahan ini mengalami proses *close adaptation* kerana berlaku perubahan yang sangat sedikit di dalam filem. Justeru itu, perubahan ini masih mengekalkan keaslian

teks asal daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan menukar sedikit elemen yang terdapat dalam filem *Dilan 1990*.



Secara keseluruhan, jadual di atas memperlihatkan bahawa terdapat tiga elemen yang telah diubah oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada filem *Dilan 1990* iaitu pengurangan watak dalam filem, mengubah isi kandungan surat Dilan dan tindakan Nandan ingin tahu tentang isi kandungan surat tersebut. Oleh yang demikian, perubahan elemen ini adalah merupakan proses *close adaptation* dan *loose adaptation* yang dilakukan oleh pengarah filem.

4.2.3 Persamaan dan perbezaan jalan cerita dari teks ke visual

Persamaan dan perbezaan jalan cerita juga dapat dilihat melalui perubahan teks kepada visual dan perubahan ini merupakan adaptasi teks ke filem. Perkara ini disebut sebagai *Ecranization* iaitu perubahan karya sastera seperti novel menjadi sebuah filem (*Visual and Audio*) untuk menjadi tontonan umum. Menurut Eneste (1991), proses ini merupakan adaptasi novel ke filem. *Ecranization* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Perancis iaitu *écran* yang membawa makna *screen*.

Visual merupakan bahan media begitu penting pada masa kini dan visual terdiri daripada video, poster, akhbar dan sebagainya. Secara etimologi perkataan visual berasal daripada perkataan latin iaitu *vidēre* yang membawa makna lihat. Melalui perkembangan teknologi dari semasa ke semasa telah berlaku revolusi teks sastera dalam bentuk visual seperti filem dan melalui filem masyarakat dapat mengetahui tentang isi kandungan teks novel melalui visual dan audio. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan filem adaptasi mendapat sokongan daripada masyarakat dunia seperti filem *Harry Potter* dan filem *Lord of The Rings*. Menurut Hughes (2007), pembelajaran melalui pembacaan tidak menarik pada zaman kini berbanding dengan sesebuah teks diubah menjadi sebuah filem (adaptasi).

Jadual 4.8 Persamaan dan perbezaan jalan cerita dari teks ke visual

Petikan novel	Visual filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 345)</p> 	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit 1:42:31)</p> 
Perubahan dalam bentuk visual	
<p>Pengekalan sumber teks asal:</p> <p>a) Teks asal novel diadaptasi menjadi sebuah filem</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui kedua-dua sumber iaitu novel dan filem dapat melihat persamaan dan sedikit perbezaan yang ditonjolkan oleh Pidi Baiq dalam babak filem tersebut melalui jadual 4.8 di atas.

Persamaan ini telah terbukti antara kedua-dua sumber ini kerana mengekalkan teks asal daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* (2014) kepada filem *Dilan 1990* (2018) yang bermula daripada “Demikian kisah cintaku dengan Dilan” dan “Ketika aku masih tinggal di Bandung”. Sehubungan dengan itu, persamaan ini bertujuan untuk mengekalkan teks yang terdapat dalam tersebut. Namun terdapat juga perbezaan antara kedua-dua sumber tersebut seperti teks yang ada pada filem *Dilan 1990* yang telah diubah oleh Pidi Baiq seperti teks “Sebetulnya, aku masih ingin terus cerita tentang kisahku dengan Dilan, karena masih sangat banyak.” kepada “Kerinduan adalah kerinduan individu di dadaku dan di dalam diriku adalah lautan rindu adalah

sungai yang terus mengalir adalah laut yang berdebur. Tidak ada kekuatan dapat menolak begitu kuat sekali kehidupan dan aktif.” Perubahan ini kerana terjadinya proses loose Adaptation dalam pembuatan filem. Menurut Morris Beja (1979) terdapat dua kaedah adaptasi iaitu mengekalkan kewibawaan karya asal tanpa mengubah sebarang teks yang terdapat pada karya asal tanpa penambahan atau perwarnaian teks dan kaedah kedua adalah gaya pengubahsuaian yang bebas bagi menghasilkan sebuah karya yang baik dan berwibawa.

Melalui novel Teks dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* sebelum diadaptasi menjadi dalam bentuk visual terdapat beberapa teks yang belum ditambah oleh pengarah Pidi Baiq seperti:

“Demikianlah kisah cintaku dengan Dilan, ketika aku tinggal di Bandung dulu! Duluuu sekali, bertahun-tahun yang lalu, meski aku merasanya seolah-olah hal itu baru terjadi kemarin. Sebetulnya, aku masih ingin terus cerita tentang kisahku dengan Dilan, karena masih sangat banyak.”

(Pidi Baiq, 2014:hlm 354)

Diatas merupakan petikan daripada novel sebelum diadaptasi menjadi sebuah filem *Dilan 1990* yang mengalami sedikit perubahan seperti skrip filem di bawah:

“Demikianlah kisah cintaku dengan Dilan, ketika aku masih tinggal di Bandung bertahun-tahun yang lalu dan malam ini ditempat adalah malam yang sunyi di Jakarta. Kerinduan adalah kerinduan individu di dadaku dan di dalam diriku adalah lautan rindu adalah sungai yang terus mengalir adalah laut yang berdebur. Tidak ada kekuatan dapat menolak begitu kuat sekali kehidupan dan aktif.”

(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018:min 1:42:31)

Perubahan ini kerana berlakunya proses close adaptation atas kehendak pengarah filem dan mendapat persetujuan daripada penulis novel. Justeru itu, filem *Dilan 1990* masih mengekalkan elemen yang terdapat di dalam novel dan mengalami sedikit perubahan oleh pengarah filem tersebut iaitu “Tidak ada kekuatan dapat menolak

begitu kuat sekali kehidupan dan aktif.” dan juga “Kerinduan adalah kerinduan individu di dadaku dan di dalam diriku adalah lautan rindu adalah sungai yang terus mengalir adalah laut yang berdebur.” Perkara ini merupakan close adaptation kerana mengalami sedikit perubahan yang di lakukan oleh pengarah filem.

4.3 Analisis teori Intertekstualiti berdasarkan aspek Paralel dan Modifikasi

Analisis 4.3 ini memberikan tumpuan kepada teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel dan Modifikasi yang dikemukakan oleh Juvie Kristeva (1980). Prinsip Paralel berlaku apabila terdapat persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain dari segi tema, pemikiran dan juga daripada teks sendiri. Manakala prinsip Modifikasi pula adalah pengarang membuat penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks.

4.3.1 Prinsip Paralel dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*

Seterusnya, analisis akan dibuat berdasarkan kepada kerangka teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel iaitu salah satu cabang daripada teori Intertekstualiti selain daripada prinsip Transformasi, Modifikasi, Demitefikasi, Ekserp, Haplologi, Konversi, Demifamiliarisasi dan Ekspansi. Prinsip Paralel merupakan berlaku persamaan dan kesejajaran dalam sesebuah teks ke dalam teks lain dan hal ini dapat dilihat melalui filem, buku, tema dan sebagainya. Menurut Mohd Sholeh & Mohd Nizam (2013), Paralel terjadi kerana berlakunya kesejajaran dan persamaan teks yang terdapat pada teks asal dan teks yang lain. Prinsip Paralel ini juga memperlihatkan unsur kelestarian dan kesejajaran teks dalam sesebuah teks lain dari segi tema. Pendapat Mana Sikana (1994), Paralel merupakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan teks yang digunakan dan terdapat unsur persamaan dan kesejajaran yang kerap dikaitkan dengan unsur sastera secara universal.

Melalui pandangan Kristeva (1980), pengarang juga perlu menyatakan sumber yang diambil supaya tiada unsur palagiat dalam sesebuah karya tersebut. Justeru itu, pada bahagian ini akan mengkaji tentang pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel pandangan Julia Kristeva (1980) dalam filem adaptasi *Dilan 1990* (2018) sebuah filem arahan Pidi Baiq. Justeru itu, pada bahagian ini akan dilakukan secara sistematik berpandukan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi Julia Kristeva (1980).

4.3.1.1 Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Filem *Dilan 1990* merupakan sebuah filem yang diadaptasi melalui novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* (2014) oleh Pidi Baiq yang menggunakan bahasa Indonesia. Filem *Dilan 1990* berurasi selama 110 minit dan diterbitkan oleh syarikat Max Pictures dengan kerjasama Falcon Pictures pada tahun 2018. Filem ini mula ditayangkan di pawagan pada 25 Januari 2018 di Indonesia dan 29 Mac 2018 di Malaysia. Justeru itu, pengaplikasian kaedah prinsip Paralel dalam filem *Dilan 1990* adalah mengenal pasti teks asal yang sejajar dengan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Kaedah ini berlaku apabila seorang pengarah filem menjemalkan semula teks yang terdapat dalam teks lain. Menurut Roma Wijaya (2022), Paralel mempunyai hubungan persamaan dengan teks asal yang berkaitan dengan tema dan pemikiran seseorang pengarang.

Perkara ini berlaku kerana pengaruh dan pembacaan seorang penulis terhadap teks-teks asal dan menjemalkan semula teks itu kepada penulisannya atau mengadaptasi sumber asal ke dalam bentuk lain seperti gambaran dan audio dalam erti kata lain mengubah teks itu menjadi sebuah filem. Maka dengan itu terhasil sebuah filem *Dilan 1990* yang dijelmakan dalam bentuk filem. Kaedah ini memberikan mamfaat kepada

penonton filem *Dilan 1990* kerana perubahan teknologi pada masa kini telah membuka mata pengarang karya untuk memceburi dalam bidang perfileman dan sekali gus menghasilkan pendapatan yang lumayan serta menarik minat orang ramai untuk mencuburi dalam bidang kesusasteraan. Menurut Mohd Sholeh & Mohd Nizam (2013), melalui kaedah Paralel dapat difahami bahawa ketika pengarang mentransformasi sesebuah teks ke dalam teksnya perubahan tidak berlaku sama ada susunan teks, penambahan dan pengurangan teks dalam karya.

Selain itu juga, pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel, teks daripada novel yang diangkat menjadi sebuah filem adaptasi sekali gus dapat mengesan dan mengenal pasti sumber asal teks tersebut. Hasil daripada ini dapat dilihat melalui jadual dibawah:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 4.9: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 41)</p> <p>“Di kantin, pada waktu istirahat, aku duduk satu meja dengan Nandan, Dito, Jenar, dan Rani. Masing-masing makan betagor sambil bicara ini itu gak penting. Mereka semuanya teman sekelas, kecuali Jenar, dia anak kelas 2 sosial.”</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:10:43-0:11:09)</p> <p>Situasi di kantin. Kamu lapar Ran? Tanya Milea kepada Rani. Mau ditraktir Nandan. Jawab Rani kepada Milea. Eh! Emang kantin kita Cuma satu ini? Tanya Milea kepada Rani. Ada sebagian disini, ada juga sebagian di Warun Bi Eem. Jawab Rani. Apaan tuh? Tanya Milea lagi kepada Rani. Warung Bi Eem. Ada di belakang sekolah. Jawab Rani. Iya, biar pada mereka bisa merokok. Kata Nandan. Banyak anak SMA lain juga kok di sana. Kata Jenar. Namanya juga markas. Jawab Nandan kepada Jenar. (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Melalui kedua-dua sumber tersebut terdapat persamaan dan selari pada sumber asal teks sebelum berlaku proses pengubahan media dari teks ke filem contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Situasi di kantin yang terdapat pada novel dan filem. b) Watak dalam teks selari dengan filem yang terdiri daripada Milea, Rani, Nandan, Jenar dan Dito. c) Mereka berlima membincangkan tentang warun yang terdapat di sekolah mereka. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Kedua-dua teks tersebut menceritakan tentang suasana di kantin sekolah pada halaman 41 dan pada minit 0:10:43 hingga ke 0:11:09. Pada petikan tersebut terdapat persamaan dari segi watak dalam filem *Dilan 1990* dan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* yang terdiri daripada watak Milea, Rani, Nandan, Jenar dan Dito. Hal ini

dapat dilihat melalui kedua-dua sumber tersebut iaitu Milea telah bertanya kepada Rani mengenai tempat makan di sekolahnya, namun Rani menjawab tidak kerana di sekolah mereka masih terdapat warung di sekolah mereka iaitu Warung Bi Eem yang tidak jauh daripada sekolah. Melalui prinsip Paralel, pengkaji dapat mengesan perkaitan antara teks novel dan skrip filem yang mempunyai hubungan persamaan dan selari pada teks asal. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian prinsip Paralel dalam menjalankan penelitian ini adalah penting bagi mengenal pasti sumber asal teks dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*.

Jadual 4.10: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 33)</p> <p>Kamu pulang naik angkot? Dia tanya. Ku jawab dengan anggukan yang sedikit agak judes. Aku ikut....,” katanya diatas motor yang lajunya sengaja dibikin pelan untuk bisa sejajar dengan ku. Ikut apa? Tanyaku tanpa menoleh. Naik angkot,” jawabnya. “Boleh aku ikut “Boleh aku ikut denganmu?” (Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:06:56-0:07:09)</p> <p>Dilan: Kamu pulang naik angkot? Dilan: Boleh aku ikut dengan mu? Milea: Kemana? Dilan: Naik Angkot. Milea: Gak usah. Dilan: Tapi kan angkot buat siapa aja. Milea: Kamu kan naik motor. Dilan: Gampang. Milea: Aduh... (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Melalui kedua-dua sumber tersebut terdapat persamaan dan selari pada sumber asal teks sebelum berlaku proses pengubahan media dari teks ke filem contohnya:</p> <p>a) Petikan diatas merupakan dialog perbualan Milea dan Dilan yang terdapat pada novel dan juga filem.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.11 di atas terdapat keselarian antara novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* iaitu dapat dilihat persamaan pertanyaan Dilan kepada Milea pada halaman 33 dan dalam filem pada minit 0:06:56 hingga 0:07:09 iaitu “*Kamu pulang naik angkot?*”, “*Boleh aku ikut dengan mu?*” dan “*Naik angkot*” persamaan ini adalah selari dengan sumber novel dan juga filem. Melalui kaedah Paralel kesejajaran dan persamaan teks yang terdapat dalam teks yang lain dari segi pemikiran dan tema yang hendak di sampaikan oleh pengarah filem kepada umum dan tema yang terdapat pada petikan tersebut adalah pulang dari sekolah yang cuba di

sampaikan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Seterusnya, pemikiran yang hendak di sampaikan dalam teks novel dan skrip filem di atas adalah pemikiran remaja sekolah menengah yang mencuba beranikan diri untuk mendapatkan kekasih atau *puppy love* yang hendak di sampaikan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi kepada pembaca novel dan penonton filem. Oleh yang demikian, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dapat dikesan melalui kedua dua sumber tersebut kerana keselarian teks dalam filem adaptasi yang masih dikekalkan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi.

Jadual 4.11: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 35 dan halaman 36) Kuambil buku, lalu ku baca. Tetapi dia berbisik, suaranya kudengar pelan sekali menyebut namaku: “Milea” “Kamu cantik,” katanya sesaat kemudian. “Mekasih” akhirnya kujawab juga sambil membaca buku. “Tapi, aku belum mencintaimu.” Katanya. Aku diam. Enggak tahu kalau sore,” katanya lagi kemudian. Dia ngomong lagi: “Tunggu aja.” (Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:07:14-0:07:58) [Milea membaca buku Olga-Cover Boy karangan Hilman] Dilan: Hari ini adalah hari pertama aku duduk denganmu. Dilan: Milea... Kamu cantik. Milea: Mekasih Dilan: Tapi aku belum mencintaimu. Dilan: Enggak tahu kalau sore... tunggu aja. (Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Melalui kedua-dua sumber tersebut terdapat persamaan dan selari pada sumber asal teks sebelum berlaku proses pengubahan media dari teks ke filem contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Situasi dalam angkot b) Milea membaca buku c) Dialog antara Dilan dan Milea 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Jadual 4.11 di atas terdapat persamaan teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dengan filem *Dilan 1990* iaitu dalam filem *Dilan 1990* Milea membaca buku *Olga-Cover Boy* manakala dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* menceritakan tentang Milea mengambil buku dan membacanya. Melalui teks ini terdapat keselarian teks di dalam novel dan filem. Hal ini dikatakan demikian kerana filem tersebut menerapkan unsur yang teks yang terdapat dalam novel sebelum berlakunya adaptasi novel ke filem. Seterusnya, dialog perbualan antara Milea dan Dilan juga mempunyai persamaan yang selari dengan teks yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* iaitu “Milea” yang merupakan dialog Dilan memanggil Milea yang sedang membaca buku dalam Angkot

dan Dilan berkata lagi kepada Milea “*Kamu cantik*” dalam novel dan filem. Melalui teks ini dapat mengaplikasikan prinsip Paralel ke dalam petikan novel dan juga skrip filem. Persamaan ini dapat dilihat apabila Pidi Baiq dan Fajar Bustomi mengekalkan teks yang terdapat filem dan novel. Justeru itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berjaya dikesan dengan menggunakan kaedah Paralel kedua-dua teks petikan novel dan juga skrip filem.

Jadual 4.12: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 35 dan halaman 36)</p> <p>Hari Selasa, aku dapat surat dari Dilan. Entah bagaimana dia bisa nitip suratnya ke Rani.</p> <p>Isi suratnya pendek:</p> <p>“Pemberitahuan: Sejak sore kemaren, aku sudah mencintai mu-Dilan!”</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:07:14-0:07:58)</p> <p>Rani: Lia,ada surat.</p> <p>Milea: Ha?</p> <p>Nandan: Surat dari siapa?</p> <p>[Milea menghalau Nandan dari tempat duduk Rani]</p> <p>Milea melihat surat:</p> <p>“Kandungan Surat”</p> <p>“Pemberitahuan: Sejak sore kemaren aku sudah mencintai mu.- Dilan.”</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Melalui kedua-dua sumber tersebut terdapat persamaan dan selari pada sumber asal teks sebelum berlaku proses pengubahan media dari teks ke filem contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Persamaan situasi dalam kelas. b) Isi kandungan surat. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Hasil daripada jadual 4.12 di atas terdapat persamaan dan kesejajaran teks yang terdapat pada petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem *Dilan 1990*. Persamaan teks yang terdapat pada jadual di atas adalah Rani memberikan surat Dilan kepada Milea. Melalui petikan “*Entah bagaimana dia bisa nitip suratnya*

ke Rani” sama dengan filem apabila Rani memberikan surat Dilan kepada Milea iaitu Rani berkata kepada Milea “*Lia, ada surat*”. Petikan ini menjelaskan situasi Rani memberikan surat kepada Milea dan Milea menerima surat berkenaan daripada Rani. Melalui teks berkenaan dapat melihat terdapat teks lain pada teks yang yang hendak di sampaikan melalui filem *Dilan 1990* dan secara tidak langsung dapat mengaitkan teks berkenaan dengan teori Intertekstualiti dengan menggunakan prinsip Paralel pandangan Julia Kristeva (1980).

Selain itu juga, terdapat persamaan dan kesejajaran teks yang ada pada jadual 4.12 di atas iaitu persamaan isi kandungan surat Dilan. Melalui novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* isi kandungan surat Dilan adalah “*Pemberitahuan: Sejak sore kemaren, aku sudah mencintai mu-Dilan!*”. Persamaan ini adalah selari dengan kedua-dua sumber berkenaan. Hal ini dikatakan demikian kerana proses adaptasi novel ke filem akan mengambil teks daripada novel sebelum diadaptasi menjadi sebuah filem dan dari situ terdapat teks ke dalam teks yang lain yang terdapat pada filem *Dilan 1990*. Justeru itu, jadual di atas dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel iaitu persamaan teks selari dengan sumber petikan novel dan filem.

Secara keseluruhan teks pada jadual 4.12 di atas dapat mengaitkan dengan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel Julia Kristeva (1980). Kaedah ini berlaku apabila pengarah Pidi Baiq dan Fajar Bustomi menjelmakan semula teks yang serupa daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke dalam filem *Dilan 1990*. Hal ini berlaku kerana Pidi Baiq dan Fajar Bustomi ingin memasukan isi kandungan surat Dilan ke dalam filem *Dilan 1990* bertujuan menyakinkan pembaca novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* tentang adanya persamaan isi kandungan novel ke dalam filem tersebut pada minit 0:07:14 hingga 0:07:58. Oleh yang demikian, pengaplikasian

teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel berjaya mengesan kesejajaran teks novel ke dalam filem *Dilan 1990* secara langsung diangkat oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi.

Jadual 4.13: Pengaplikasian kaedah Paralel dalam filem *Dilan 1990*

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 47)</p> <p>Dilan masuk ke kelas, dan duduk di bangku sebelahku, membuat Rani jadi pindah ke kerusi belakang yang memang kosong. Dia meminta kertas, lalu kukasih. Di dalam kertas itu, nulis:</p> <p>Informasi</p> <p>Daftar orang-orang ingin jadi pacarmu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Nandan (kelas 2 Biologi) 2) Pak Aslan (Guru Olahraga) 3) Tobri (kelas 3 Sosial) 4) Acil (Kelas 2 Fisikal) 5) Dilan (Manusia) <p>Kemudian dia mencoret semua nama di daftar itu, kecuali dirinya.</p> <p>“Kenapa?” Kutanya, maksudnya kenapa semua dicoret kecuali dirinya?</p> <p>“Semuanya akan gagal,” dia bilang begitu dengan berbisik.</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (0:12:00-0:13:23)</p> <p>Dilan: Ran, Boleh ikut Duduk?</p> <p>Rani: Naon?</p> <p>Dilan: Ikut duduk?</p> <p>[Rani berpindah tempat duduk]</p> <p>Dilan: Boleh aku minta kertas?</p> <p>[Milea memberikan kertas kepada Dilan]</p> <p>Dilan: Minjem yah.</p> <p>[Dilan menulis dan Milea melihat]</p> <p>Isi kandungan kertas:</p> <p>Daftar orang-orang yang ingin menjadi pacarmu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Nandan (kelas 2 Biologi) 2) Pak Aslan (Guru Olahraga) 3) Tobri (kelas 3 Sosial) 4) Acil (Kelas 2 Fisikal) 5) Dilan (Manusia) <p>Milea: Kenapa semua dicoret kecuali nama kamu?</p> <p>Dilan: Semuanya akan gagal.</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq & Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Paralel)	
<p>Melalui kedua-dua sumber tersebut terdapat persamaan dan selari pada sumber asal teks sebelum berlaku proses pengubahan media dari teks ke filem contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Persamaan situasi dalam kelas. b) Isi kandungan kertas. 	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Jadual 4.13 di atas adalah petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem *Dilan 1990*. Melalui jadual 4.13 di atas terdapat persamaan dan kesejajaran yang berlaku pada filem *Dilan 1990* iaitu Pidi Baiq dan Fajar Bustomi masih mengekalkan jalan cerita yang terdapat pada halaman 47 novel *Dilan: Dia Adalah*

Dilanku Tahun 1990 iaitu Pidi Baiq dan Fajar Bustomi mengekalkan situasi dalam kelas. Situasi dalam kelas iaitu Dilan masuk ke dalam ke Milea dan menyuruh Rani berpindah tempat supaya dia dapat duduk di sebelah Milea dan perkara ini dapat dilihat melalui filem *Dilan 1990* apabila Dilan bertanya kepada Rani “*Ran, Boleh ikut Duduk?*” dan Rani menjawab persoalan Dilan “*Naon*” yang membawa makna apa dalam bahasa Sunda dan Dilan bertanya lagi kepada Rani “*Ikut duduk?*” dan Rani mula berpindah tempat kemudian Dilan duduk di sebelah Milea manakala dalam novel memberi tahu Dilan membuat Rani berpindah tempat lain iaitu “*membuat Rani jadi pindah ke kerusi belakang yang memang kosong*”. Melalui petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Paralel kerana terdapat persamaan dan kesejajaran teks asal kepada teks lain.

Seterusnya, pada jadual 4.13 di atas terdapat persamaan dan kesejajaran teks pada isi kandungan kertas yang ditulis Dilan. Isi kandungan tersebut adalah Daftar orang-orang yang ingin menjadi pacarmu:

- 1) Nandan (kelas 2 Biologi)
- 2) Pak Aslan (Guru Olahraga)
- 3) Tobri (Kelas 3 Sosial)
- 4) Acil (Kelas 2 Fisikal)
- 5) Dilan (Manusia)

Kesemua nama berkenaan terdapat dalam teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan juga dalam filem *Dilan 1990*. Persamaan teks ini adalah selari dengan prinsip Paralel iaitu kewujudan teks lain dalam teks lain. Melalui konteks ini adalah persamaan teks pada novel wujud dalam filem adaptasi kerana Pidi Baiq dan Fajar Bustomi masih mengekalkan elemen teks yang terdapat pada novel. Hal ini dikatakan

demikian kerana Pidi Baiq dan Fajar Bustomi mengadaptasikan filem berdasarkan teks novel. Justeru itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dapat diapliksi melalui teks tersebut.

Secara keseluruhan jadual 5 di atas, petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* dapat diaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel. Hal ini kerana, hampir setiap teks skrip filem diambil daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan diserapkan ke dalam filem *Dilan 1990*. Justeru, teori Intertekstualiti berjaya diaplikasikan pada jadual di atas.

4.3.1.2 Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem

Novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* telah ditulis oleh Pidi Baiq pada bulan april tahun 2014 untuk cetakkan pertama oleh Pastel Books dan novel ini telah dicetak semula pada tahun 2020 oleh syarikat yang sama. Penyuntingan buku ini telah dilakukan oleh Andika dan ilustrasi buku oleh Pidi Baiq serta pereka design kulit buku adalah Kulniya Sally.

Pada bahagian ini akan menggunakan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Modifikasi Julia Kristeva (1980). Prinsip modifikasi adalah cabang daripada prinsip Intertekstualiti selain daripada prinsip Paralel, Tranformasi, Demitefikasi, Ekserp, Haplologi, Konversi, Demifamiliarisasi dan Ekspansi. Prinsip Modifikasi adalah proses yang melibatkan usaha-usaha pemahaman seorang pengarang terhadap teks yang asal dan mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan terhadap teks tersebut. Menurut Putri Anggraeni dan Syarif Hidayatullah (2022), prinsip modifikasi digunakan bertujuan melakukan pembaikan, penyesuaian teks dan pelengkap bagi baru dan teks asal.

Secara amnya, pelarasan ini dibuat untuk membina perubahan gaya bahasa atau makna yang akan diolah ke dalam karya sastera. Modifikasi juga ialah penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesebuah teks ke dalam sesebuah teks yang lain. Modifikasi kebiasaanya berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk menempatkan sesebuah teks yang sesuai ke dalam teks. Menurut Partini Sarjono (1968), modifikasi sering dilakukan terhadap aspek pemikiran, tokoh, jalan cerita dan gaya bahasa dalam sesebuah karya. Tambahan beliau lagi, pengubahsuaian biasanya merupakan manipulasi pada peringkat linguistik iaitu memanipulasikan perkataan atau susunan perkataan dalam ayat. Melalui peringkat sastera, modifikasi adalah manipulasi watak (protagonis) atau plot cerita.

Selain itu juga, pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Modifikasi, teks daripada novel yang diangkat menjadi sebuah filem adaptasi sekali gus dapat mengesan dan mengenal pasti sumber asal teks tersebut.

Jadual 4.14: Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i></p> <p>(Halaman 49)</p> <p>Waktu bubar sekolah, Dilan nyusul untuk berjalan di sampingku dan bilang: “Aku harusnya ngajak kamu pulang naik motor.” Kujawab, “Gak usah.” “Tapi gak jadi,” kata Dilan. “Karena aku tahu kamu akan bilang gak usah.” “Aku mau datang ke rumahmu,” katanya tiba-tiba. “Malam ini.” Hah? Aku kaget. “Jangan.” “Kenapa?” dia tanya. “Ayahku galak.” “Menggigit?” “Serius jangan!” “Aku tidak takut Ayahmu. Dia baik.” “Jangan!” kataku. Pokoknya jangan.” “Aku mau datang,” sambil berlalu. (Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit 0:14:32-0:15:00)</p> <p>[Waktu bubar sekolah, Dilan nyusul untuk berjalan di sampingku.]</p> <p>Dilan: Tadinya aku mau ajak kamu pulang naik motor. Milea: Enggak usah. Dilan: Tapi enggak jadi karena aku tahu kamu pasti bilang “enggak usah” Milea: Hah? Dilan: Nanti malam aku mau datang ke rumahmu. Milea: Hah? Jangan! Ayahku galak. Dilan: Emang gigit. Milea: Serius, jangan! Dilan: Aku tidak takut ayahmu. Dilan: Dia baik. Milea: Kamu mau ngapain sih? Dilan: Mau datang. Milea: Hmm... [Dilan beralalu pergi]</p> <p>(Pidi Baiq dan Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Modifikasi)	
<p>Pengubahsuaikan kata yang terdapat daripada novel ke filem <i>Dilan 1990</i>.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 4.14 terdapat pengubahsuaian yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu beliau menghapuskan beberapa teks yang terdapat pada jadual di atas dan mengubah sedikit teks berkenaan. Antaranya adalah “*Aku harusnya ngajak kamu pulang naik motor*” pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* pada halaman 49 telah diubah kepada “*Tadinya aku mau ajak kamu pulang naik motor*” pada filem *Dilan 1990* dapat dilihat pada minit 0:14:32-0:15:00. Pengubahsuaian ini adalah merupakan salah satu kaedah modifikasi iaitu segi gaya bahasa kedua-dua ini dapat

dilihat pengulangan kata akhir iaitu epifora yang dapat dilihat melalui “*kamu pulang naik motor*” dan mengubah awal dialog dari “*aku harus ajak kamu pulang naik motor*” pada novel telah diubah kepada “*Aku harusnya ngajak kamu pulang naik motor.*” telah diubah kepada “*Tadinya aku mau ajak kamu pulang naik motor*”. Pengulangan kata akhir (epifora) ini merupakan salah satu cabang gaya bahasa. Melalui teks novel dan skrip filem terdapat pengubahsuaian yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada filem *Dilan 1990*. Justeru itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi dapat dikesan melalui jadual tersebut iaitu berlaku perubahan gaya bahasa epifora.

Seterusnya, pengubahsuaian yang terdapat pada jadual 1 di atas yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi menerusi petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* adalah “*Aku mau datang ke rumahmu*” pada halaman 49 telah diubah kepada “*Nanti malam aku mau datang ke rumahmu*” dalam filem *Dilan 1990* pada minit 0:14:32 hingga 0:15:00 melalui petikan ini terdapat penambahan dialog yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu “*Nanti malam*” dan masih mengekalkan penggunaan kata akhir iaitu “*aku mau datang ke rumahmu*” pengulangan ini merupakan gaya bahasa epifora oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Menerusi teks petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan petikan skrip filem *Dilan 1990* dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi dari segi penggunaan gaya bahasa epifora yang terdapat pada filem.

Selain itu, pengubahsuaian yang terdapat pada jadual 1 di atas iaitu pada akhir petikan pada novel iaitu “*Aku mau datang*” diubah kepada “*mau datang*” yang merupakan gaya bahasa epifora yang digunakan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pengulangan kata pada petikan tersebut iaitu “*datang*” yang terdapat pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* pada

halaman ke-49 dan juga pada filem *Dilan 1990* pada minit 0:14:32 hingga 0:15:00. Pengubahsuaian ini merupakan salah satu perkembangan idea yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Menerusi filem *Dilan 1990* dan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi kerana terdapat perubahan gaya bahasa epifora dari novel ke filem.

Secara keseluruhan jadual di atas terdapat tiga pengubahsuaian gaya bahasa epifora yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi menerusi filem *Dilan 1990* yang telah diubah daripada teks asal novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* iaitu pada petikan “*Aku harusnya ngajak kamu pulang naik motor*” kepada “*Tadinya aku mau ajak kamu pulang naik motor*”, “*Aku mau datang ke rumahmu*” kepada “*Nanti malam aku mau datang ke rumahmu*” dan “*Aku mau datang*” kepada “*Mau datang*”. Ketiga-tiga perubahan ini adalah merupakan gaya bahasa epifora sekali gus dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip modifikasi.

Jadual 4.15 Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 52 hingga 53)</p> <p>Aku mendekati ke tempat telepon rumahku berdering. Tidak usah ditanya bagaimana dia tahu nomor telepon rumahku. Kukira dia banyak akal. Hallo? Kusapa yang nelepon. “Selamat malam.” “Malam” “Bisa bicara dengan Milea?” “Iya, saya.” “Aku Dilan.” “Hey.” Mendadak jantungku langsung deg-degan. “Milea, bisa bicara dengan aku?” “Iya.” “Tadi aku datang.” “Iya.” “kau tahu kenapa aku datang?” “Kenapa?” “Kalau aku gak datang karena takut ayahmu, aku pencundang.” “Jadi aku datang,” katanya dia. “kalau dimarah, lagi bagus.” “Kok bagus?” “Kalau dimarah, nanti kamu kasihan ke aku.” Dilan ketawa. Aku hanya senyum. “Kasihan gak?” “Tadi dimarah?” kutanya dia. “Enggak.” “Syukurlah.” “Tadi, ayahmu bilang, kamu sudah tidur.” “Oh.” “Kenapa bisa ngomong?” tanya Dilan. Kamu ngigau?” “Iya.” “Ha ha ha ha ha.”</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit 0:16:34-0:17:24)</p> <p>[Bunyi telepon] Milea: Hello. Dilan: Selamat malam. Milea: Malam. Dilan: Bisa bicara dengan Milea? Milea: Iya, saya. Dilan: Aku Dilan. Milea: Oh, hai. Dilan: Milea, tadi aku datang ke rumah kamu. Milea: Iya, kamu yang nyamar jadi utusan kantin. Dilan: Karena kamu suka makan. Dilan: Kamu tahu kenapa aku datang. Milea: Kenapa? Dilan: Kalau aku tidak datang kerana aku takut ayahmu, itu berarti aku pencundang jadi aku datang. Dilan: Tapi dimarahi ayahmu, ya bagus. Milea: Kok Bagus? Dilan: Kamu nanti jadi kasihan ke aku. Milea: Memang tadi dimarahin? Dilan: Enggak, tapi ayahmu bilang kamu sudah tidur. Dilan: Kenapa kamu bisa ngobrol? Dilan: Lagi ngigau? Milea: He he.</p> <p style="text-align: right;">(Pidi Baiq dan Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Modifikasi)	
<p>Pengubahsuaian kata yang terdapat daripada novel ke filem <i>Dilan 1990</i> pada minit 0:16:34-0:17:24.</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Jadual 2 di atas merupakan petikan daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1900* dan skrip filem *Dilan 1990*. Menerusi petikan dan skrip tersebut terdapat pengubahsuaian yang telah dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu menerusi petikan novel pada halaman 52 terdapat pengubahsuaian iaitu “*Iya*” telah ditambah kepada “*Iya, kamu yang nyamar jadi utusan kantin*” pada minit 0:16:34-0:17:24 dalam filem *Dilan 1990*. Penambahan ini adalah pengulangan kata hadapan daripada kedua-dua sumber iaitu gaya bahasa anafora. Penambahan dialog Dilan pada filem *Dilan 1990* merupakan perkembangan idea yang dihasilkan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dan merupakan pindaan teks asal daripada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1900* mengalami penambahan skrip filem *Dilan 1990* iaitu pada dasarnya hanya “*Iya*” telah dikembangkan lagi kepada “*Iya, kamu yang nyamar jadi utusan kantin.*” Penambahan ini adalah salah satu bentuk modifikasi yang telah dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi dalam filem *Dilan 1990*. Justeru itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi dapat dilihat melalui teks tersebut.

Seterusnya, pengubahsuaian yang terdapat pada petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1900* menerusi teks petikan pada halaman 53 iaitu “*Kalau aku gak datang karena takut ayahmu, aku pencundang jadi aku datang*” telah diubah kepada “*Kalau aku tidak datang kerana aku takut ayahmu, itu berarti aku pencundang jadi aku datang.*” Perubahan ini dapat dilihat pada filem *Dilan 1990* iaitu terdapat penambahan dialog Dilan “*itu berarti*” yang dapat dikesan. Teks ini menggunakan gaya bahasa anafora dan epifora kerana terdapat pengulangan kata awal dan akhir iaitu “*Kalau aku tidak datang kerana aku takut ayahmu*” pada awal dialog dan pada akhir dialog “*jadi aku datang.*” Menerusi teks ini dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi.

Secara keseluruhan teks petikan novel dan skrip filem terdapat tiga teks petikan di atas yang telah diubahsuai oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi iaitu “*Iya*” telah ditambah kepada “*Iya, kamu yang nyamar jadi utusan kantin*” dan “*Kalau aku gak datang karena takut ayahmu, aku pencundang jadi aku datang*” diubah kepada “*Kalau aku tidak datang kerana aku takut ayahmu, itu berarti aku pencundang jadi aku datang*” dan terakhir adalah “*Kenapa bisa ngomong?*” telah diubah kepada “*Kenapa bisa ngobrol?*” kesemuanya telah mengalami pengubahsuaian yang dilakukan oleh Pidi Baiq pada filem *Dilan 1990*. Justeru itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip modifikasi dapat dikesan melalui jadual 2 di atas.

Jadual 4.16: Pengaplikasian kaedah Modifikasi dalam novel dan filem

Petikan novel	Skrip filem
<p>Novel: <i>Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990</i> (Halaman 65)</p> <p>“Eh, ngomong-ngomong kemarin, watuk si Dilan Jatuh, kamu lepar dia pake buku, kok berani, sih?”</p> <p>“Oh?” ha ha ha. Berani, lah!” Jawab wati.</p> <p>“Habisnya kesel. Dia itu nakal tau?” Di rumahnya begitu!”</p> <p>“Kamu saudara, ya?”</p> <p>“Iya, ibuku adik ayahnya.”</p> <p>“Oh, Pantas.</p> <p>“Nakal dia itu.”</p> <p>“Nakal gimana?”</p> <p>“Ah, banyak!” kata wati. “Pernah, tuh, waktu malam minggu, kapan, ya, pokoknya dia potong ayam ibuku. Diambil di kandang gak bilang-bilang.”</p> <p>(Pidi Baiq, 2014)</p>	<p>Filem: <i>Dilan 1990</i> (Minit 0:26:40-0:27:06)</p> <p>Milea: Kalau Dilan? Kamu akrab sama dia?</p> <p>Milea: Kok tadi pas dia jatuh di kelas. Kamu berani banget puku dia pake buku.</p> <p>Wati: Dia kan sepupu ku.</p> <p>Milea: Kalian, saudara?</p> <p>Wati: Ibuku itu adik ayahnya Dilan.</p> <p>Milea: Oh.</p> <p>Wati: Lia, si Dilan mah nakal tau.</p> <p>Wati: Ingat yah, waktu bukan, minggu kapan yah...</p> <p>Wati: Pokoknya si Dilan potong ayam ibuku.</p> <p>Milea: Hah? Ayam?</p> <p>Wati: Diambil di kandang enggak bilang-bilang (Pidi Baiq dan Fajar Bustomi, 2018)</p>
Pengaplikasian teori Intertekstualiti (Prinsip Modifikasi)	
<p>Pengubahsuaian kata yang terdapat daripada novel ke filem <i>Dilan 1990</i> pada minit 0:26:40-0:27:06</p>	

Sumber: Muhammad Asyraf Firdaus bin Dhalim (2024)

Melalui jadual 3 di atas terdapat unsur pengubahsuaian yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada filem *Dilan 1990*. Unsur pengubahsuaian dapat dilihat melalui petikan skrip filem *Dilan 1990* yang telah diadaptasikan dari sumber teks novel *Dilan 1990*. Antara pengubahsuaian teks asal adalah “*Eh, ngomong-ngomong kemarin, watuk si Dilan Jatuh, kamu lepar dia pake buku, kok berani, sih?*” di halaman 65 novel telah diubah kepada “*Kok tadi pas dia jatuh di kelas. Kamu berani banget puku dia pake buku*” pada minit 0:26:40-0:27:06 pada filem. Pengubahsuaian ini adalah berlaku pembalikan kata atau gaya bahasa inversi. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pidi Baiq dan Fajar Bustomi menukar skrip dalam filem dengan menukar kedudukan ayat iaitu

“*kamu lepar dia pake buku, kok berani, sih?*” telah ditukarkan kedudukan teks berkenaan kepada “*Kamu berani banget puku dia pake buku*”. Perubahan ini merupakan perubahan gaya bahasa inversi yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Justeru itu, menerusi teks berkenaan terdapat pengubahsuaian teks asal dan dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Modifikasi yang telah digariskan oleh Julia Kristeva pada tahun 1980.

Seterusnya, pengubahsuaian teks dapat dilihat melalui petikan pada jadual 3 di atas terdapat unsur pengubahsuaian yang telah dilakukan oleh Pidi Baiq terhadap skrip filem *Dilan 1990* menerusi teks “*Kamu saudara, ya*” telah diubah kepada “*Kalian saudara?*”. Menerusi teks ini terdapat unsur gaya bahasa repitisi iaitu pengulangan kata pada baris yang sama iaitu “*Saudaraan*” pengulangan ini telah menukarkan perkataan “*Kamu*” pada novel kepada “*Kalian*” pada filem. Gaya bahasa repitisi telah mengubahsuaikan teks asal novel yang terdapat dalam filem. Oleh itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi dapat dilihat dari segi gaya bahasa yang ditonjolkan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi ke dalam filem *Dilan 1990*.

Selain itu, pengubahsuaian teks juga dapat dilihat melalui petikan pada jadual 3 di atas terdapat unsur pengubahsuaian yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi pada filem *Dilan 1990* iaitu pada petikan “*Iya, ibuku adik ayahnya*” telah diubah kepada “*Ibuku itu adik ayahnya Dilan*”. Melalui petikan tersebut terdapat pengulangan kata pada baris tengah iaitu “*adik*” dan merupakan gaya bahasa responsi. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada awal permulaan teks pada novel adalah “*Iya*” telah ditukarkan kepada “*Ibuku*” ke dalam filem *Dilan 1990* dan berlaku pengurangan teks pada skrip filem. Selain itu juga, pada bahagian akhir teks mengalami perubahan iaitu “*Ayahnya*” telah mengalami penambahan ayat iaitu “*Ayahnya Dilan*” pada filem. Melalui petikan novel dan skrip filem telah mengalami modifikasi yang telah dilakukan oleh Pidi Baiq

dan Fajar Bustomi pada filem *Dilan 1990*. Oleh itu, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Modifikasi dapat dikesan melalui gaya bahasa responsi.


Secara keseluruhan petikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem *Dilan 1990* dapat mengaplikasikan teori intertekstualiti berpandukan prinsip Modifikasi Julia Kristeva (1980). Melalui teks di atas juga dapat mengesan gaya bahasa yang diterapkan oleh Pidi Bai dan Fajar Bustomi.

4.4 Dapatan kajian

Melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati terdapat unsur persamaan dan perbezaan jalan cerita adaptasi novel ke filem *Dilan 1990* dari segi elemen yang diubah dan perubahan teks kepada visual serta pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel iaitu keselarian teks daripada novel ke filem dan juga berdasarkan prinsip Modifikasi iaitu pengubahsuaian teks melalui gaya bahasa.

4.4.1 Dapatan kajian objektif 1

Melalui dapatan kajian persamaan dan perbezaan jalan cerita, elemen yang diubah dan perubahan teks ke visual dapat dilihat melalui carta pai di bawah:




Rajah 4.2: Dapatan kajian persamaan, perbezaan dan elemen yang diubah

Carta pai di atas merupakan peratusan yang didapati melalui penelitian teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990*. Melalui carta pai peratusan bagi persamaan jalan cerita adalah 20% bersamaan 4 persamaan yang dapat dikesan melalui kedua-dua sumber berkenaan. Seterusnya, perbezaan jalan cerita pada carta pai di atas adalah sebanyak 20% bersamaan dengan 4 perbezaan yang dikesan melalui pemerhatian teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Selain itu, elemen yang diubah terdapat pada carta pai di atas adalah 50% bersamaan dengan 10 elemen yang dapat di kesan melalui penelitian kedua-dua sumber iaitu novel dan filem. Akhir sekali, perubahan teks ke visual yang dapat dikesan melalui pemerhatian teks novel ke filem adalah 10% atau bersamaan dengan 2.

4.4.2 Dapatan kajian objektif 2

Carta Pai dibawah merupakan dapatan objektif 2 yang diperolehi melalui penelitian teks novel dan skrip filem:



Rajah 4.3: Dapatan Kajian Objektif 2

Carta Pai di atas merupakan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui penelitian teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Melalui carta pai di atas hasil kajian yang dapat di kesan melalui pengaplikasian teori Intertekstualiti berpandukan prinsip Modifikasi dapat mengesan perubahan teks asal yang telah diubah ke dalam filem dari segi gaya bahasa adalah sebanyak 42% atau bersamaan dengan 8. Akhir sekali, menerusi carta pai di atas dapat dikenal pasti keselarian teks yang terdapat pada novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* melalui teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel sebanyak 58% bersamaan dengan 11 keselarian yang dikenal pasti melalui penelitian ini.

4.5 Kesimpulan

Menerusi teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan filem *Dilan 1990* mendapati bahawa terdapat persamaan melalui kedua-dua sumber berkenaan. Persamaan ini dapat dikesan melalui penelitian teks novel dan skrip filem iaitu sebanyak 4 persamaan yang telah dikenal pasti. Selain itu juga, kajian ini juga memberikan fokus kepada perbezaan jalan cerita yang terdapat dalam filem *Dilan 1990* dan hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan teks adaptasi novel ke filem. Seterusnya, melalui adaptasi novel ke filem terdapat elemen yang diubah daripada adaptasi novel ke filem. Di samping itu, kajian ini juga memberikan fokus kepada perubahan teks ke dalam bentuk visual. Akhir sekali, pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi yang telah diguna pakai dalam penelitian ini.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dalam menyediakan kajian ini. Dalam bab ini juga, pengkaji melakukan rumusan secara keseluruhan analisis dan perbincangan kajian yang dilakukan sebelum ini. Bab lima ini, pengkaji mengetengahkan implikasi dan cadangan bagi membantu pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan serta mengisi kekosongan kajian ini pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis yang berkaitan dengan teori Intertekstualiti yang terdapat pada filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq & Fajar Bustomi dan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku 1990* karya Pidi Baiq berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi. Secara rumusannya, filem adaptasi daripada novel adalah salah satu pendekatan yang dapat mengembangkan lagi karya-karya sastera ke dalam bentuk visual yang dapat menarik minat masyarakat tentang karya sastera. Adaptasi novel ke filem telah mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera dari segi mentaliti kerana kebanyakan orang pada hari menganggap karya sastera hanyalah berdasarkan novel, pantun dan sebagainya. Kajian ini bertujuan membuka mata dan minda masyarakat terhadap karya-karya sastera dan penting kerana adaptasi ini bertujuan memberikan hiburan kepada masyarakat secara visual.

Hasil rumusan objektif pertama melalui teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq yang telah diadaptasikan menjadi sebuah filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq & Fajar Bustomi. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan jalan cerita yang terdapat pada filem *Dilan 1990* arahan Pidi

Baiq & Fajar Bustomi. Setiap petikan teks dan skrip filem telah dikenal pasti persamaan dan perbezaan daripada kedua-dua sumber. Justeru itu, kajian ini telah menjawab objektif pertama dalam kajian ini.

Seterusnya, rumusan objektif kedua iaitu pengaplikasian teori Intertekstualiti dilihat sangat membantu pengkaji dalam menyelesaikan permasalahan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kedua-dua sumber tersebut pengkaji dapat mengaplikasikan teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi. Teori Intertekstualiti membantu pengkaji mengenal pasti perbezaan antara teks novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* dan skrip filem *Dilan 1990* dari segi jalan cerita yang terdapat pada filem tersebut. Intertekstualiti menurut pandangan Julia Kristeva setiap teks mempunyai unsur kutipan daripada teks lain dan tiada satu karya yang dapat berdiri sendiri tanpa mengambil teks lain untuk dimasukkan ke dalam karya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan jalan cerita yang ditampilkan, perubahan teks ke dalam bentuk visual, elemen yang dikekalkan dan pengaplikasian teori dalam filem *Dilan 1990* melalui cabang prinsip Intertekstualiti iaitu prinsip Paralel dan Prinsip Modifikasi yang telah dikembangkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1980. Oleh itu, kajian ini telah menjawab persoalan dan objektif kedua dalam kajian ini.

Berdasarkan perkara tersebut, mendapati bahawa adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke filem *Dilan 1990* yang diarahkan oleh Pidi Baiq & Fajar Bustomi telah memaparkan unsur persamaan dan perbezaan filem. Secara keseluruhan filem tersebut masih lagi mengekalkan sumber asal yang terdapat dalam novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*, namun terdapat juga teks novel yang telah diubah daripada teks asal bertujuan mengembangkan lagi idea teks ke dalam filem tersebut secara tidak langsung berlaku *close adaptation*, *loose adaptation* dan

intermediate adaptation dalam penghasilan filem *Dilan 1990* bertujuan mengembangkan idea. Terdapat juga pengguguran teks yang terdapat dalam filem *Dilan 1990* bertujuan mengurangkan masa untuk pengembaraan filem tersebut. Justeru, adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke filem *Dilan 1990* telah membuka mata masyarakat terhadap karya sastera boleh diadaptasi menjadi sebuah filem seperti *Lord of The Rings* dan *Harry Potter* di negara barat dan di Malaysia sendiri mempunyai filem adaptasi seperti *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* yang diadaptasikan daripada teks sejarah.

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa Pidi Baiq & Fajar Bustomi telah melakukan modifikasi teks asal ke dalam filem *Dilan 1990*. Hal ini dikatakan demikian kerana, perubahan teks yang dapat dikesan oleh pengkaji adalah dari segi pemilihan teks asal sebelum diadaptasikan menjadi sebuah filem mempunyai sebab yang tertentu iaitu dari segi masa dan perkembangan idea sebelum dimasukkan ke dalam filem. Perubahan unsur naratif harus mempunyai sebab tersendiri dan tidak semua perubahan ini akan menemukan sebab. Justeru, pengkaji dibenarkan untuk meletakkan sebab berdasarkan penelitian terhadap teks dan karya adaptasi. Perbandingan terhadap unsur naratif dari segi plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema harus dilakukan antara teks asal dengan filem adaptasi. Justeru, pengkaji mendapati dalam filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq & Fajar Bustomi telah mengalami perubahan skrip filem namun masih mengekalkan teks asal novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* pada beberapa babak dalam filem *Dilan 1990*.

5.3 Implikasi Kajian

Perubahan yang dibawa oleh Pidi Baiq & Fajar Bustomi pada teks karya sastera adalah suatu media yang dapat membuka mata masyarakat di Indonesia dan Malaysia tentang

kepentingan teks karya sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana, adaptasi novel ke filem telah mengubah pandangan dan persepsi masyarakat di Indonesia dan Malaysia terhadap karya sastra pada mereka hanyalah membaca novel semata-mata. Hasil daripada adaptasi filem *Dilan 1990* dapat memberikan kesedaran terhadap masyarakat pentingnya perubahan teks novel menjadi sama ada filem atau drama. Secara tidak langsung, perkara ini dapat melahirkan ramai anak muda untuk bergiat aktif dalam bidang penulisan kreatif untuk menghasilkan novel yang bermutu tinggi untuk dijadikan filem. Adaptasi ini juga memberikan kekuatan dan kesan yang tersendiri kepada penulis novel dan pengarah filem untuk menghasilkan filem. Secara tidak langsung akan berlaku kolaborasi antara penulis novel dengan penerbit filem untuk menghasilkan filem adaptasi. Justeru, adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* ke filem *Dilan 1990* telah memberikan semangat kepada penulis karya sastra untuk menghasilkan novel yang berkualiti untuk dijadikan sebuah filem.

Semua pihak juga harus memainkan peranan bagi mengembangkan lagi karya sastra melalui pelbagai bentuk media seperti yang dilakukan oleh Pidi Baiq & Fajar Bustomi dengan mengadaptasikan novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* menjadi sebuah filem *Dilan 1990*. Adaptasi yang dilakukan oleh Pidi Baiq dan Fajar Bustomi adalah mengubah teks asal daripada novel bagi mengembangkan lagi idea dan secara tidak langsung memberikan pemikiran yang kreatif untuk menghasilkan sebuah filem yang berkualiti. Hal ini kerana, menghasilkan filem yang berkualiti harus mempunyai pemikiran yang kreatif untuk diketengahkan oleh pengarah filem itu sendiri. Pemikiran kreatif adalah seseorang pengarah itu mengolah semula jalan cerita asal daripada novel kepada sebuah filem seperti yang dilakukan oleh Pidi Baiq & Fajar Bustomi. Selain itu, untuk melahirkan tokoh pemikiran yang kreatif harus mempunyai pengkritik karya sastra dengan melalui teori-teori kritikan sastra seperti teori

Intertekstualiti yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji persamaan dan perbezaan jalan cerita filem *Dilan 1990* dan mengaplikasikan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi berdasarkan pandangan Julia Kristeva.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji terasa terpanggil untuk mengetengahkan beberapa cadangan yang dapat memberikan tanggapan yang positif dan relevan untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, adaptasi novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* kepada filem *Dilan 1990* dapat membuka mata pelbagai pihak untuk meneruskan filem adaptasi pada masa akan datang. Justeru, beberapa cadangan yang bertepatan dan kesesuaian untuk menghasilkan filem adaptasi daripada novel ke filem. Cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

5.4.1 Kementerian Malaysia

Kerajaan Malaysia harus memainkan peranan dalam mengembangkan lagi filem adaptasi karya sastera dengan menerusi Kementerian Komunikasi dan Digital dengan memberikan dana yang secukupnya kepada syarikat-syarikat penerbit tempat untuk menghasilkan filem yang berkualiti dan memberikan galakan kepada orang muda untuk menceburi bidang pembuatan filem di Malaysia. Dibawah Kementerian Komunikasi dan Digital terdapat Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Peranan FINAS adalah memberikan peralatan kemudahan untuk menghasilkan filem seperti sewaan alat pos produksi menyediakan telecine, editing, audio suite, graphic suite dan lain-lain kemudahan untuk produksi filem. FINAS juga bertanggungjawab dalam mengeluarkan filem bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman rakyat Malaysia mengenai dasar-dasar pembangunan Kerajaan Malaysia melalui perfileman. FINAS juga

bertanggungjawab untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk menceburi bidang perfileman negara dengan memberikan modal kepada syarikat penerbit filem, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan filem di Malaysia.

Seterusnya, peranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan masyarakat yang berfikiran yang kreatif dan berimajinasi tinggi bertujuan untuk melahirkan bakat baru dalam penulisan karya-karya sastera seperti cerpen dan novel yang berkualiti. Hal ini penting kerana, peranan KPM adalah melahirkan modal insan yang kreatif dalam apa-apa bidang seperti dalam bidang kesusasteraan. Bidang sastera negara harus dikembangkan lagi menerusi silibus pembelajaran KOMSAS di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bagi menarik minat murid-murid untuk membaca karya-karya sastera dan mengadakan pertandingan penulisan kreatif di peringkat kebangsaan sekali gus dapat mencukil bakat baru dalam penulisan kreatif dan bakal menggantikan Sasterawan Negara pada masa akan datang.

Akhir sekali peranan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan tinggi dalam bidang kesusasteraan. Langkah yang perlu diambil oleh KPT adalah dengan menggalakkan pelajar IPT untuk menulis sebuah buku yang berkaitan dengan kesusasteraan bagi memupuk kesedaran kepada pelajar IPT terhadap bidang kesusasteraan iaitu pihak Universiti Awam (UA) perlu mengadakan program kolaborasi antara UA di seluruh negara yang mempunyai bidang kesusasteraan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menghasilkan karya-karya sastera yang bermutu tinggi bertujuan melahirkan pengkarya-karya sastera yang mampu menghasilkan karya dengan serta berfikiran kreatif, inovatif dan berimajinasi tinggi dalam bidang penulisan. Secara tidak langsung akan mengangkat

karya tersebut menjadi sebuah filem adaptasi yang dilakukan oleh negara jiran kita Indonesia kerana Indonesia mempunyai ramai pengkarya dan sasterawan seperti Buya Hamka, Pramoedya Ananta Toer dan Pidi Baiq karya mereka diangkat menjadi sebuah filem adaptasi.

5.4.2 Orang Awam

Peranan masyarakat Malaysia dalam bidang perfileman adalah menjadi penonton yang aktif. Hal ini kerana masyarakat Malaysia memainkan peranan yang penting untuk menyokong filem tempatan dengan menonton filem tempatan melalui pawagam di seluruh negara. Contohnya, filem adaptasi Malaysia yang telah mendapat sambutan yang luar biasa seperti filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022) arahan Syamsul Yusof telah berjaya mendapat kutipan tertinggi dalam filem adaptasi Malaysia iaitu sebanyak RM 97 juta dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (2017) arahan Seth Larney merupakan adaptasi daripada karya novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* karya Ramlee Awang Mursid yang telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM 8.1 juta. Justeru, peranan masyarakat adalah penting untuk menggerakkan sokongan kepada filem adaptasi tempatan melalui penontonan yang aktif.

Selain itu, peranan masyarakat Malaysia adalah berani memberikan kritikan yang membina terhadap karya-karya sastera dan filem adaptasi. Hal ini kerana, kritikan ini adalah bertujuan untuk penambahbaikan pada filem adaptasi pada masa akan datang. Kepentingan ini adalah bertujuan untuk menghasilkan filem dengan kandungan yang memberikan mesej yang positif kepada masyarakat dan juga masyarakat dapat memberikan kritikan kepada penulisan novel. Kritikan pada novel ini bertujuan untuk menghasilkan novel yang berkualiti oleh penulis novel tempatan. Kritikan ini juga menilai kualiti karya sastera seperti novel dan para pengkritik ini akan membahaskan

tentang aspek-aspek yang terdapat pada novel tersebut melalui plot, watak, perwatakan, gaya penulisan, tema dan unsur naratif yang terdapat dalam novel yang dihasilkan oleh penulis. Secara tidak langsung, penulis tempatan dapat menghasilkan karya sastera yang berkualiti selepas mendapat kritikan yang membina untuk menghasilkan karya sastera. Justeru, peranan masyarakat adalah mengkritik karya sastera dengan melakukan kajian terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh penulis tempatan.

5.4.3 Peranan industri tempatan

Industri tempatan juga memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan filem dan novel yang berkualiti. Hal ini kerana, industri penerbitan seperti Karangraf, PTS Media Group, dan Galeri Ilmu memainkan peranan dalam penerbitan buku. Secara tidak langsung akan memberikan sumbangan dalam melahirkan penulis yang berbakat di seluruh negara dengan menganjurkan pelbagai aktiviti di peringkat sekolah sehingga peringkat IPT dalam penulisan kreatif iaitu dengan memberikan suntikan semangat kepada pelajar sekolah untuk menulis cerpen dan memberikan bayaran pada setiap cerpen yang ditulis oleh pelajar sekolah dan pelajar IPT bertujuan menaikkan semangat mereka untuk terus berkarya. Melalui inisiatif yang diberikan oleh syarikat berkenaan dapat memberikan suntikan semangat kepada anak muda untuk menceburi bidang penulisan kreatif. Selain itu juga, peranan syarikat penerbit filem tempatan seperti Skop Production haruslah berani untuk menghasilkan filem adaptasi karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, syarikat penerbit ini memainkan peranan penting dalam menaikkan karya sastera kepada tontonan umum dan sekali gus dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera. Justeru, peranan syarikat penerbitan buku dan filem sangat memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Akhir sekali, peranan industri tempatan haruslah mempunyai idea yang kreatif untuk menaikkan karya sastera dengan melakukan kolaborasi dengan syarikat pengeluaran games seperti *Ubisoft*, *Electronic Arts*, *Activision* dan sebagainya untuk menghasilkan permainan video games seperti yang dilakukan oleh negara barat yang mengangkat karya sastera mereka ke dalam bentuk permainan video game. Contohnya, permainan *God of War* yang mengangkat karya sastera Yunani kuno dan mitologi Nordik ke dalam permainan video tersebut. Adaptasi ini tidak hanya terbatas kepada filem sahaja namun, adaptasi karya sastera juga dapat diangkat melalui permainan video games. Justeru itu, pihak industri tempatan haruslah mengangkat karya agung tempatan seperti *Sulalatus Salatin* dalam bentuk permainan video games dan sekali gus menarik minat masyarakat tempatan terhadap karya sastera dengan melalui adaptasi.

5.4.4 Peranan pengkaji lain

Melalui kajian ini, pengkaji lain dapat menggunakan kajian ini dengan sebagai rujukan pada masa akan datang dengan mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pengkaji dan mengembangkan lagi kajian yang berkaitan dengan adaptasi novel ke filem berdasarkan karya-karya sastera. Perkara ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pengkaji lain tentang kepentingan kajian ini pada masa akan datang. Justeru itu, kajian ini akan menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya untuk mengkaji tentang adaptasi dan sekali gus dapat mengembangkan lagi kajian ini serta dapat mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pengkaji.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada semua individu, masyarakat dan pihak berwajib untuk memberikan sokongan kepada industri penerbitan filem tempatan supaya dapat mengangkat karya sastera menjadi sebuah filem melalui adaptasi seperti yang dilakukan oleh Pidi Baiq & Fajar Bustomi di Indonesia. Permasalahan kajian adalah kajian ini melibatkan dua sumber yang dikaji oleh pengkaji iaitu novel *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq dan filem *Dilan 1990* arahan Pidi Baiq & Fajar Bustomi untuk melihat persamaan dan perbezaan jalan cerita dan pengaplikasian teori Intertekstualiti berdasarkan prinsip Paralel dan prinsip Modifikasi. Melalui kajian ini, adaptasi dapat membuka mata dan mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera tidak hanya terbatas pada pembacaan malah karya sastera boleh dinikmati melalui tontonan filem dan bermain permainan video game seperti yang dilakukan oleh negara barat untuk mengangkat karya sastera mereka dengan seiring perkembangan teknologi pada hari ini.

RUJUKAN

- Abdullah, A., & Permana, R. S. M. (2020). Pembingkai media mengenai “Sudut Dilan” yang terinspirasi Film *Dilan 1990* dan *1991*. *ProTVF*, 4(1) 85-104.
- Alfaro, M. J. M. (1996). Intertextuality: Origins and development of the concept. *Atlantis*, 18(2), 268-285.
- Ali, A. H., & Mohamad, A. (2015). Novel *Episod Cinta di Tanah Hijrah* dalam bacaan Intertekstualiti. *Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 1-33.
- Anggraeni, P. N., & Utomo, A. P. Y. (2021). Analisis tindak tutur ekpreksif Dilan dalam filem *Dilan 1990*. *Logat*, 8(10), 27-40.
- Asri, R. (2020). Membaca film sebagai sebuah teks: Analisis isi film “*Nanti Kita Cerita Tentang Hari Ini*”. *Jurnal Al Azhar Indonesia Seri Ilmu Sosial*, 1(2), 74-86.
- Anisa, U. (2019). Hubungan Intertekstualitas antara komik *Wayang Purwa* karya Saleh Ardisoma dengan novel *Grafis Serat Tripama: Gugur Cinta Maespati* karya Sujiwo Tejo. [Tesis Sarjana, Universitas Negeri Jakarta]. Repository UNJ.
- Arifin, Z. (2020). Metodologi penelitian pendidikan. *Jurnal Al-Hikmah*, 1(1), 1-5.
- Azillah, R. (2017). Analisis psikologi tokoh utama novel *Dilan dia adalah Dilanku Tahun 1990* karya Pidi Baiq. [Tesis Sarjana, Maritime University of Raja Ali Haji]. UMRH Repository.
- Aziz, N. A. (2015). Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: kajian Intertekstualiti. [Disertasi kedoktoran, University of Malaya]. University of Malaya.
- Aziz, S. A. (2011). *Laskar Pelangi: Satu penelitian adaptasi novel ke filem. Kemanusiaan*, 18(1), 35-52.
- Bakri, M., Juanda, J., & Hajrah, H. (2018). Dialog polifonik dalam novel *Ziarah* karya Iwan Simatupang tinjauan dialogis Mikhail Bakhtin. [Tesis Sarjana, Makassar State University]. Makassar State University.
- Baiq, P. (2014). *Dilan: Dia Adalah Dilanku Tahun 1990*. Pastel Book.
- Baiq, P., & Bustomi, F. (Pengarah). (2018). *Dilan 1990* [Filem]. Max Pictures.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa Pustaka.
- Fathullah, N. S., Sari, Y. A., & Adikara, P. P. (2020). Analisis sentimen terhadap rating dan ulasan film dengan menggunakan metode klasifikasi Naïve Bayes dengan Fitur Lexicon-Based. *Jurnal Pengembangan Teknologi Informasi dan Ilmu Komputer*, 4(2), 590-593.
- Ghani, A. H. A. (2002). Penyelidikan merupakan seni untuk menyingkap pengetahuan baru. *Jelapang*, 3(1), 71-79.
- Habiburrahman. (2016). Analisis Intertekstualiti dalam *Puisi Dinyanyikan* karya Taufiq Ismail. [Tesis Sarjana Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository.

- Hamid, M. N. S., & Ghazali, M. N. S. (2021). E-komik *Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan* (Satu analisis Tekstual, kepentingan dan cabaran). *Malaysian Journal of Communication*, 3(2), 171-194.
- Hamid, M. N. S., & Yaapar, M. S. (2015). Adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Hamidun, F., Adillah, N., Yusoff, N., & Nor Adzli, N. S. A. (2020). Representasi Stilistik filem *Hang Tuah* (1956). *International Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*, 9(1), 1-17.
- Hadiansah et al. (2021). The values of character education in the novel of *Dilan 1990* written by Pidi Baiq: Sociology study. *Journal of Language Teaching and Literature*, 8(1), 311-318.
- Harari, J. N. (1979). *Textual Strategies: Perspectives in Post-Structuralist Criticism*. Cornell University Press.
- Hidayat, M. R. (2021). Kisah Yajuj Majuj tafsir Al-Azhar: Analisis Intertekstualitas Julia Kristeva. *Jurnal Penelitian Hukum Ekonomi Syariah dan Sosial*, 6(1), 45-64.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 17-24.
- Ibrahim, M. Q. W. (2021). Kajian adaptasi hikayat ke filem: analisis berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa*. [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Ismail, K. T. (2016). Analisis Intertekstualiti dalam *Puisi Dinyayikan* karya Taufiq Ismail. [Tesis Sarjana, Sultan Idris Education University]. UPSI Digital Respository.
- Imang, U. (2015). Sifat dan motivasi penontonon filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. *Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan: Universiti Malaysia Sabah. Jurnal Komunikasi Borneo edisi khas*, 1(1), 47-65.
- Izra, I. M. I., Saleeh, M., Md Azlan, S. M. S. (2020). Konflik watak dan perwatakan dalam *Saladin the animated series*: Analisis intertekstualiti. *Ideology Journal*, 5(1), 69-92.
- Jamal, N. F. A., & Rusli, N. F. M. (2022). Perbandingan penggunaan gaya pengajaran Grasha-Riechmann oleh guru berdasarkan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah dan secara dalam talian. *PENDETA*, 13(2), 41-54.
- Karma, R., & Irwan, L. M. (2022). Interaksi sosial dalam film *Mariposa* Sutradara Fajar Bustomi. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera*, 2(2), 241-246.
- Karninik., Lamusiah, S., & Maryani, S. (2019). Psikologi tokoh utama dalam novel *Dilan, Dia adalah Dilanku 1991* karya Pidi Baiq. *Jurnal Ilmiah Telaah*, 4(2), 50-55.

- Khairani, L. (2022). Visualisasi ekspresi emosi melalui akting tokoh utama sebagai penguat setting suasana dalam filem *Dilan 1991*. [Tesis Sarjana, Indonesian Institute of the Arts Yogyakarta]. ISI Surakarta.
- Kholifah, L. N. (2020). Kisah kanak-kanak dalam al-Quran(Kajian Intertekstualiti Julia Kristeva). *POROS ONIM*, 1(2), 95-108.
- Kurnia, K., Yunus, N. H., & Surdiman, S. (2023). Analysis of the main character's inner conflict in the novel Milea suara dari Dilan by Pidi Baiq. *Jurnal Kajian dan Terapan Media, Bahasa, Komunikasi*, 4(1), 75-89.
- Kiffli, S., & Mohd Saufi, N. A. R. (2020). Elemen-elemen adaptasi di dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (TPR). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 109–125.
- Mohd. Nasir, N. Y., Bujang, R., & Mat Hussain, E. (2021). Animasi Cerita *Bangsawan Puteri Saadong*: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 23(1), 143-160.
- Mohd Nor, N. A., & Abdullah, N. A. V. (2020). Kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu. *Akademika*, 90(1), 25-37.
- Mohammad, A. A. M. (2022). Analisis penulisan skrip dalam filem adaptasi terpilih berdasarkan pendekatan estetika bersepadu. [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Ngada, E. Y. P. (2022). Perbandingan novel *Mariposa* Karya Luluk HF dengan film *Mariposa* yang disutradarai oleh Fajar Bustomi. *Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia*, 11(2), 103-112.
- Noverino, R. (2015) Kajian analisis wacana kritis Intertekstualitas (interdiskursivitas) pada terjemahan yang menggunakan bahasa gaul. *Jurnal Elektronik*, 6(1), 108-116.
- Nuh, T. A., & Kristanty, S. (2022). Permaknaan remaja tentang sikap tanggungjawab dalam tayangan film Milea: suara dari Dilan. *PANTAREI*, 6(1), 1-9.
- Pamungkas, N. W. (2016). Perbandingan dalam novel *Pulang* karya Leila S. Chudori dengan novel *Pulang* karya Toha Mohtar serta implikasinya terhadap pembelajaran sastra Indonesia di Sekolah Menengah Atas. [Tesis Sarjana, State Islamic University Syarif Hidayatullah Jakarta]. Repository UIN Syarif Hidayatullah.
- Piliang, Y. A. (2004). Semiotika teks: Sebuah pendekatan analisis teks. *Mediator: Jurnal Komunikasi*, 5(2), 189-198.
- Puat, N. A. (2023). Kajian nilai-nilai kemanusiaan menerusi sajak terpilih Wirawan Negara Bangsa: analisis berdasarkan teori Sosiologi. [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Discol UMK.
- Ramadhan et al. (2021). *Critical Spiritualism in a Collection of Short Stories "Markesot Bertutur Lagi" by Emha Ainun Nadjib: Dialogical Analysis of Mikhail Bakhtin*. *Journal of Social Studies and Humanities*, 1(1), 55-65.

- Ramadhani, F. (2021). Perbandingan representasi romantisisme remaja dalam trilogi film *Dilan*. [Tesis Sarjana, National Development University "Veteran" of East Java]. UPN Veteran Jatim Repository.
- Riffaterre, M. (1978). *Semiotics of Poetry*. Indiana University Press.
- Rismayanti, R. (2021). Pembentukan konsep diri remaja penonton film *Dilan 1990* di Yogyakarta. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 18(1), 105-122.
- Rohman et al. (2021). Tindak tutur ilokusi dalam dialog tokoh *Dilan* pada filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 11(3), 346-356.
- Rosli et al. (2020). Metodologi kajian keberkesanan aktiviti dakwah Badan Bukan Kerajaan (BBK) kepada golongan mualaf di Malaysia. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 22-33.
- Safei, M., & Hassan, T. R. R. (2016). Politik dan Intertekstualiti dalam juara. *Malay Literature*, 29(2), 207-232.
- Safitri, N., & Sudikan, S. Y. (2020). Novel *Men Cobleng* karya Oka Rusmini: kajian teori Dialogis Mikhail Bakthin. *Jurnal Bapala*, 7(1), 1-9.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: analisis pragmatic. *PENDETA*, 10(1), 57-74.
- Sari, M. M. (2017). Analisis Intertekstualitas cerpen *Surat Dari Emak* karya Yulhasni dengan cerpen *Perempuan Perkasa* karya Nasib Ts. [Tesis Sarjana, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Medan]. UMSU Repository.
- Sari, Y. P., Missriani, M., & Wandiyono, W. (2021). Analisis gaya bahasa film *Dilan 1990* karya Pidi Baiq. *Jurnal Pembelajaran Bahasa Indonesia*, 11(1), 10-16.
- Saputra, J. E. (2019). Konsep acuan bauran oleh Max Pictures dalam melakukan strategi promosi film *Dilan 1991*. [Tesis Sarjana, Universitas Jember]. Repository Universitas Jember.
- Shahbudin, M. S. I. (2021). Intertekstualiti kiriman blog dalam kalangan remaja berdasarkan Gender. *PENDETA*, 12 (1), 79-89.
- Sikana, M. (1994). *Tuah-Jebat* dalam drama Melayu: Satu kajian intertekstualiti. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Sintiawati et al (2018). Kajian Intertekstual novel *Dilan* karya Pidi Baiq dengan novel *Milea* karya Pidi Baiq. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(3), 267-282.
- Syofian, M., & Gazali, N. (2021). Kajian literatur: dampak Covid-19 terhadap pendidikan jasmani. *Journal of Sport Education (JOPE)*, 3(2), 93-102.
- Sumiharti, S., & Kastri, N. (2021). Perwatakan protagonis tokoh Zaharana dalam novel *Cinta Suci Zaharana* karya Habiburrahman El-Shirazy. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(2), 273-283.
- Turrahmah, D. N. (2019). Ekranisasi novel *Dilan 1990* karya Pidi Baiq ke dalam filem *Dilan 1990* karya Fajar Bustomi. *Jurnal Sapala*, 5(1) 1-11.

- Wijayanty, M. T., Murniviyanti, L., & Barkudin. Kajian Intertekstual antara novel *Dilan 1991* karya Pidi Baiq dengan novel *Delusi* karya Sirhayani. : *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajaran*, 3(2), 152-158.
- Yaakup, H. S. (2018). *Tombiruo*: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Jurnal Komunikasi*, 34 (2), 323-337.
- Yatim, N. (2018). Kajian Intertekstualiti dalam novel-novel Siti Zainon Ismail. [Disertasi kedoktoran, University of Malaya]. UM Student's Respository.
- Zpalanzani, A., & Sachari, A. (2013). Napak Tilas Tata Rupa dan Cetak Sampul Novel di Indonesia (1931-2010). *VISUALITA*, 5(1), 76-88.



LAMPIRAN




MALAYSIA

KELANTAN

DILAN

*dia adalah
Dilanku
tahun 1990*



Pidi Baiq



KELANTAN